



Kenali Ipoh

AKTIVITI



1. Jelaskan maksud kosa kata dan ungkapan yang menarik dalam teks.
2. Bina lima ayat daripada kosa kata dan ungkapan menarik tersebut.

Ipoh ialah ibu negeri dan pusat pentadbiran negeri Perak yang terletak 200 kilometer dari Kuala Lumpur. Nama Ipoh berasal daripada nama sejenis tumbuhan, iaitu pokok ipuh. Pada tahun 1988, Ipoh telah **diisytiharkan** sebagai bandar raya. Terdapat banyak sejarah dan warisan yang boleh dijejaki di Ipoh. Pelbagai kaum di Ipoh seperti Melayu, Cina,

dan India mewujudkan kepelbagaian budaya.

Seni bina bangunan di sini mempunyai tarikan yang tersendiri. Bangunan Mahkamah Tinggi Ipoh, Stesen Kereta Api Ipoh, dan bangunan Hong Kong and Shanghai Bank masih mengekalkan ciri-ciri seni bina Inggeris. Begitu juga halnya dengan bangunan Pejabat Pos Lama Ipoh dan Dewan Bandaran Ipoh. Selain itu, seni bina Moghul dan Islam pula dapat dilihat pada Masjid Paloh yang dibina pada tahun 1912.

Keunikan pakaian tradisional masyarakat di sini masih dipertahankan. Selain pemakaian ceongsam, sari, doti, dan samfu, **busana** putera dan puteri Perak merupakan warisan tradisional yang **tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas**. Bagi masyarakat Melayu, “busana putera dan puteri Perak” masih dipakai dalam majlis rasmi atau dalam **adat istiadat** persandingan.

Ipoh juga mempunyai pelbagai makanan tradisional yang terkenal seperti rendang tok, mi rebus, kacang putih, kopi putih, ayam tauge, dan nasi kandar. Pengunjung pasti **rambang mata** untuk memilih **aneka makanan** yang disajikan. **Keaslian rasa** makanan tradisional Ipoh ini pasti **menambat selera** sesiapa sahaja yang berkunjung ke sini.

Kesimpulannya, Bandaraya Ipoh **sarat** dengan **elemen** sejarah dan kepelbagaian budaya. Maka, sejarah dan warisan bandar raya ini hendaklah dipelihara dan dipulihara agar generasi akan datang dapat **menelusuri** nilai dan sejarahnya.



PERKASA ILMU

Ungkapan menarik ialah susunan kata yang menarik dan mempunyai maksud tertentu seperti peribahasa, kata-kata hikmat, dan cogan kata.



TEROKA MINDA

Namakan beberapa contoh bangunan bersejarah yang anda tahu dan ceritakan keistimewaannya.





Galeri Numismatik

AKTIVITI



Berikan makna perkataan dan rangkai kata yang **berwarna merah** dalam petikan, kemudian bina ayat bagi menjelaskan maksudnya.



Nyatakan persamaan dan perbezaan antara mata wang dahulu dengan mata wang sekarang.

Mohan, Haliza, dan May Ling telah berkunjung ke Galeri Numismatik di Muzium dan Galeri Seni, Bank Negara Malaysia. Mereka ingin membuat kajian tentang sejarah **mata wang** di Malaysia.

Sejarah perkembangan wang bermula dengan **evolusi** tamadun manusia sejak tahun 2000 Sebelum Masihi (SM) yang lalu. Manusia menggunakan **sistem barter** atau sistem tukar barang sebelum adanya wang berbentuk **logam**, contohnya kulit binatang, pedang, barang tembaga, dan hasil pertanian. Penemuan logam lembut seperti emas, perak, dan **tembaga** menjadi **titik tolak** kepada sejarah penggunaan wang daripada pelbagai bahan logam.



Mata wang Johor

Duit syiling emas zaman Sultan Abdul Jalil Shah II (1571 – 1597)

- Kupang emas bentuk bulat.
- Kupang emas bentuk segi lapan.



Mata wang Melaka

- Pitis dan setengah pitis zaman Sultan Muzaffar Shah (1445 – 1459).
- Setengah pitis zaman Sultan Mansur Shah (1459 – 1477).



Mata wang Kedah

Tarra tembaga yang digunakan semasa pemerintahan Sultan Dhiuddin Mukarram Shah (1661 – 1687).



Mata wang Kelantan

Pitis Kelantan ini telah digunakan pada tahun 1904. Sebahagian besar pitis Kelantan dibuat dengan menggunakan acuan yang berbentuk pohon pitis. Kaedah dari negara China ini mula diperkenalkan semasa pemerintahan Dinasti Tang (618 – 906).

(Sumber: Muzium dan Galeri Seni, Bank Negara Malaysia)





Ulang Tahun ke-59 Dewan Bahasa dan Pustaka

AKTIVITI



Sediakan teks pengacaraan majlis berdasarkan bahan, kemudian persembahkan teks pengacaraan tersebut.

Sejarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), atau nama asalnya Balai Pustaka, ditubuhkan pada 22 Jun 1956 di Johor Bahru, Johor. Pada ketika itu, DBP merupakan sebuah jabatan kecil di bawah Kementerian Pelajaran. Penubuhan DBP adalah

untuk mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Pada peringkat awal, DBP mengorak usaha murninya di Bukit Timbalan, Johor Bahru. Hasil Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu ke-III di Singapura dan Johor Bahru pada 16 hingga 21 September 1956, pihak kerajaan telah menerima cadangan untuk menukar nama Balai Pustaka kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Pada tahun 1957, DBP telah berpindah ke Kuala Lumpur dan ditempatkan di bekas wad hospital di Jalan Young. Pada 31 Januari 1962, DBP telah berpindah ke bangunan sendiri di Jalan Lapangan Terbang Lama atau Jalan Dewan Bahasa.

Bermula pada tahun 1977, DBP Cawangan Sabah di Kota Kinabalu, DBP Cawangan Sarawak di Kuching, DBP Wilayah Utara di Bukit Mertajam, DBP Wilayah Timur di Kota Bharu, dan DBP Wilayah Selatan di Johor Bahru telah dibuka. Kini, DBP beroperasi di bangunan ibu pejabat yang baharu, iaitu Menara Dewan Bahasa dan Pustaka. Bangunan yang terletak di Jalan Dewan Bahasa, Kuala Lumpur ini turut menempatkan pejabat DBP Wilayah Tengah.

(Sumber: www.dbp.gov.my)

ATUR CARA MAJLIS SAMBUTAN ULANG TAHUN DBP

- 8:30 pagi: Ketibaan kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka
8:45 pagi: Ketibaan Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nyanyian Lagu *Negaraku* dan *Dewan Bahasa*
 - Bacaan Doa
 - Tayangan Video “Sejarah Dewan Bahasa dan Pustaka”
 - Ucapan Alu-aluan Ketua Pengarah DBP
 - Persembahan Deklamasi Puisi
 - Ucapan Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka dan Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan
- 1:00 tengah hari: Majlis Bersurai

Unit 22 Seni Warisan Anak Bangsa



Mendengar dan Bertutur

AKTIVITI



Dengar pengumuman dan jelaskan maklumat.

Bengkel Mencanting Batik

Haliza menyertai lawatan ke bengkel mencanting batik di Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM), Cawangan Terengganu.

PENGUMUMAN

Salam sejahtera dan selamat pagi.

Satu bengkel mencanting batik tradisional peringkat kebangsaan 20□□ akan diadakan seperti butiran yang berikut:

- Penyertaan: Murid sekolah menengah
Tarikh: 29 Julai 20□□
Hari: Sabtu
Masa: 9:00 pagi hingga 12:00 tengah hari
Tempat: Dewan Kenanga
Pembimbing: Jurulatih Pelukis Batik
Yuran Masuk: RM25.00 seorang peserta
Anjuran: PKKM Cawangan Terengganu
Alatan: Pihak urus setia akan menyediakan canting, lilin, pewarna, dan kain putih sahaja. Peralatan tambahan lain hendaklah dibawa sendiri oleh peserta.

Semua peserta yang berminat hendaklah menghantar borang penyertaan dan bayaran sebelum 15 Julai 20□□. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Encik Azam bin Bakri, melalui talian 019 123 4567.

Sekian, terima kasih.



TEROKA MINDA



Cari maklumat tentang peralatan yang digunakan untuk mencanting batik.





Membaca

Uniknya Istana Seri Menanti



AKTIVITI



Baca brosur tentang Istana Seri Menanti dengan sebutan, intonasi, dan nada yang sesuai.



Istana Lama Seri Menanti merupakan istana kebanggaan keluarga diraja Negeri Sembilan Darul Khusus. Istana ini masih kukuh terpelihara dengan pelbagai ukiran yang unik. Istana empat tingkat ini telah dibina oleh dua orang tukang Melayu yang bernama Kahar dan Taib. Pembinaan istana ini bermula pada tahun 1902 dan siap pada tahun 1908.

Keunikan seni ukiran Melayu istana ini sangat menarik dengan pelbagai motif seperti lambai-lambai, awan berarak, tampuk manggis, dan bunga semantung. Seni bina istana ini sangat istimewa kerana menggunakan pasak yang diperbuat daripada kayu sebagai paku dari tiang hinggalah atapnya. Jumlah tiang penegak istana ialah 99 batang sebagai melambangkan 99 orang juak-juak hulubalang Negeri Sembilan.

Istana ini telah dijadikan muzium diraja pada 14 Julai 1992. Sejak itu, istana ini telah ditadbir oleh Jabatan Muzium Negeri Sembilan. Terdapat pelbagai sudut pameran tentang keluarga diraja Negeri Sembilan yang dipamerkan di sini. Setiap ruang istana dikekalkan seperti asal bagi menunjukkan fungsi ruang tersebut seperti kamar beradu, balai rong seri, dan galeri potret. Muzium ini sentiasa dipelihara dengan baik sebagai warisan sejarah kebudayaan Negeri Sembilan.

(Sumber: Diubah suai daripada Arkib Negara Malaysia)

Tahun Melawat Negeri Sembilan Kunjungi Istana Seri Menanti



Sudut Pameran Senjata

Sudut ini mempamerkan pelbagai senjata lama seperti keris, lembing, dan tombak.

9:00 pagi
hingga
5:30 petang

Anjuran Jabatan Muzium Negeri Sembilan
Sila Hubungi: 07-123 4567
Encik Akmal Ahmad
www.srimenanti.gov.my

TEROKA MINDA



Bandingkan dan bezakan Istana Seri Menanti dengan istana lain di Malaysia.



PERKASA ILMU

Bahasa istana ialah laras bahasa yang digunakan oleh kerabat diraja atau orang kebanyakan (rakyat) semasa berurusan dengan pihak istana. Contohnya, *beradu*, *santap*, *bersiram*, *beta*, *patik*, *mencemar duli*, dan *mangkat*.





Congkak

AKTIVITI



1. Tulis laporan tentang pertandingan permainan congkak.
2. Permainan congkak dapat meningkatkan kemahiran matematik pemainnya. Jelaskan pendapat anda.

Peraturan Permainan Congkak


- Dua orang pemain yang bertanding akan duduk secara menghadap.
- Kedua-dua pemain akan memulakan permainan secara serentak dengan mengambil semua buah dalam mana-mana rumah sendiri dan bergerak mengikut pusingan jam.
- Pemain tidak dibenarkan untuk melangkaui atau

memintas pihak lawan. Setiap kali tiba di rumah ibu sendiri, sebiji buah hendaklah dimasukkan tetapi tidak untuk rumah lawan. Buah yang telah dimasukkan ke rumah ibu lawan menjadi kepunyaan pihak lawan.

- Genggaman yang mengandungi buah terakhir mestilah dilepaskan dahulu sebelum mengambil buah yang ada di rumah tersebut dan kembali menapak.
- Pemain dikira mati giliran menapak jika buah akhir masuk ke mana-mana rumah kosong.
- Pemain lawan akan mendapat giliran menapak kecuali jika naik rumah, maka pemain hidup boleh meneruskan permainan semula. Pemain hanya boleh menikam setelah melalui kampung lawan.
- Mana-mana rumah yang terbakar tidak boleh ditandakan. Baki buah disimpan di rumah ibu sendiri. Buah yang masuk ke rumah terbakar hendaklah dibawa menapak semula.
- Pemain yang memiliki buah congkak terbanyak dikira sebagai pemenang. Sekiranya jumlah buah congkak sama banyak, maka pemain dengan jumlah kampung terbakar paling banyak dikira kalah.

Pertandingan Permainan Congkak Peringkat Sekolah

Tarikh: 15 Ogos 20 □□
 Hari: Selasa
 Masa: 9:00 pagi hingga 12:00 tengah hari
 Dirasmikan oleh: Pengetua, Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Siantan



PERKASA ILMU

Karangan Format Laporan

- Tajuk ditulis dengan huruf besar pada setiap awal perkataan kecuali kata sendi nama dan kata hubung.
- Tajuk laporan digariskan.
- Tulis perenggan isi dan penutup laporan.
- Pengakuan pelapor dan tarikh ditulis sebaris.
- Tandatangan pada sebelah kiri laporan.
- Nama pelapor ditulis di sebelah kiri dengan huruf besar.
- Nama dan jawatan pelapor ditulis di bawah nama pelapor dan diakhiri dengan tanda noktah.





Tikar Mengkuang

AKTIVITI



Bincangkan persoalan dalam cerpen.

Perjalanan dari Kuala Lumpur ke Cherating mengambil masa hampir dua jam. Suraya tidak sabar-sabar ingin bertemu dengan Mak Cik Senah, ibu saudaranya itu. Dia ingin menghabiskan cuti persekolahannya di Cherating yang terkenal dengan keindahan pantainya. Ibu dan ayah sudah maklum. Suraya suka melihat kepantasan jari-jemari Mak Cik Senah menganyam

tikar mengkuang yang berwarna-warni itu.

“Mak cik, nampaknya banyak tempahan tikar mengkuang bulan ini,” ujar Suraya sambil memerhatikan Mak Cik Senah laju menyiat mengkuang berdiri itu.

Mak Cik Senah menguntum senyum. Suraya pernah cuba untuk menyiat daun mengkuang itu tetapi jarinya tertusuk duri. Sejak itu, Mak Cik Senah tidak membenarkan Suraya menyiat mengkuang lagi. Tikar mengkuang Mak Cik Senah memang terkenal di Cherating. Bukan sahaja orang tempatan yang membelinya malahan pelancong asing juga. Apabila ada kelapangan, Mak Cik Senah akan membuat bekas bunga telur, beg, dan bakul daripada mengkuang. Ramai pelancong suka membeli bahan kraf tangan ini. Bengkel Mak Cik Senah telah dikunjungi pelancong dari Eropah, Jepun, dan Timur Tengah.

“Senah! Oh, Senah!” tersentak Suraya mendengar laungan suara itu. Dia pasti itu suara Mak Long Jah, isteri Penghulu Lazim.

“Oh, engkau Jah! Masuklah!” balas Mak Cik Senah.


“Sudah siap tikar yang aku pesan hari tu?” soal Mak Long Jah.

“Sudah, kelmarin lagi dah siap,” jawab Mak Cik Senah. Mak Cik Senah menyuruh Suraya mengambil tikar mengkuang berwarna merah jambu dan hijau itu. Mak Long Jah menghulurkan wang RM120.00 kepada Suraya sambil tersenyum puas. Lumayan juga, fikir Suraya.

“Mak cik, nanti Su nak tolong warnakan daun mengkuang itu,” kata Suraya sambil mengunyah keropok lekor panas.

“Boleh, Su! Kamu juga boleh cuba menganyam tikar itu. Sayang sekali kalau seni menganyam ini hilang begitu sahaja,” jelas Mak Cik Senah. Suraya mengangguk tanda setuju. Dia berazam untuk menyambung seni warisan anyaman tikar mengkuang nenek moyangnya.

(Umami Solehah, 2016)



PERKASA ILMU

Pokok mengkuang ialah sejenis tumbuhan yang hidup di kawasan berpayau. Daun mengkuang yang tirus dan panjang mempunyai banyak duri. Daun mengkuang dapat dijadikan tikar, bakul, bekas bunga telur, beg, dan tudung saji. Kemahiran menganyam sangat penting untuk menghasilkan barangan kraf tangan yang cantik daripada daun mengkuang.





Rentak Tarian Piring

AKTIVITI



Senaraikan kata kerja tak transitif dan bina dialog berdasarkan petikan.

Tarian piring merupakan seni tari yang dipelopori oleh masyarakat Minangkabau atau Minang, Sumatera Barat, Indonesia. Seni tari ini kemudiannya turut berkembang dan terkenal dalam kalangan masyarakat Minang yang berhijrah ke Tanah Melayu. Kebanyakan daripada mereka bermastautin di Negeri Sembilan seperti di Seremban, Kuala Pilah, dan Rembau. Biasanya, tarian ini dipersembahkan dalam majlis perkahwinan atau majlis khas

untuk menyambut kedatangan tetamu. Tarian ini dinamakan tarian piring kerana penarinya menggunakan piring ketika menari.

Tarian ini boleh ditarikan secara berpasangan, lelaki dan perempuan ataupun sekumpulan lelaki sahaja. Penari akan bergandingan sambil mengatur langkah tarian mengikut alunan muzik. Mereka akan menari secara beriringan bermula dengan gerakan perlahan yang semakin melaju. Kemahiran penari menyebabkan piring yang dipegang tidak jatuh. Biasanya semakin banyak latihan tarian dibuat, semakin baik persembahan tarian mereka. Adakalanya, penari akan melambung-lambungkan piring tersebut. Kemahiran menari sehingga tidak menjatuhkan piring menarik perhatian penonton ditambah pula oleh penari yang tersenyum ceria bagi menampakkan keyakinan semasa menari.

Gerakan tarian ini menyerupai gerakan petani semasa bercucuk tanam dan menuai padi ketika musim padi menguning. Tarian ini juga melambangkan perasaan gembira dan kesyukuran para petani terhadap hasil tanaman yang diperoleh. Kebiasaannya, penari tarian piring akan memakai pakaian tradisional yang berwarna-warni. Warna terang seperti hijau dan merah menjadi pilihan agar kelihatan menarik.

Tarian piring akan diiringi oleh pukulan gong dan rebana sahaja ataupun dengan

muzik saluang dan talempong atau caklempong. Keunikan seni tarian piring telah mengangkat tarian ini sebagai salah satu warisan budaya Nusantara yang perlu dikekalkan daripada satu generasi kepada satu generasi yang lain.

(Sumber: www.heritage.gov.my/warisanidakketara, Jabatan Warisan Negara)



Terdapat banyak tarian tradisional di Malaysia. Klasifikasikan tarian tradisional tersebut mengikut kaum dan ceritakan keistimewaannya.





Kuih Tradisional

AKTIVITI



1. Berbual berdasarkan bahan.
2. Tulis sebuah karangan tentang kebaikan mempromosikan kuih tradisional pada peringkat antarabangsa.

Mohan, Haliza, dan Ai Lin berkunjung ke Festival Kuih Tradisional di Kuala Lumpur.

SELAMAT DATANG KE FESTIVAL KUIH TRADISIONAL



PERKASA ILMU

Resipi Dodol

Bahan-bahan

- 1 kg tepung pulut (diayak)
- 1 liter santan
- 2 liter air
- 1 kg gula melaka
- 100 gm gula pasir

Cara Masak

Masak santan sehingga timbul minyaknya. Kemudian, masukkan tepung pulut dan kacau sehingga sebatu. Tuang air secukupnya bersama gula melaka dan gula pasir. Kacau adunan sehingga pekat dan bertukar warnanya, kemudian angkat dan sejukkan.



Tema

12

SUKAN DAN REKREASI



**Obor Azam Menjang
Citra Nusa**

**Sukan dan rekreasi membentuk
gaya hidup sihat**



Fokus

Murid diberi pendedahan untuk berbual tentang kegiatan harian, membaca pantun, membina kerangka penulisan dengan menyenaraikan perenggan isi, melengkapkan maklumat diri, menggunakan awalan dan akhiran kata nama, dan memahami serta mengapresiasi syair dan prosa dengan respons peribadi.

Unit 23 Jasmani Cergas



Mendengar dan Bertutur

Sihat Berekreasi

AKTIVITI



1. Berbual dengan rakan tentang aktiviti yang lasak dan mencabar berdasarkan gambar.
2. Secara berkumpulan, cari maklumat sukan lasak lain yang digemari oleh golongan remaja.
3. Bahagikan kelas anda kepada dua kumpulan. Buat satu perbahasan tentang tajuk “Aktiviti Lasak Dapat Menyerlahkan Personaliti dan Membina Keyakinan Diri.”

Masyarakat mengamalkan gaya hidup sihat dengan berekreasi:



Flying fox



Panjat tembok



Berbasikal



Meluncur



Sukan permotoran



PERKASA ILMU

Tubuh yang sihat diperoleh daripada gaya hidup sihat seperti bersenam, beriadah, mengamalkan pemakanan yang seimbang, dan menghindari perkara yang negatif.





Badan Cergas Minda Cerdas

AKTIVITI



1. Lafazkan pantun dengan sebutan dan intonasi yang betul.
2. Jelaskan maksud bagi setiap rangkap pantun.

Pak Ajin membeli ikan,
Terlihat unggas di pohon kerdas;
Gigih dan rajin dalam bersukan,
Jasmani cergas minda cerdas.

Burung belatuk di pohon turi,
Mematuk selesa di balik suria;
Sukan membentuk motivasi diri,
Disiplin sentiasa cergas ceria.

Nampak indah kemboja di jalan,
Banyak dilihat menghias pusara;
Bersukan beriadah suatu amalan,
Mental sihat negara sejahtera.

Tersusun indah bunga dahlia,
Bunga dilihat di Kuala Kemuju;
Sukan riadah amalan mulia,
Rakyat sihat negara maju.

Bunga matahari hias sepekan,
Mata melihat dengan selesa;
Elak diri malas bersukan,
Agar hidup sihat sentiasa.

(B.Liana, 2016)



PERKASA ILMU

Pantun digunakan sebagai wahana yang mengandungi maksud yang tersirat. Pantun digunakan untuk memberikan nasihat, kiasan, penghargaan, sindiran, dan jenaka kepada masyarakat. Pantun turut dilagukan sebagai hiburan.





Manfaat Berekreasi

AKTIVITI



Tulis kerangka penulisan berdasarkan teks.

Salam sejahtera saya ucapkan kepada pengacara majlis, panel hakim, guru-guru, dan rakan-rakan yang saya hormati sekalian. Hadirnya saya di pentas yang indah ini bertujuan untuk menyampaikan syarahan yang bertajuk, “Rekreasi Dapat Memberikan Manfaat kepada Masyarakat”.

Hadirin sekalian,

Rekreasi atau riadah ialah kegiatan yang menyeronokkan, yang boleh menyegarkan badan dan melapangkan fikiran melalui istirahat dan aktiviti yang menghiburkan hati. Oleh itu, masyarakat hari ini tidak boleh menjadikan kesibukan bekerja sebagai alasan untuk tidak berekreasi. Kita akan memperoleh pelbagai manfaat apabila melakukan aktiviti rekreasi.

Aktiviti seperti berjoging, berbasikal, dan mendaki gunung boleh menyihatkan tubuh badan. Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila kita beriadah, kadar lemak yang terkumpul di dalam badan dapat dikurangkan. Badan kita akan berpeluh. Apabila badan kita sihat, penyakit berbahaya seperti penyakit jantung, kencing manis, dan darah tinggi dapat dihindari, bak kata pepatah Melayu, mencegah lebih baik daripada mengubati.

Hadirin sekalian,

Selain itu, aktiviti riadah yang dilakukan pada setiap hujung minggu juga mampu menjadi pemangkin untuk mengurangkan tekanan perasaan atau stres dalam diri seseorang. Keletihan dan bebanan kerja yang berterusan menyebabkan seseorang menghadapi kemurungan, lesu, dan tidak bersemangat. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan prestasi kerja merosot dan mengundang pelbagai impak negatif seperti mendapat teguran daripada pihak atasan, dilucutkan jawatan, dan sebagainya. Oleh itu, kita perlu menenangkan fikiran dengan melakukan aktiviti riadah.

Kebanyakan ibu bapa pada zaman sekarang sibuk bekerja menyebabkan masa untuk bersama-sama dengan anak-anak begitu terhad. Oleh itu, aktiviti riadah yang dilakukan bersama-sama dengan keluarga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan. Semasa beriadah, ibu bapa boleh menasihati anak-anak tentang nilai murni dalam kehidupan sehari-hari.

Hadirin sekalian,

Akhir kata, kita perlu mempunyai kesedaran tentang kepentingan berekreasi. Amalkan aktiviti berekreasi dalam kehidupan sehari-hari. Negara yang maju lahir daripada masyarakat yang sihat dan cergas.

Sekian, terima kasih.

TEROKA MINDA



Pada pendapat anda, bagaimanakah kita boleh menangani masalah stres melalui aktiviti berekreasi?





Syair Pesan Ibu

AKTIVITI

1. Lagukan syair di bawah dengan nada dan intonasi yang sesuai.
2. Tulis dan jelaskan maksud syair.

Dengarlah anakku ibu berpesan,
 Riadah dan sukan janganlah bosan,
 Kesibukan kerja bukan alasan,
 Agar hidupmu sihat berwawasan.

Ayuh anakku banyakkkan riadah,
 Agar hidupmu menjadi mudah,
 Jika kesihatan tidak diendah,
 Penyakit hinggap pasti kaugundah.

Lakukan riadah setiap masa,
 Perkara yang sukar menjadi biasa,
 Tiba waktu kaupasti selesa,
 Hidupmu ceria juga sentosa.

Bersukan anakku janganlah malas,
 Riadah juga usah kauculas,
 Lapangkan hatimu hendaklah ikhlas,
 Amalan baik pasti dibalas.

Kesihatan itu pelindung diri,
 Bagaikan kebun berpagar duri,
 Rekreasi dan riadah setiap hari,
 Badan kausihat tanpa sedari.

(B.Liana, 2016)



TEROKA MINDA



Cadangkan cara-cara untuk menyedarkan masyarakat akan kepentingan berekreasi.



Masyarakat Malaysia kini mempunyai kesedaran tentang kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat. Jelaskan tanggungjawab setiap anggota keluarga dalam usaha menjaga kesihatan diri dan keluarga.





Hari Sukan Negara

AKTIVITI



Kenal pasti imbuhan awalan dan imbuhan akhiran berdasarkan dialog.

Hari Sukan Negara diadakan bertujuan untuk menggalakkan rakyat supaya sentiasa bersukan. Apabila aktiviti sukan dijadikan amalan, rakyat akan sihat dan produktiviti akan meningkat. Ikutilah perbualan antara Nani dengan Ildan tentang manfaat Hari Sukan Negara.

TEMA

12

Ildan, siapakah golongan yang disasarkan untuk menyertai Hari Sukan Negara?

Peserta yang terlibat dalam Hari Sukan Negara ialah murid, pesara, pekedai, petani dan seluruh sektor awam, sektor swasta serta Orang Kurang Upaya.

Saya mahu menyertai acara balapan. Awak pula bagaimana?

Saya mahu menjadi sukarelawan. Hari tersebut dapat menyatukan semua bangsa dan agama. Patriotisme bersemi dalam sukan. Olahragawan dan olahragawati turut mengambil bahagian.

Apakah manfaat yang diperoleh apabila menyertai Hari Sukan Negara, Ildan?

Negara bukan sahaja dapat memperluas jaringan ekonomi melalui pembangunan industri sukan, malah rakyat dapat meningkatkan rangkaian pengetahuan sukan mereka.

Apakah aktiviti yang akan dijalankan pada hari tersebut?

Aktiviti berdasarkan 3M, iaitu mudah, murah dan menarik.

Saya dimaklumi bahawa Munir ialah juruacara pada hari tersebut. Dia merupakan mahaguru dalam bidang pengacaraan di tempat kita. Jika begitu, kita mesti menyertai program ini!



Unit 24 Cergas Aktif



IMBAS SAYA



Mendengar dan Bertutur

Senamrobik

AKTIVITI



Main peranan dengan menemu bual Dr. Hajah Mastura binti Johar atau tokoh lain.

Riana telah mendapatkan maklumat diri Dr. Hajah Mastura binti Johar, jurulatih aerobik kebangsaan.

Tentang Saya

- Jurulatih aerobik sukan berprestasi tinggi, iaitu gimnastik aerobik peringkat antarabangsa.
- Jurulatih pasukan aerobik negara ke Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) di Manila dan di Bangkok.
- Ketua Jurulatih (*Master Trainer*) Majlis Kecergasan Kebangsaan (NFC).
- Naib Presiden Jawatankuasa Teknikal untuk “Aerobik Gimnastik”, Persekutuan Gimnastik Malaysia.
- Pengarah Regim Kecergasan “Stick2Stix” untuk *Women Sport and Fitness Foundation* Malaysia (WSFFM).
- Terlibat dalam kecergasan aerobik, program rekreasi, dan sukan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Tentang senamrobik

- Pergerakan kumpulan otot kecil kepada otot besar yang berterusan untuk suatu jangka waktu mengikut rentak muzik.
- Senaman yang mengaktifkan sistem jantung dan paru-paru dan menjadikan organ tersebut bekerja lebih kuat daripada keadaan asal.

Faedah senamrobik

Meningkatkan kecekapan sistem peredaran darah, mencegah osteoporosis, mewujudkan sistem imunisasi yang kuat, mengurangkan kandungan lemak di dalam badan, serta dapat meningkatkan produktiviti kerja.

(Sumber: Dr. Hajah Mastura binti Johar)



Arena sukan mampu memupuk semangat muhibah dan perpaduan. Huraikan.





Melompat Lebih Jauh

AKTIVITI



1. Berikan maksud perkataan yang **berwarna merah** dengan merujuk kamus dan glosari.
2. Bina ayat dengan perkataan tersebut bagi menjelaskan maksudnya.



Sukan berkuda ialah sukan yang mengasah kemahiran menunggang kuda oleh penunggangnya. Sukan ini mewujudkan persefahaman antara manusia dengan kuda. Hal ini dikatakan demikian kerana penunggang kuda perlu bijak mengawal **emosi** diri dan kuda di hadapan khalayak. Terdapat acara sukan yang melibatkan aksi berkuda seperti **balet** kuda, lompat palang, menunggang kuda jarak jauh, dan **polo**.

Aksi balet kuda memerlukan keupayaan kuda mempersembahkan pergerakan badan yang menarik. Ciri-ciri persembahan kuda yang baik berdasarkan kekerapan dan kebebasan pergerakan kuda, keanjalan langkah kuda, dan keinginan kuda bergerak ke hadapan.

Selain itu, aksi berkuda lompat palang memerlukan penunggang yang mahir menunggang kuda, melompat halangan, atau melakukan aktiviti **lombol**. Penunggang kuda perlu yakin kerana perasaan takut akan menyebabkan kuda tertekan sehingga mengganggu pergerakan kuda. Penunggang yang baik mestilah cekap mengawal kuda untuk bergerak, berlari, dan berhenti.

Di samping itu, acara menunggang kuda jarak jauh pula memerlukan kuda yang **lasak**. Perkara ini penting kerana kuda memerlukan **stamina** dan kemampuan semula jadi. Kuda yang dilatih untuk ditunggang dinilai berdasarkan gaya dan kebolehan kuda dan penunggangnya.

Sukan berkuda dapat melatih pemain mengimbangkan diri, meregangkan **otot**, dan memperbaiki pergerakan otot seluruh badan. Selain itu, amalan menunggang kuda dapat mempertingkatkan kecekapan otak kiri kerana penunggang perlu peka dan **tangkas** terhadap persekitaran.



PERKASA ILMU

Qabil Ambak bin Mahamad Fathil ialah anak kelahiran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mula berkecimpung dalam sukan berkuda sejak berusia 10 tahun. Pada tahun 2001, beliau menjuarai liga Piala Dunia Asia Tenggara dan dianggap sebagai penunggang kuda termuda yang memenangi pertandingan tersebut. Beliau juga merupakan atlet lelaki terbaik dalam Sukan SEA ke-21, dan penerima anugerah Malaysian Olympian 2001. Beliau berjaya mempertahankan kejuaraan dalam Sukan SEA pada tahun 2001, 2005, dan 2007.

(Sumber: www.qabilambak.com)



Cadangkan langkah-langkah untuk mempopularkan sukan berkuda agar dapat disertai oleh masyarakat tanpa mengira peringkat usia, status mahupun bangsa.





Bintang Negara

AKTIVITI



Tulis maklumat diri tokoh dalam perenggan dengan menggunakan ayat yang gramatis.



PERKASA ILMU

Dua orang atlet negara yang turut memperolehi pingat emas dalam Sukan Paralimpik 2016 di Rio de Janeiro, Brazil ialah Muhammad Ziyad bin Zolkefli dalam acara lontar peluru F20 dan Abdul Latif bin Romly dalam acara lompat jauh T20. Siti Noor Radiah binti Ismail pula memenangi pingat gangsa dalam acara lompat jauh T20.

Mohamad Ridzuan bin Mohamad Puzi

Biodata

27 September 1987

Lahir di Kampung Sertik, Karak, Pahang

Membesar di Padang Besar, Perlis

Ibu bernama Lailah binti Salleh

Bapa bernama Mohamad Puzi bin Mat Isa

Sekolah Pendidikan Khas di Bukit Dumar Ria, Lancang, Pahang

Pencapaian

Emas acara olahraga 100 meter kategori T36 dalam Sukan Paralimpik 2016 di Rio de Janeiro, Brazil

Emas acara olahraga 100 meter dan 200 meter kategori T36 dalam Sukan Para ASEAN 2015 di Singapura

Emas acara olahraga 100 meter, kategori T36 dalam Kejohanan Olahraga Dunia IPC 2015 di Doha, Qatar

Emas acara olahraga lompat jauh, perak acara 100 meter dan 200 meter kategori T36 dalam Sukan Para Asia 2014 di Incheon, Korea Selatan

Cabaran

Tidak menjadikan kekurangan fizikal sebagai halangan

Tidak mudah mengalah

Harapan

Terus memperolehi kejayaan dan mengharumkan nama negara

TEROKA MINDA



Pilih seorang tokoh sukan yang anda tahu dan tuliskan maklumat tokoh tersebut.

Dorongan

Minat yang mendalam

Ibu bapa dan keluarga

Jurulatih

(Sumber: Temu bual dengan Mohamad Ridzuan bin Mohamad Puzi dan Majlis Sukan Negara, 12 Februari 2016, dan akhbar *Berita Harian*, 17 September 2016)





Hikmah dan Cabaran

AKTIVITI



Kenal pasti pengulangan kata dan singkatan kata dalam petikan.

Matahari telah condong sedikit ke arah barat menandakan hari sudah petang. Sekumpulan murid kelihatan berlari-lari mengelilingi padang sekolah. Hari ini ada latihan bola sepak. Azizan tidak berlatih. Dia hanya berdiri di tepi padang.

“Bilakah perlawanan pasukan bawah 15 tahun, Din?”

Soal Cikgu Rosman kepada Cikgu Nordin sebaik-baik sahaja

Cikgu Nordin menghampirinya dan Azizan.

“Minggu depan,” jawab Cikgu Nordin, ringkas.

Azizan sungguh kecewa. Dia pasti tidak dapat bermain dalam perlawanan itu nanti.

“Janganlah kecewa, Azizan. Kita tak boleh nak mengelakkan perkara yang sudah berlaku,” kata Cikgu Azizan. “Tentu ada hikmah di sebalik kecederaan kaki awak,” kata beliau lagi.

“Janganlah kecewa, Azizan,” celah Cikgu Rosman pula. “Perlawanan ini bukanlah perlawanan persahabatan yang terakhir,” katanya lagi untuk memujuk Azizan.

Azizan sekadar tersenyum nipis. Apalah gunanya menjadi ketua pasukan kalau sekadar menonton perjuangan rakan-rakan sepasukan di tepi padang.

“Cikgu, bolehkah saya berada bersama-sama dengan pasukan walaupun saya tidak dapat bermain?” Soal Azizan.

“Ya, sudah tentu boleh,” kata Cikgu Nordin. “Awak boleh memperhatikan strategi perlawanan pihak lawan dan merangka perubahan strategi pasukan awak nanti,” kata Cikgu Nordin.

“Awak boleh bertindak sebagai pengurus pasukan,” celah Cikgu Rosman. “Walaupun awak tak boleh bermain bola, awak boleh memainkan peranan yang lain,” kata beliau lagi. “Main tetap main. Lawan tetap lawan,” sambungnya menyuntik semangat juang Azizan.

“Ya, main tetap main, lawan tetap lawan,” bisik hati kecil Azizan, penuh semangat. Perkara yang penting ialah kejayaan dalam perjuangan. Dia tidak rela melihat pasukannya dikalahkan oleh pihak lawan.

(Dipetik dan diubah suai daripada novel *Zizan atau Zidane: Pasukan Paling Top* karya Alias Derais, KarnaDya Solutions Sdn. Bhd.)



TEROKA MINDA



Secara berkumpulan, cari maklumat tentang sejarah bola sepak negara dan perkembangan sukan ini sehingga sekarang.





Sukan Memanah

AKTIVITI



Cari kata ganda yang terdapat dalam petikan dan bina ayat menggunakan kata ganda tersebut.

Asyraf Sabry merupakan setiausaha kelab memanah di sekolahnya. Beliau telah pergi ke pejabat Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (PMKM) untuk mendapatkan maklumat tentang sukan ini bagi kegunaan anggota kelab memanah beliau.

Sukan memanah telah menjadi aktiviti rekreasi yang popular dalam kalangan masyarakat pada masa ini. Anak-anak muda mula berjinak-jinak dalam sukan ini. Di sekolah-sekolah juga sukan ini telah diperkenalkan. Tujuannya adalah untuk mencungkil bakat baharu yang berpotensi. Terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian dalam sukan memanah ini.

Pertama, teknik dan strategi semasa memanah. Pemanah perlulah berhati-hati ketika hendak menarik busur sebelum dilepaskan. Pandangan mestilah tajam dan fokus pada papan sasaran. Pemanah tidak boleh terburu-buru untuk melepaskan busur tersebut. Pemanah mestilah berada dalam keadaan tenang dan tidak terganggu bagi memastikan panahan mereka tidak tersasar.

Kedua, latihan intensif. Pemanah perlu menjalani latihan intensif agar kemahiran memanah dapat ditingkatkan. Latihan memanah ini harus dilakukan secara berulang-ulang ataupun berkali-kali sehingga pemanah betul-betul serasi dengan teknik memanahnya. Latihan intensif ini juga dapat mengelakkan pemanah daripada mendapat kecederaan semasa bertanding. Hal ini berlaku demikian kerana sukan memanah memerlukan kekuatan pada otot-otot tangan.

Ketiga, undang-undang sukan memanah. Pemanah mampu menguasai sukan ini jika mereka mengetahui dan memahami undang-undang yang ditetapkan. Hal ini penting bagi memastikan pemanah dapat menyusun strategi mereka untuk mendapatkan mata yang lebih tinggi, seterusnya memenangi sesuatu pertandingan.

Kesimpulannya, ketiga-tiga perkara di atas membantu individu yang ingin menjadi pemanah berwibawa. Penganjuran kejohanan sukan memanah tempatan yang sering diadakan dapat dijadikan landasan untuk mempersiapkan bakat baharu sukan memanah negara di pentas antarabangsa.



TEROKA MINDA



Secara berkumpulan, bandingkan dan bezakan sukan memanah dengan sukan menembak dalam bentuk peta pemikiran.





Pemakanan untuk Kesihatan

AKTIVITI



Berikan imbuhan awalan dan akhiran bagi perkataan yang sesuai dalam bahan.

Jadual Keperluan Kalori

Gender	Kalori yang diperlukan dalam sehari
Lelaki	2000 – 2500 kalori
Wanita	1600 – 2000 kalori

(Sumber: *pmr.penerangan.gov.my*)

Protein dapat membentuk antibodi untuk melawan jangkit penyakit.

Kejayaan atlet bergantung pada persiapan mental, fizikal, dan makanan gizi.

Buah-buahan dijadikan sebagai ganti snek.

Ahli sukan perlu mengurangkan pengambilan sup krim.

Protein dan karbohidrat perlu diambil dalam masa 30 minit selepas latihan.

Atlet olahraga memerlukan minum yang khas untuk memberikan tenaga.

Pengambilan banyak protein tetapi tidak senam akan menukarkan lebih protein jadi lemak.

Atlet perlu mengambil makan ikut sukata yang sesuai.

TEROKA MINDA



Secara berpasangan, nyatakan manfaat amalan pemakanan bagi ahli sukan.

Tema

13

PENGANTARABANGSAAN INDUSTRI NEGARA

Perindustrian Pemacu
Negara Maju

**Malaysia menjadi hab makanan
antarabangsa**



Fokus



Murid memperoleh pelbagai pengetahuan tentang perindustrian negara dan usaha-usaha mengantarabangsakannya. Murid dapat meningkatkan pengetahuan kosa kata melalui pelbagai maklumat yang berkaitan dengan produk halal di pasaran, pensijilan halal, Industri Kecil dan Sederhana (IKS), industri automobil negara, e-usahawan, e-dagang, dan sebagainya.

Unit 25 *Malaysia Hab Industri Makanan*



Mendengar dan Bertutur

TEMA

13

Cita Rasa Antarabangsa


AKTIVITI



Ceritakan pengalaman anda bersama-sama dengan rakan anda semasa berada di ekspo tersebut.

- Ekspo terbesar di dunia
- Gerai dan ruang pameran
- Produk tempatan dan luar negara
- 20 buah negara luar turut serta
- Promosi produk
- Sambutan meriah
- Pelbagai lapisan masyarakat
- Pengunjung antarabangsa
- Mengenali produk makanan, kesihatan, dan kosmetik

Amer Danial dan rakan-rakan telah pergi ke Ekspo Cita Rasa Antarabangsa di Bukit Jalil pada hujung minggu lepas. Dia berasa sungguh gembira kerana berpeluang untuk menimba pengalaman yang sangat berharga.



TEROKA MINDA



Cadangkan beberapa produk makanan tempatan yang boleh dipasarkan pada peringkat antarabangsa dan jelaskan keistimewaannya.





Industri Kecil Kuih Bakar Kemboja

AKTIVITI



1. Baca dan lakonkan dialog di bawah.
2. Anda dan rakan sekelas anda bercadang untuk mengadakan lawatan ke IKS. Sediakan surat permohonan lawatan tersebut.

Damia terlihat paparan kuih bakar kemboja Puan Mas di Facebook. Damia cuba berkomunikasi secara santai dengan Puan Mas melalui Facebook. Puan Mas merupakan pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Banting, Selangor.

Damia: Puan Mas, kami murid Sekolah Menengah Kebangsaan Impian Jaya, bercadang untuk membuat lawatan ke kilang milik Puan Mas.

Puan Mas: Oh, bagus tu! Apakah tujuan lawatan ini, Damia?

Damia: Kami mahu melihat proses pembuatan kuih bakar kemboja di kilang Puan Mas. Puan Mas sendiri pernah mendapat anugerah tokoh IKS. Perniagaan Puan Mas juga sangat maju.

Puan Mas: Terima kasih, Damia. Bilakah Damia bercadang untuk datang melawat ke sini?

Damia: Bulan depan, Puan Mas. Boleh saya tahu prosedur untuk membuat lawatan ke sana?

Puan Mas: Damia perlu hantarkan surat permohonan ke pejabat urusan kami. Sebaik-baiknya, gunakan surat rasmi sekolah ya.

Damia: Baiklah. Boleh saya dapatkan alamat pejabat urusan Puan Mas?

Puan Mas: Damia boleh mendapatkannya di blog saya. Ada tertera di bahagian atas blog tersebut. Dalam blog tersebut juga telah saya kongsi peta lokasi Google kilang kami agar pengunjung mudah datang ke sini. Nombor telefon saya juga ada tertera di situ.

Damia: Oh, begitu! Baiklah Puan Mas. Bilakah hari yang sesuai untuk kami ke sana?

Puan Mas: Saya cadangkan Damia dan rombongan sekolah datang pada hari bekerja. Kalau pada hujung minggu kilang agak sesak dengan pengunjung yang lain.

Damia: Baiklah, terima kasih, Puan Mas. Nanti saya maklumkan butiran lawatan kami melalui surat rasmi sekolah.

Puan Mas: Sama-sama. Baiklah, Damia. Saya tunggu surat rasmi daripada pihak sekolah Damia. Jumpa lagi nanti.

TEROKA MINDA

Cadangkan cara-cara lain untuk mendapatkan maklumat tentang IKS.

Huraikan kebaikan menjalankan perniagaan melalui Facebook.



Industri Herba

AKTIVITI



1. Tulis perenggan pendahuluan berdasarkan bahan.
2. Senaraikan buah tempatan lain yang dapat dikomersialkan, kemudian nyatakan kelebihanannya.

Produk herba kini tidak hanya tertumpu pada makanan, malahan tertumpu juga pada produk kesihatan dan kecantikan. Durian belanda atau nama saintifiknya *Annona muricata* merupakan antara tanaman yang banyak digunakan untuk menghasilkan pelbagai jenis produk herba.



Jelaskan kelebihan perubatan tradisional berbanding dengan perubatan moden.



Teh Herba



Krim Herba



Jus Herba



Kapsul Herba



Jus Minuman



PERKASA ILMU

Durian belanda mampu merawat dan mencegah seseorang daripada risiko mendapat penyakit kanser. Daun durian belanda yang dijadikan serbuk teh untuk diminum, dipercayai dapat merawat sakit kerongkong. Akar, kulit, dan daunnya juga boleh mengubati penyakit kencing manis. Minyak yang terhasil daripada daun atau buahnya yang masih muda jika dicampurkan dengan minyak zaitun dapat digunakan untuk mengatasi masalah sakit sendi dan sengal-sengal badan.

(Sumber: www.khasiatherba.com)





Cantik, Sihat, dan Bermutu

AKTIVITI



1. Fahami dan senaraikan perbandingan semacam daripada teks di bawah.
2. Cipta iklan dengan menggunakan perbandingan semacam.

Fariza dan ibunya pergi ke gerai kesihatan dan kecantikan di Bazar Cita Rasa Herba Tradisi Antarabangsa di Putrajaya. Di sana, Fariza telah membaca brosur yang berkaitan dengan produk perubatan herba.



Daun pandan
(*Pandanus odoratus*)

Herba Tradisi

Kemunculan produk herba di pasaran hari ini seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Hal ini membuatkan produk perubatan dan herba semakin mendapat tempat di hati pengguna. Pengusaha-pengusaha yang bijak bagaikan pendeta, sepantas kilat mencipta pelbagai bahan berasaskan herba untuk menghasilkan produk perubatan secara komersial, terutamanya yang melibatkan kecantikan dan kesihatan demi mendapatkan keuntungan yang berlipat ganda.

Tahukah anda?

Sejak turun-temurun lagi, pemakanan herba telah pun menjadi amalan untuk mengatasi segala masalah kesihatan mahupun kecantikan. Hari ini, terdapat banyak produk penjagaan diri seperti bedak muka yang dapat menjadikan kulit muka halus macam baldu. Begitu juga dengan penghasilan losen herba yang membolehkan kulit kelihatan lembut dan gebu seperti kapas.

Selain itu, terdapat juga syampu-syampu rambut berasaskan herba digunakan khas untuk rambut yang ikal seperti mayang. Bau-bauan syampu ini pula harum seperti bunga. Penggunaan kian menerima produk perubatan dan herba halal ini sebagai pilihan terbaik mereka. Oleh sebab produk ini semakin diyakini, pasarannya kini bukan sahaja tersebar luas di dalam negara malah pada peringkat antarabangsa.



Limau nipis
(*Citrus aurantifolia*)



Pegaga
(*Centella asiatica*)



Pudina
(*Mentha arvensis*)



Daun sirih
(*Piper betle*)



PERKASA ILMU

10 jenis herba yang berpotensi untuk dikomersialkan ialah tongkat ali, pegaga, mengkudu, dukung anak, kacip fatimah, halia, misai kucing, hempedu bumi, mas cotek, dan limau purut.

(Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani)





Suci dan Bersih Tanpa Sempadan

AKTIVITI



Fahami dan senaraikan frasa nama yang terdapat dalam petikan, kemudian bina ayat bagi menjelaskan maksudnya.

Muhaimin berpeluang untuk menonton sebuah program bual bicara di kaca televisyen yang membicarakan isu halal dan pemberian sijil halal.

Wartawan: Masyarakat hari ini memerlukan satu penerangan yang tuntas daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berkenaan dengan isu halal dan haram ini. Jadi, sejauh manakah JAKIM memberikan sijil halal kepada pihak yang memohon?

Tuan Sahlan: Pensijilan halal hanya dilakukan oleh JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri.

Wartawan: Bagaimanakah pula dengan prosesnya?

Tuan Sahlan: Apabila menerima permohonan, kami, pegawai jabatan agama, akan meneliti permohonan tersebut sehingga akar umbi.

Wartawan: Maksud tuan?

Tuan Sahlan: Maksud saya, kami mengambil kira sumber produk yang diambil, termasuk bahan atau ramuan yang digunakan untuk memasaknya. Keadaan kilang juga penting, iaitu mesti bersih dan suci. Boleh saya teruskan?

Wartawan: Silakan, tuan.

Tuan Sahlan: Sebenarnya, perkara yang kami tekankan ialah kod pakaian dan pekerjaan berlandaskan Islam. Oleh itu, semua pekerja perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Wartawan: Bagaimanakah pula pihak tuan menolak sesuatu permohonan itu?

Tuan Sahlan: Pihak kami menolak sesuatu permohonan jika premis tersebut tidak mempraktikkan amalan penyembelihan secara Islam mahupun tidak menyediakan makanan yang sewajarnya kepada binatang ternakan tersebut.

Wartawan: Terima kasih, Tuan Sahlan. Sebelum saya mengakhiri wawancara kita pada pagi ini, apakah yang ingin tuan katakan tentang pensijilan halal ini?

Tuan Sahlan: Kita rakyat Malaysia perlu berbangga kerana kini Pensijilan Halal Malaysia telah dikenali di seluruh dunia.

(Sumber: Diubah suai daripada *Sinar Online*, 22 Jun 2014)



Pada pendapat anda, mengapakah sijil halal penting bagi sesebuah kedai makanan atau produk yang dipasarkan?



Unit 26 Usahawan Berwibawa



Mendengar dan Bertutur

AKTIVITI



Kemukakan soalan berdasarkan maklumat yang diberikan.

Industri Automobil Negara

Industri automobil negara semakin berkembang maju dan mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat.



Fasa pertama

- Lakaran dan model skala
- Reka bentuk kejuruteraan
- Penghasilan prototaip dan pengujian



Fasa kedua

- Pembuatan komponen
- Proses cantuman dan kimpalan
- Proses tahan karat dan mengecat



Fasa ketiga

- Memasang enjin
- Memasang komponen



Fasa keempat

- Pemeriksaan kualiti
- Pemeriksaan prapenghantaran

Ayat Tanya

1. Tanpa Kata Tanya

Contoh: Encik Zulkifli pengurus syarikat itu?

2. Dengan Unsur Tanya

- Dengan Kata Tanya – Contoh: Harga barang ini berapa?
- Dengan Kata Ganti Nama Diri Tanya – Contoh: Benda itu apa?
- Dengan Frasa Sendi Nama Tanya – Contoh: Hasya hendak ke mana?

Ayat Tanya Susunan Songsang berlaku apabila predikat dalam ayat tanya biasa dikedepankan untuk memberikan tekanan yang berlainan. Bahagian predikat ayat yang dikedepankan itu boleh menerima partikel *-kah*. Contoh: Nama kamu siapa? / Siapakah nama kamu?

TEROKA MINDA



Huraikan langkah-langkah untuk meningkatkan penjualan kereta nasional ke luar negara.





Pemangkin Perindustrian di Malaysia

AKTIVITI



1. Anda dikehendaki membaca teks secara luncuran dan imbasan, kemudian nyatakan faktor-faktor yang menyumbang kepada perkembangan sektor perindustrian di Malaysia.
2. Cari maklumat dan bincangkan sumbangan industri perkilangan dalam meningkatkan ekonomi negara.

Ibrahim Khalil telah terpilih untuk mewakili sekolahnya dalam pertandingan Syarahan Peringkat Negeri Perak.

Benih durian tolong semeikan,
Bertambah yakin jika bertunas;
Syarahan perindustrian saya hulurkan,
Menjadi pemangkin kupasan bernas.

Salam sejahtera dan salam teknologi industri. Yang dihormati saudara pengerusi majlis, panel hakim yang adil lagi bijaksana, penjaga masa yang tidak alpa akan setiap detik waktunya, para peserta yang saya kagumi, serta hadirin yang saya kasihi. Tajuk syarahan saya pada hari ini ialah “Kelebihan Malaysia Sebagai Pemangkin Sektor Perindustrian”.

Hadirin yang saya hormati,

Kita tidak boleh menyangkal bahawa Malaysia sememangnya mempunyai banyak kelebihan dalam menjanakan sektor perindustrian. Saya katakan begini kerana kemerosotan dalam sumbangan komoditi utama seperti sektor pertanian, pembalakan, dan perlombongan bijih timah sedang berlaku kini. Keadaan ini telah memberikan peluang kepada sektor perkilangan, terutama sektor pembuatan untuk terus berkembang pesat.

Sektor perkilangan ini juga berkembang kerana adanya promosi, galakan kerajaan dan insentif lain seperti pelaburan, pemberian taraf perintis, dan zon perdagangan bebas. Hal ini telah membawa kepada peningkatan taraf kemudahan asas dan perkhidmatan. Melalui galakan ini, pelaburan dari dalam dan luar negara kian meningkat bagi sektor perkilangan. Hal ini memberikan sumbangan yang besar kepada negara.

Hadirin yang saya kasihi,

Akhir kata, dapat saya rumuskan di sini bahawa Malaysia sememangnya bertuah kerana persekitaran yang ada membantu dan menjadi pemangkin kepada perkembangan pesat dalam bidang perindustrian. Sekian, terima kasih.



PERKASA ILMU

Karangan jenis syarahan mengandungi:

- Pendahuluan – Kata alu-aluan dan pernyataan tajuk
- Isi – Kesan baik dan kesan buruk
- Penutup – Kesimpulan am dan saranan, serta harapan





E-usahawan Masa Depan

AKTIVITI



Anda dikehendaki menulis karangan bertajuk “Jaringan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Dapat Melahirkan Lebih Banyak Usahawan Muda.” Tulis perenggan isi dan kesimpulan berdasarkan maklumat.

Hidup akan lebih mudah jika kita ada capaian Internet. Program seperti e-usahawan yang diseliasa oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia Malaysia (MDeC) dapat mengubah hidup seseorang dengan adanya pengetahuan teknik digital sebenar. Terdapat beberapa langkah yang boleh dibuat bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti perniagaan melalui kaedah digital ini.



- Latihan penggunaan komputer
- Promosi dan jaringan pasaran
- Facebook, Instagram, dan Blog



PERKASA ILMU

Perdagangan elektronik atau e-dagang merujuk perniagaan atau perdagangan yang menggunakan peralatan dan infrastruktur teknologi komunikasi dan maklumat sebagai medium untuk tujuan komunikasi dan juga transaksi. Melalui konsep e-dagang ini, masa kerja dan urus niaga menjadi lebih fleksibel, boleh memiliki pertubuhan, pejabat maya, atau hanya beroperasi di rumah. Pasaran perniagaannya lebih meluas di serata dunia dan dijalankan berterusan selama 24 jam tanpa henti.

(Sumber: www.mscomalaysia.my)



- Tingkatkan ilmu pengetahuan
- Pengetahuan produk perniagaan
- Pelbagai sumber dan media



- e-usahawan sangat berpotensi
- Peluang kepada individu
- Kejayaan masa depan

(Sumber: Diubah suai daripada www.hmetro.com.my)





AKTIVITI



Hasilkan sebuah karya fiksiyen yang menarik berdasarkan maklumat di bawah.

- Tayar, spanar, enjin, dan tin minyak menjadi hidup
- Berbincang untuk membantu
- Terkejut dan hairan
- Kerja yang banyak sudah selesai
- Mencari kepastian
- Pura-pura keluar
- Bersembunyi
- Terperanjat
- Tayar, spanar, enjin, dan tin minyak bekerja
- Terkejut melihat Zakuan
- Usahawan yang jujur dan baik hati

Usahawan Besi

Rezeki Zakuan semakin melimpah-ruah. Banyak pelanggan datang ke bengkel motosikalnya. Zakuan tidak menang tangan. Dia cuba mendapatkan pekerja tambahan tetapi hampa. Pada suatu hari, Zakuan keluar kerana mempunyai urusan penting.

BENKEL MOTOSIKAL ZAKUAN

AKTIVITI INTERAKTIF



Lakonkan karya fiksiyen yang dihasilkan.



PERKASA ILMU

Usahawan ialah manusia yang bertanggungjawab membentuk dan mewujudkan usaha atau kerja dengan menggunakan faktor pengeluaran seperti tanah, modal, dan buruh serta berkebolehan untuk mencari peluang perniagaan, mengusahakan perniagaan yang akan membawa kebaikan kepada dirinya dan orang ramai, dapat memenuhi keperluan orang ramai, bersedia membuat pembaharuan untuk meningkatkan daya pengeluaran, dan mengambil risiko yang telah dipertimbangkan.

(Sumber: forumusahawanmuda.wordpress.com)





Perusahaan Bot Fiber

AKTIVITI



1. Kenal pasti ayat dasar berdasarkan petikan yang diberikan.
2. Nyatakan pola ayat dasar yang telah dikenal pasti.
3. Bina ayat lain berdasarkan pola ayat dasar tersebut.

Melaka terkenal dengan perusahaan pembuatan bot fiber. Perusahaan pembuatan bot ini terletak di Pulau Gadong. Pembuatan bot fiber ialah suatu bentuk seni. Tidak banyak tukang yang mahir dalam pembuatan bot atau kapal di negara ini. Pulau Gadong ini sememangnya terkenal dengan pusat perusahaan pembuatan bot fiber. Pusat pembuatan bot fiber ini dikendalikan oleh Thein Kim Chock dan adik-beradiknya. Mereka

juga mempunyai ruang pameran di Klebang, Melaka dan di Kuala Lumpur.

Kejayaan mereka dalam perusahaan ini berbekalkan minat, semangat, dan impian. Mereka menghasilkan sehingga 600 bot sebulan. Bot dihasilkan dalam pelbagai reka bentuk dan saiz. Bot-bot itu besar. Selain itu, bot yang dihasilkan juga sangat kukuh. Mereka berjaya mengubah pemikiran nelayan agar mempelbagaikan sumber pendapatan dengan menceburi bidang pelancongan menggunakan bot yang dimiliki.

Kemahiran mereka ini setanding dengan kemahiran membuat bot fiber di luar negara. Oleh sebab itu, bot fiber ini mendapat tempahan dari seluruh dunia. Hal ini membuktikan bahawa perusahaan bot fiber di negara ini telah diterima pada peringkat antarabangsa.

(Sumber: Diubah suai daripada http://www.bernama.com.my/bernama/state_news/bm/news.php?id=663156&cat=sl)



PERKASA ILMU

Fiber ialah kaca gentian atau *fiberglass*. Kaca gentian ialah kaca cair yang ditarik menjadi serat halus dengan garis tengah sekitar 0.005 mm sehingga 0.01 mm. Serat ini dapat dipintal menjadi benang atau ditenun menjadi kain, kemudian diproses dengan mesin sehingga menjadi bahan yang kuat dan tahan lasak untuk digunakan dalam pembuatan bot pada masa ini.

(Sumber: <http://sepitengfiber.blogspot.my>)



Jelaskan pendapat anda tentang kelebihan bot fiber.





Pengukuhan dan Pengayaan

AKTIVITI



1. Fahami maklumat dan tulis karangan berdasarkan bahan.
2. Cadangkan langkah-langkah meningkatkan pasaran produk tempatan ke luar negara.

Malaysia merupakan antara negara pengeksport terbesar di dunia yang membekalkan produk tempatan seperti barangan berasaskan getah dan kelapa sawit, barangan elektronik, tekstil, automotif, automobil, buah-buahan dan makanan, dan petrokimia. Proses penghantaran produk tempatan ini ke luar negara melalui beberapa peringkat tertentu.



Produk tempatan yang mempunyai permintaan tinggi di pasaran dunia dimasukkan ke dalam kotak-kotak khas untuk dieksport.



Semua kotak tersebut ditempatkan ke dalam kontena di pelabuhan bagi tujuan penghantaran melalui jalan air.



Kapal kontena membawa dan menghantar semua produk tempatan untuk dieksport ke negara-negara maju seperti Australia, Amerika Syarikat, dan Jepun.

PERKASA ILMU



- Dua buah syarikat asing dari negara Jepun dan Jerman berminat untuk melabur dalam Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, Johor.
- Syarikat Qatar Holding akan melabur untuk pembinaan Hotel Harrods yang pertama di dunia, yang bertaraf tujuh bintang di Kuala Lumpur.
- Pelabur China menunjukkan minat untuk melabur di Taman Perindustrian Kuantan-Malaysia-China (MCKIP) di Gambang, Kuantan, Pahang.

(Sumber: www.utusan.com)



Hasil keuntungan produk tempatan menyebabkan ekonomi negara semakin meningkat dari semasa ke semasa.

Tema 14

WADAH ILMU

**Generasi Syumul
Pemangkin Negara**

**Usaha yang gigih dapat
menempa kejayaan**



Fokus

Murid dapat mencetuskan idea, mencipta syair, memurnikan kesalahan ayat, menulis karangan, dan mengutarakan pendapat berdasarkan tema pendidikan.


Unit 27 Menuju Puncak Jaya



Mendengar dan Bertutur

Maklumat di Hujung Jari

Guru memberikan tugas kepada Omanah, Haliza, dan Ai Ling untuk mencari maklumat tentang tokoh pendidikan negara.




AKTIVITI



Bersoal jawab dengan rakan anda berdasarkan bahan dan maklumat yang diberikan.

Contoh soalan:

- i. Apakah sumbangan beliau dalam bidang pendidikan?



Nama: Tan Sri Datuk Seri Panglima
Dr. Abdul Rahman bin Arshad
Tarikh Lahir: 27 November 1936
Tempat Lahir: Masjid Tanah, Melaka
Pendidikan:



- University of Malaya - B.A Hons
- University of Singapore - Dip. in Education
- University of Reading (England) - Dip. in Ednl Administration
- Administrative Staff College (New Zealand) - Executive Management Programme
- Harvard University (USA) - Advanced Management Programme
- University of East London (England) - Ph.D.

Jawatan dan Jasa:

- Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (1978-1991)
- Mantan Pakar Perunding Pendidikan kepada Bank Dunia-New York, USA
- Canselor, UCSI University
- Wakil Malaysia di Persidangan UNESCO dan merupakan Pengerusi bagi Asia dan Oceania (Paris dan Bangkok)
- Pro-Canselor, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
- Pro-Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- Mantan Pengerusi, Heriot-Watt University Malaysia (Scotland)
- Pengerusi, Kolej DiKa, Puchong, Selangor
- Mantan Pengerusi Panel Penasihat, Sekolah Kecemerlangan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pengerusi, Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan
- Penasihat, CfBT (Centre for British Teachers)
- Pengasas Sekolah Menengah Sains
- Menubuhkan Pejabat Pelajaran Daerah
- Mantan Pengerusi sembilan badan korporat

Anugerah:

- Tokoh Kepemimpinan Pendidikan 2005
- Eisenhower Fellow (USA)
- Telah dianugerahi sembilan Ijazah Kehormat (Ph.D.), iaitu enam dari dalam negara dan tiga dari luar negara, iaitu Kanada, Scotland, dan England
- Pingat Darjah Kehormat: PSM (Malaysia), SPDK (Sabah), SPMS (Selangor), DCSM (Melaka), DSAP (Pahang), DMPN (Pulau Pinang), DKSJ (Melaka), JMN (Malaysia), JSM (Malaysia), BSK (Kelantan)

- Tan Sri Datuk Seri Panglima Dr. Abdul Rahman bin Arshad menulis dua buah buku yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), iaitu buku berjudul "Kenangan Sepanjang Jalan" dan "Unity and Education in Malaysia."
- Buku "Unity and Education in Malaysia" telah diterjemahkan dalam bahasa Mandarin oleh Universiti Guangxi (China) untuk kegunaan di negara tersebut. Buku ini juga sedang diterjemahkan dalam bahasa Melayu oleh DBP.





Petua Kecemerlangan Diri

AKTIVITI



Nyatakan idea utama dan idea sampingan berdasarkan teks dalam bentuk peta pemikiran.

Setiap orang pasti ingin berjaya dengan cemerlangnya. Kata orang, kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. Peribahasa ini menunjukkan betapa pentingnya usaha untuk mencapai kejayaan. Persoalannya, bagaimanakah kita menggapai kejayaan? Terdapat banyak petua untuk cemerlang, terutamanya dalam pelajaran.

Petua yang paling penting ialah kita mesti mempunyai semangat yang jitu untuk mencapai cita-cita. Semangat yang membara dalam diri akan menjadikan kita lebih rajin dan gigih

berusaha. Ibu bapa, guru, dan rakan boleh menjadi pendorong semangat kepada kita. Selain itu, semangat juga boleh dipupuk dengan menyertai program dan ceramah motivasi. Sebagai contohnya, Bengkel Teknik Belajar dan Kem Motivasi.

Seterusnya, seseorang yang ingin berjaya hendaklah sentiasa berfikiran positif. Apabila seseorang bersikap positif, maka semua masalah dan cabaran dapat ditangani dengan bijak. Seseorang yang tidak mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan haruslah belajar daripada kesilapan dan segera bertindak dengan positif.

Kita juga mesti mempunyai teknik belajar yang betul agar dapat meningkatkan pencapaian dalam pelajaran. Jadual waktu belajar dapat membantu murid menguasai kandungan pelajaran dengan baik. Seseorang perlu memperuntukkan masa yang lebih untuk mengulang kaji mata pelajaran yang sukar. Jadual waktu belajar ini hendaklah dipatuhi secara berkesan agar dapat meningkatkan pencapaian.

Semasa berada di dalam kelas, kita hendaklah memberikan tumpuan seratus peratus kepada pelajaran. Perhatian kepada pelajaran semasa guru mengajar sangat penting. Penerangan guru dapat membantu pemahaman kita. Sekiranya terdapat perkara yang sukar difahami, kita boleh bertanya kepada guru.

Kesimpulannya, semua orang boleh berjaya dengan azam yang kuat dan usaha yang gigih. Kejayaan kita dalam pelajaran pasti akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan menjamin masa depan yang cerah.



PERKASA ILMU

Teknik Membaca

1. Bacaan secara imbasan (*scanning*) ialah teknik bacaan pantas yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat khusus bagi sesuatu tugas atau tujuan bacaan. Contohnya, mencari nama, nombor telefon, mencari makna perkataan dalam kamus, dan lain-lain.
2. Bacaan secara luncuran (*skimming*) bertujuan untuk mendapatkan maklumat ringkas tetapi menyeluruh. Luncuran dilakukan tiga atau empat kali lebih pantas daripada bacaan biasa. Teknik ini dilakukan apabila terdapat banyak bahan bacaan yang perlu dibaca dalam masa terhad.

TEROKA MINDA



Baca bahan daripada pelbagai media tentang tokoh ilmuwan negara, kemudian klasifikasikannya mengikut bidang kepakaran mereka.

Tahukah anda?

Teknik Belajar Cara Belajar ialah proses pembelajaran sama ada bersama-sama dengan guru atau tanpa guru.





AKTIVITI



Anda dapat berkongsi pengetahuan dan pengalaman dengan murid dari luar negara yang berkunjung ke Malaysia. Tulis satu cerita berdasarkan gambar di bawah.

Tautan Kimono dan Kebaya

Haliza dan Mohan menerima kunjungan murid dari negara Jepun.




1 Sambutan murid Jepun di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).



2 Melawat sekolah angkat, sesi taklimat, dan aktiviti suai kenal.



3 Pertandingan mencanting batik dan layang-layang.



4 Murid Malaysia dan Jepun sedang belajar bahasa Melayu di dalam kelas.



5 Aktiviti Malam Kebudayaan Malaysia dan Jepun.



6 Penyampaian sijil dan cenderamata.





Syair Obor Kejayaan

AKTIVITI




Hasilkan syair berdasarkan gambar.



Sekolah tempat menimba ilmu,
Setiap hari tiadalah jemu,
Alangkah besarnya cita-citamu,
Guru dicari selalu bertemu.



Rajin berusaha mencari ilmu,



PERKASA ILMU



Pembelajaran Masteri ialah suatu pendekatan pengajaran dan pembelajaran untuk memastikan semua murid menguasai hasil pembelajaran yang terdapat dalam suatu unit pembelajaran sebelum berpindah kepada unit pembelajaran yang seterusnya.





Ilmu Diteroka Bakat Digilap

AKTIVITI



1. Betulkan kesalahan ayat dalam teks.
2. Aktiviti reka cipta di sekolah dapat mencungkil bakat murid. Bincangkan.




PERKASA ILMU

Tahukah anda?

WhatsApp ialah aplikasi untuk bertukar-tukar pesanan atau berkomunikasi secara individu atau berkumpulan melalui telefon bimbit.

Saiful menghubungi Kok Seng melalui aplikasi WhatsApp untuk bertanya tentang Program Asahan Bakat Murid (PABM) di sekolahnya.



Unit 28 Pendidikan Bestari Negara Lestari



Mendengar dan Bertutur

AKTIVITI



Bersoal jawab berdasarkan bahan tentang kebaikan menyertai khidmat sosial.

Program Khidmat Sosial Hari Koperasi Sekolah

TEMA
14

Pelancaran Program Khidmat Sosial



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SRI SIANTAN

Bersempena dengan Hari Koperasi Sekolah

Tarikh:

22 Jun 20□□

Tempat:

Rumah Orang Tua Bukit Tualang

Dirasmikan oleh:

YB Mohd. Khair bin Azmi
(Adun Bukit Tualang)



“Hargai dan Sayangi Warga Emas”



Sekiranya anda berpeluang menyertai program khidmat sosial, berikan cadangan anda tentang aktiviti yang akan dilakukan. Bentangkan cadangan anda di dalam kelas.



PERKASA ILMU

Program khidmat sosial ialah aktiviti kemasyarakatan yang dilakukan secara individu ataupun berkumpulan secara sukarela. Tujuan aktiviti ini adalah untuk membantu golongan yang memerlukan bantuan seperti orang kurang upaya, warga tua, mangsa kebakaran, dan mangsa banjir. Aktiviti sebegini menunjukkan sikap prihatin dan kasih sayang sesama masyarakat.



1.5.3

163



AKTIVITI



1. Terangkan maksud kosa kata dan ungkapan menarik yang terdapat dalam cerpen.
2. Huraikan maksud frasa “Di sini pemimpin dilahirkan”.
3. Mengapakah ibu mahu Sanom belajar di sekolah berasrama?

Anak Kampung Sira Menuju Cita-cita

“Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih,” pesan Tok Batin Kaloï semasa mereka bersama-sama memancing ikan lampam di Lubuk Setoi. Sanom Aluih hanya **tersenyum kelat**. Dia mengangguk-anggukkan kepala walaupun di **lubuk hatinya** masih **berbelah bahagi**. Tawaran untuk tinggal di asrama itu

membebankan fikirannya akhir-akhir ini. Sanom sayang akan Lubuk Setoi, Sungai Serai, dan hutan belukar yang sudah lama menjadi kawan karibnya itu. Sukar untuk dia melupakan hobi memancing, mandi sungai, dan memikat burung tekukur.

“Sanom, kamu boleh mendaftar asrama sekarang, bilik kamu di blok 3A, tingkat 2,” ujar guru lelaki yang bertali leher itu.

Sanom **tersentak** seketika. Ibu terus menarik tangannya agar segera ke blok asrama. Sanom akur. Seorang murid **senior** datang menghampiri mereka.

“Mari saya tolong,” sambil tersenyum dia mencapai beg pakaian Sanom. “Terima kasih,” Sanom menghulurkan tangan bersalaman. Semasa melangkah masuk ke dalam asrama, dia berasa **teruja** untuk terus tinggal di situ.

“Wah, cantiknya bilik ini, ibu! Sanom berjanji akan belajar bersungguh-sungguh di sini,” ujar Sanom. Ibu tersenyum gembira melihat Sanom. Hatinya tidak risau lagi untuk meninggalkan Sanom di sini. Mungkin Sanom akan berasa **kekok** berada di situ tetapi dia merelakan sahaja, demi masa depan Sanom.

Keperitan hidup di Kampung Sira tidak perlu diwarisi oleh Sanom. Kata-kata **pembakar semangat** di dinding asrama itu, “Di sini pemimpin dilahirkan”, mesti dijadikan pegangan oleh Sanom. Mungkin suatu hari nanti akan lahir seorang pemimpin tersohor dalam kalangan Orang Asli. Harapannya **berbunga mekar**. “Pasti suatu hari nanti, anak Kampung Sira akan pulang dengan **segulung kejayaan**,” **bisik hati** ibunya.



Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk membantu murid menyesuaikan diri dengan kehidupan di asrama?

(Umni Solehah, 2016)





AKTIVITI



Tulis ringkasan tentang ciri-ciri pembelajaran abad ke-21 berdasarkan bahan.

Pembelajaran Abad Ke-21

Pembelajaran abad ke-21 merupakan suatu bentuk transformasi dalam sistem pendidikan. Kemahiran dan pengajaran

abad ke-21 merujuk beberapa kompetensi teras, iaitu kolaboratif, celik digital, kemahiran berfikir, dan penyelesaian masalah.

Pembelajaran abad ke-21 merupakan pembelajaran berpusatkan murid. Di dalam bilik darjah, murid perlu aktif menjalankan aktiviti pembelajaran. Aktiviti pembelajaran bukan lagi dipimpin oleh guru semata-mata tetapi turut melibatkan peranan murid bagi menjayakan sesuatu proses pembelajaran. Murid juga perlu bijak mencari bahan dan aktif bersoal jawab dengan guru semasa pembelajaran.

Pembelajaran secara kolaboratif juga penting dalam pembelajaran abad ke-21. Pelaksanaannya boleh dilakukan antara guru dengan murid, murid dengan murid ataupun murid dengan teknologi maklumat. Pembelajaran secara kolaboratif dapat mengubah suasana pembelajaran menjadi lebih aktif dan menyeronokkan. Mereka akan bantu-membantu untuk menyelesaikan masalah pembelajaran.

Selain itu, pembelajaran abad ke-21 juga mempunyai matlamat supaya murid dapat mengaplikasikan pelbagai kemahiran semasa pembelajaran dan pengajaran. Mereka akan menguasai kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berbahasa, dan kemahiran reka cipta dengan baik.

Seterusnya, murid juga dapat belajar secara *hands on* sehingga mampu menghasilkan sesuatu. Pembelajaran secara teori sahaja tidak digalakkan dalam pembelajaran abad ke-21. Murid perlu menghasilkan sesuatu seperti membuat pembentangan kertas kerja, memberikan pendapat, menghasilkan model projek, dan sebagainya. Mereka juga mestilah mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan berani. Hasil tugas murid dinilai secara pentaksiran sumatif bukan hanya secara formatif.

Akhir sekali, pembelajaran abad ke-21 juga mementingkan aspek Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan peta pemikiran *i-Think*. Kesemua alat pemikiran ini hendaklah digunakan dalam strategi pembelajaran abad ke-21. Hal ini akan membantu murid berfikir secara kreatif dan kritis. Apabila murid berfikir secara kreatif dan kritis, maka banyak reka cipta dan inovasi dapat dihasilkan.

Kesimpulannya, pembelajaran abad ke-21 sangat penting bagi melahirkan modal insan terbilang yang mampu bersaing pada peringkat global. Modal insan yang sempurna pasti dapat menaikkan nama negara di persada antarabangsa.





Senada Seirama

AKTIVITI

Sediakan teks pengacaraan berdasarkan bahan dan persembahkan.

Atur Cara Pertandingan Bicara Berirama Peringkat Daerah Terap

- 8:45 pagi:** Ketibaan Tetamu
- 9:00 pagi:** Ketibaan Perasmi – Pegawai Pendidikan Daerah Terap
- 9:10 pagi:** Nyanyian Lagu *Negaraku*
- 9:15 pagi:** Ucapan Perasmian
- 9:30 pagi:** Pertandingan Peringkat Akhir Bicara Berirama
- 10:45 pagi:** Persembahan Selingan – Deklamasi Sajak
- 11:15 pagi:** Pengumuman Keputusan Pemenang dan Penyampaian Hadaiah
- 11:45 pagi:** Jamuan
- 12:30 tengah hari:** Majlis Bersurai

Teks Pengacara Majlis Penyampaian Hadaiah Pertandingan Bicara Berirama

- Kiu** Setelah mendapat isyarat daripada guru, pengacara membuat pengumuman.
- A** Acara penyampaian hadiah pertandingan bicara berirama akan dimulakan sebentar lagi. Para peserta dan tetamu dipersilakan mengambil tempat. Terima kasih.
- Kiu** Menunggu isyarat daripada guru untuk memulakan majlis.
- B** Assalamualaikum dan salam sejahtera. Salam senada seirama. Pihak majlis dengan sukacitanya mengalu-alukan kehadiran tuan puan ke Majlis Penyampaian Hadaiah Pertandingan Bicara Berirama Daerah Terap.
- A** Yang Berbahagia ...



PERKASA ILMU

Protokol panggilan hormat semasa pengacaraan

- Yang Berbahagia digunakan untuk tetamu kehormat yang hadir dalam sesuatu majlis.
- Yang Berusaha lazimnya digunakan untuk individu yang memainkan peranan penting dalam menjayakan sesuatu majlis atau kegiatan, atau pegawai tinggi kerajaan yang kanan tetapi tidak mempunyai apa-apa gelaran, sama ada gelaran warisan ataupun anugerah.
- Yang Amat Berhormat untuk Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Besar, dan Ketua Menteri.
- Yang Mulia untuk keturunan raja seperti Tengku, Raja, Tunku, dan Ungku.
- Yang Arif untuk mereka yang terlibat dalam bidang kehakiman.





AKTIVITI



Perhatikan sekitar pusat sumber sekolah anda dan buat catatan tentang pelbagai jenis kata nama.

Pusat Sumber Sekolah Gedung Ilmu

Haliza, May Ling, dan Mohan sedang menyediakan buku skrap bahasa Melayu dalam laman sesawang *Virtual Learning Environment (Frog VLE)* sekolah mereka. Mereka memilih pusat sumber sekolah untuk melakukan tugas tersebut.



PERKASA ILMU

Pusat Sumber Sekolah (PSS) merupakan pusat perkhidmatan untuk mengakses maklumat bersepadu yang mengandungi pelbagai sumber pendidikan dalam bentuk bahan cetak, bukan cetak, dan digital. PSS perlu diuruskan secara sistematik dan efisien bagi tujuan memupuk tabiat membaca, literasi maklumat, dan pembelajaran sepanjang hayat selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

(Sumber: <http://upsbtpnkl.blogspot.my/p/apakah-itu-pusat-sumber-sekolah-pss.html>)



Kategorikan kata nama tersebut mengikut kata nama am dan kata nama khas tunggal, dan yang telah mengalami pemajmukan dengan betul dan tepat.





Disiplin Menjanakan Kecemerlangan Murid

Disiplin penting untuk menjanakan kecemerlangan murid. Pembentukan sahsiah murid bermula daripada disiplin yang jitu. Saban tahun kita dikejutkan oleh isu masalah disiplin di sekolah. Para ibu bapa, guru, dan masyarakat bimbang sekiranya masalah disiplin, contohnya ponteng sekolah, merokok, buli, gengsterisme, dan vandalisme akan merebak dan sukar dikawal. Disiplin yang mantap dapat dibentuk sekiranya warga sekolah sentiasa mematuhi dan menghormati peraturan sekolah.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memandang serius isu disiplin murid di sekolah. Pelbagai usaha telah digarap untuk membendung masalah disiplin dalam kalangan murid. Data disiplin murid sentiasa dipantau dan dikemas kini dengan kerjasama pihak sekolah. Pihak sekolah bertanggungjawab untuk menguruskan disiplin murid dengan bantuan sarana ibu bapa. Tindakan disiplin dan hukuman yang dikenakan kepada murid yang melakukan kesalahan tertakluk pada *School Regulation 1951*, Ordinan Pelajaran 1957, Peraturan Pelajaran 1959, dan Pekeliling Ikhtisas yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dari semasa ke semasa. Menurut Pekeliling Ikhtisas Bilangan 10/2001, bertarikh 24 September 2001, semua guru ialah guru disiplin. Semua guru bertanggungjawab menangani masalah disiplin murid.

Pihak sekolah telah menetapkan garis panduan peraturan di sekolah untuk memastikan masalah disiplin dapat dikawal dengan berkesan. Setiap sekolah mempunyai buku peraturan sekolah masing-masing. Buku peraturan sekolah ini menjadi rujukan kepada warga sekolah dan hendaklah dipatuhi. Bagi murid yang terlibat dalam salah laku, mereka boleh dikenakan beberapa bentuk hukuman mengikut jenis kesalahan. Sebagai contohnya, murid tersebut

diberi surat amaran, didenda, dirotan, digantung persekolahan, dan dibuang sekolah. Murid yang melakukan kesalahan berat seperti membuli, merokok, mencuri, dan sebagainya boleh dibuang sekolah dan dirotan. Bagi kesalahan ringan pula, murid akan dirujuk dahulu kepada Unit Bimbingan dan Kaunseling.

Kesimpulannya, semua pihak hendaklah bekerjasama untuk menangani masalah disiplin di sekolah. Hal ini dinyatakan demikian kerana tanpa disiplin yang mantap, proses pembelajaran dan pengajaran pasti sukar dilaksanakan. Hasrat untuk melahirkan generasi yang bijak dan bersahsiah tinggi sudah pasti akan menjadi impian belaka.

(Sumber: Diubah suai daripada *Buku Peraturan Sekolah*, Kementerian Pendidikan Malaysia)



Tema 15

BAHASA DAN KESUSASTERAAAN



**Bersatu Bahasa,
Bersatu Bangsa**

**Bahasa dan sastera memperkukuh
jati diri bangsa**



Fokus

Murid digalakkan berfikir kreatif dan berkeyakinan melalui aktiviti bersoal jawab menggunakan pelbagai bentuk soalan, membaca iklan, menghasilkan penulisan daripada bahan grafik, menghasilkan sinopsis daripada cerpen, mengenal pasti kata daripada drama dan teks bicara berirama, aktiviti berkumpulan, menganalisis dan mengedit kesalahan tatabahasa, dan melengkapkan permainan bahasa.

Unit 29 Bahasa Disulam Sastera Dianyam



Mendengar dan Bertutur

Bahasa Jiwa Bangsa

AKTIVITI



Huraikan aktiviti Program Minggu Bahasa sekolah berdasarkan bahan.

*Gunakanlah Bahasa Kebangsaan kita
Marilah amalkan ramai-ramai
Bahasalah menyatukan kita semua
Yakinlah Bahasa Jiwa Bangsa.*



*Marilah mari rakyat semua
Buktikan taat setia dengan satu bahasa
Maju bangsa dan maju negara
Megahkan bahasa kita
Bahasa Jiwa Bangsa.*



(Sumber: www.dbp.gov.my)



PERKASA ILMU

Program Minggu Bahasa Sekolah diadakan untuk meningkatkan rasa megah dan cinta akan bahasa kebangsaan dalam kalangan murid, dan menyemarakkan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan bangsa. Selain itu, program ini dapat memberikan peluang kepada murid untuk menunjukkan bakat, berketerampilan dalam berbahasa, dan berdaya kreatif.

TEROKA MINDA



Jelaskan maksud seni kata lagu.



1. Apakah persamaan atau perbezaan antara percampuran kod dengan bahasa rojak?
2. Berdasarkan pemerhatian anda, huraikan cara yang perlu dilakukan untuk memartabatkan bahasa Melayu.





Kepentingan Bahasa Melayu

AKTIVITI



Baca petikan dengan sebutan yang betul.

Bahasa Melayu ialah bahasa yang memainkan peranan penting sebagai *lingua franca* sejak zaman kerajaan Sriwijaya sehingga kini. Dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957, Perkara 152 (1) memperuntukkan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan di negara ini. Sesebuah negara yang telah merdeka perlu memiliki bahasa yang diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan melalui penggubalan undang-undang. Bahasa kebangsaan pula perlu sebagai penyatu perpaduan, terutama bagi negara yang mempunyai masyarakat yang berbilang kaum.

Selain itu, bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa rasmi. Hal ini demikian kerana bahasa rasmi digunakan dalam urusan pentadbiran, perundangan, pendidikan, hubungan perdagangan serantau, dan urusan rasmi. Bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan melalui penggubalan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang memperuntukkan bahawa selepas 1 September 1967 bahasa Melayu hendaklah digunakan dalam urusan rasmi kecuali urusan hubungan diplomatik dan hubungan antarabangsa.

Seterusnya, bahasa Melayu juga berperanan sebagai alat untuk menyampaikan ilmu pengetahuan, terutama dalam bidang sains dan teknologi, ekonomi, kejuruteraan, perubatan, perundangan, kesusasteraan, dan keagamaan. Perkara ini penting kerana bahasa Melayu mampu berperanan sebagai bahasa akademik yang mempunyai kepelbagaian laras bahasa. Sebagai bahasa ilmu, bahasa Melayu mempunyai perbendaharaan kata, istilah, dan sistem tatabahasa yang boleh mengungkapkan konsep dan pemikiran sesuatu perkara seperti hal-hal antarabangsa.

Di samping itu, bahasa Melayu berperanan sebagai bahasa komunikasi. Bahasa Melayu berpotensi menjadi bahasa antarabangsa kerana empat buah negara Asia Tenggara menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, malahan bahasa Melayu juga dituturkan oleh masyarakat Melayu di Thailand Selatan, Filipina, Kemboja, Vietnam, Sri Lanka, dan Afrika Selatan. Penutur bahasa Melayu dianggarkan telah berjumlah melebihi 300 juta orang. Dalam majalah Dewan Bahasa (September, 2012), bahasa Melayu dikatakan menjadi bahasa keempat dalam turutan bahasa terbesar di dunia selepas bahasa Mandarin, bahasa Inggeris, dan bahasa Hindi/bahasa Urdu.

(Sumber: *Ensiklopedia Bahasa Melayu*, 2008)

TEROKA MINDA



Secara berkumpulan, cari maklumat tambahan tentang peranan bahasa Melayu.



2.1.1



Rasional Paradigma Kaduk

AKTIVITI

Tulis cerita berdasarkan ilustrasi bersiri berikut.

Kaduk tinggal di Kampung Teri Dalam. Isteri Kaduk bernama Senah. Kaduk memternak ayam kampung. Senah turut membantu suaminya. Permintaan ayam kampung yang menggalakkan mendorong Kaduk untuk menambah ternakan ayamnya.



TEROKA MINDA



Pada pendapat anda, mengapakah Kaduk menolak tawaran untuk membuat pinjaman kewangan?





Sebening Pelangi Bahasa

AKTIVITI



Hasilkan sinopsis berdasarkan petikan.

Rafiq menyelak buku catatan peribadinya. Buku tulis biasa tetapi menyimpan kisah peribadinya. Buku memori suka duka bersama dengan Tok Ayah. Kehidupan di desa penuh santun berbahasa. Adat budaya masih menjadi amalan mereka. Rafiq dihambat rindu mendalam terhadap Tok Ayah. Pemergian Tok

Ayah kepada Sang Pencipta secara mendadak akibat serangan jantung.

Fikiran Rafiq kian menelusuri kisah lama. Dia tinggal di kampung setelah ibu bapanya menetap di luar negara kerana tugas. Pada mulanya, Rafiq memberontak kerana keputusan itu. Akhirnya, Rafiq akur akan keputusan Tok Ayah. Kata Tok Ayah, ilmu di dada sangat sedikit untuk melawan arus negatif di negara orang. Jejak juang bahasa Tok Ayah semakin lama semakin bercambah dalam diri Rafiq. Pesan Tok Ayah, gunakanlah bahasa Melayu.

Rafiq menyelak helaian demi helaian. Rafiq membaca coretan lalu. Tok Ayah banyak berkarya. Perjuangan beliau melalui luahan minda. Tok Ayah menulis puisi, cerpen, novel, dan drama. Semuanya sarat dengan seruan pembangkit semangat. Biar tusuk mata pena Tok Ayah masuk ke dalam kalbu semua bangsa. Bahasanya indah kerana citra pemikirannya memberikan sejuta makna yang bererti. Maksud yang terangkum dalam sajaknya boleh dijadikan komunikasi dan penyatuan semua bangsa.

Yang jelas, karya sebagai senjata untuk memerdekakan masyarakat persis perjuangan Tok Ayah dalam Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50). Pemikiran Tok Ayah yang tajam mengkritik dan menegur bukan untuk mencari musuh. Niat Tok Ayah hanya mahu bahasa milik nusa bangsa ini menjadi bahasa ilmu dan bahasa perpaduan. Kalau bahasa Melayu dipinggirkan, dapatlah dibayangkan oleh Rafiq betapa kecewanya Tok Ayah.

Tok Ayah suka berseloka. Kalau adik Rina mahu tidur, didodainya lagu puisi Melayu. Kata Tok Ayah, biar seloka menjadi halwa telinga sejak kecil. Pesan Tok Ayah, kalau anak muda rapuh jati diri maka akan hilanglah kemelayuannya. Tok Ayah bimbang kalau-kalau bahasa ini akan terpinggir dan tercicir nanti. Jadi, dia mahu Rafiq terus memperjuangkan martabat bahasa ini sebagai harta warisan nusa bangsa nan abadi. Tok Ayah sasterawan di hati Rafiq!

(B.Liana, 2016)



PERKASA ILMU

Sinopsis ialah ringkasan cerita. Sesuatu karya prosa perlu difahami dan dijalinkan daripada peristiwa kepada peristiwa yang lain tanpa mengubah maksud cerita asal.





Warkah dari Rantau

AKTIVITI



1. Kenal pasti kata adjektif berdasarkan bahan.
2. Hasilkan perenggan cerita menggunakan kata adjektif.

WATAK

- IBU:** Seorang ibu tunggal.
AMIZA: Anak perempuan ibu yang tahu membaca tulisan Jawi.
MASA: Waktu siang
TEMPAT: Ruang tamu yang sederhana di kampung.

(Ibu yang memakai baju kurung Johor dan berkain batik merah sedang membelek-belek sepucuk surat bertulisan Jawi yang baru diterima. Muncul Amiza di tangga kanan pentas selepas dipanggil oleh ibunya)

- AMIZA:** Kenapakah ibu gembira? *(Hairan)* Siapakah yang datang tadi?
- IBU:** Posmen. *(Sambil menunjukkan kertas putih yang telah terbuka itu)* Surat daripada abang kamu di Madinah. Rindu ibu kepada abang kamu.
- AMIZA:** Bertulisan Jawilah, ibu. Amboi, mahir betul abang menulis surat dalam tulisan Jawi! Tulisan abang pun nampak kemas. *(Membelek-belek surat)*
- IBU:** Itulah, ibu ingin benar mengetahui isi surat ni. *(Ibu menarik surat itu pantas daripada tangan Amiza)* (بوندابوندا), ke hadapan, (كهذاقن) ke hadapan, (بوندابوندا), bonda.
- AMIZA:** *(Agak terkejut)* Ibu boleh mengeja perkataan. Ibu kata tak pernah ke sekolah? Tetapi ibu boleh kenal huruf?
- IBU:** *(Ketawa kecil)* Ibu tahu mengeja sikit-sikit. Ibu tidak pergi ke sekolah. Ibu cuma belajar setelah ibu sudah dewasa. *(Sedih)* Zaman lampau susah bagi orang perempuan menuntut ilmu. Ibu sedih dengan situasi ini kerana ibu ada cita-cita mahu menjadi guru.
- AMIZA:** Ibu, zaman sekarang tiada sesiapa boleh menghalang seseorang untuk maju. *(Ibu memandang jam di tiang rumah yang lambat setengah jam)*
- IBU:** Amiza, cepatlah baca surat ni! *(Meletakkan surat itu di atas pangkuan Amiza)* Lekaslah baca Amiza. *(Amiza membaca surat itu)*
- AMIZA:** Ke hadapan bonda dan adinda yang berada di Kampung Seri Masing. Anakanda doakan semoga bonda dan keluarga berada dalam keadaan sihat sejahtera. Anakanda sihat. Buat pengetahuan bonda, anakanda sedang menduduki peperiksaan. Jika tiada aral melintang, anakanda akan pulang ke Malaysia pada bulan November. *(Berhenti membaca)* Ibu, abang nak balik ke Malaysia!
- IBU:** Syukurlah, abang kamu akan pulang. *(Muzik selingan)*

(B.Liana, 2016)



1. Pada pendapat anda, adakah penulisan surat kiriman masih relevan pada masa ini? Jelaskan.
2. Cadangkan langkah-langkah yang boleh diambil supaya generasi masa ini dapat memartabatkan tulisan Jawi.



Unit 30 *Merekayasa Bahasa*



Mendengar dan Bertutur

Pertandingan Puisi dan Lagu

AKTIVITI

Sampaikan pengumuman berdasarkan bahan.

Bilik Mesyuarat

Kelab Penulis SMK Sinaran Tanjung

Pertandingan Puisi dan Lagu

Tema: Semangat Bahasa
Tempat: Dataran Seri Tanjung
Tarikh: 21 Oktober 20□□
Masa: 9:00 pagi hingga 2:00 petang

Objektif pertandingan ini adalah untuk mencungkil bakat baharu, dapat menghasilkan puisi dan menyampaikan puisi, serta memupuk minat terhadap bahasa dan sastera.

Hadiah
Tempat pertama: RM100.00 dan sijil
Tempat kedua: RM70.00 dan sijil
Tempat ketiga: RM30.00 dan sijil

Penyertaan terbuka kepada murid sekolah menengah rendah yang berumur 13 hingga 15 tahun. Sesiapa yang berminat, boleh berjumpa dengan Cik Ainul binti Masli.





Hang Nadim

AKTIVITI



Baca maklumat berdasarkan bahan dan main peranan.

Pada suatu ketika dahulu, Singapura telah diserang ikan todak. Secara tiba-tiba, beratus-ratus ikan todak melompat ke arah pantai Singapura dan menikam rakyat Singapura yang sedang berada di pantai. Banyak rakyat Singapura yang mati terkena tikaman todak sehingga darurat melanda seluruh Singapura.

Penjejak Emosi

- Kenal pasti perasaan daripada watak-watak yang terdapat dalam cerita.

Pencari Maklumat

- Cari maklumat daripada kisah Hang Nadim.

Pemikir Positif

- Apakah nilai dan pengajaran yang diperoleh daripada cerita?
- Jelaskan kebaikan yang diperoleh negara sekiranya mempunyai remaja yang pintar seperti Hang Nadim.





Detektif Kreatif

- Apakah cara yang boleh dilakukan bagi mengelakkan Hang Nadim dihukum?
- Jangan menilai seseorang berdasarkan sifat luaran. Ulas pernyataan tersebut.



Detektif Bijaksana

- Apakah tindakan selanjutnya yang boleh diambil daripada kenyataan kesemua detektif?
- Apakah kesimpulan daripada peristiwa hukuman terhadap Hang Nadim?



Pemikir Kritis

- Jelaskan masalah yang bakal dihadapi oleh negara jika tiada golongan bijak pandai.
- Apakah risiko yang akan dihadapi oleh negara jika terdapat banyak golongan yang berhasad dengki?



Peka Bahasa

AKTIVITI



Analisis dan edit kesalahan ejaan, tanda baca, dan kesalahan nahu yang terdapat dalam bahan.

Iklan merupakan wahana yang digunakan untuk menarik perhatian pengguna. Namun, prodak atau perkhidmatan yang ditawarkan telah menyebabkan bahasa disalah gunakan dalam paparan iklan yang disiarkan. Berikut merupakan petikan pendapat orang ramai tentang penggunaan bahasa dalam pengiklanan.



Kajian ada dijalankan bagi mengesan kesilapan bahasa yang terdapat di papan-papan tanda. Tinjauan mendapati kesalahan adalah berpunca daripada sikap sambil lewa terhadap bahasa Melayu contohnya Perabut Maju Jaya, Pak Kalil Nasi Kandar, dan Azura Restoran.

Amirul, mahasiswa universiti tempatan

Iklan seharusnya mengutamakan penggunaan bahasa kebangsaan berbanding lain-lain bahasa. Pihak berkuasa tempatan (PBT) seharusnya komited dalam meluluskan lesen pemasangan papan iklan. Penguatkuasaan penggunaan bahasa kebangsaan penting supaya kita terus bangga menjadi penutur bahasa kebangsaan.

Erni Mardiah, ahli perniagaan



Siapa yang perlu dipersalahkan? Dunia perniagaan perlu mengangap bahasa kita ada nilai ekonomi. Pihak pengiklan hendaklah memastikan penggunaan bahasa Melayu yang betul dari segi tata bahasa, ejaan, ayat susunan dan sebagainya. Semua pihak perlu sedar bahawa usaha mendaulatkan Bahasa Melayu adalah tanggung jawab semua.

Adawiyah, guru di SMK Setia Jaya





Kucinta Bahasaku

AKTIVITI



1. Senaraikan kata seru, kata tanya, kata perintah, kata pembenar, dan kata pangkal ayat.
2. Tulis skrip sketsa.



Bandingkan dan bezakan skrip sketsa dengan skrip drama.

Segmen	Skrip	Peranan
1	Selamat sejahtera, salam pencinta bahasa.	Semua
2	Adapun bahasa seperti jambangan bunga yang mekar, maka pesonanya semerbak membestarikan bangsa kelak mewangi di persada dunia.	Semua
3	Bagaimana?	Solo
	Alkisah cinta bahasa untuk memartabatkan bahasa.	Beramai-ramai perempuan
	Oh, cinta?	Beramai-ramai lelaki
	Cintailah bahasa kita.	Beramai-ramai perempuan
	Benar. Bahasa lambang budaya.	Solo
	Eh, jangan lupa! Bahasa Jiwa Bangsa. Usah lupa akan sejarah lama.	Semua
4	Sejarah apa?	Solo
	Arakian bahasa kita pernah digunakan sebagai bahasa diplomasi.	Beramai-ramai perempuan
	Wah, hebatnya bahasa Melayu, bahasa kelas dunia!	Beramai-ramai lelaki
	Yang kurik itu kundi, yang merah itu saga, yang baik itu budi, yang indah itu bahasa, pantun lama tinggi kiasannya.	Semua
5	Aduhai, semua penutur bahasa Melayu. Negara tanpa bahasa seperti negara tiada martabatnya!	Beramai-ramai perempuan
	Betul kata kalian.	Solo
	Gunakanlah bahasa kebangsaan kita, marilah amalkan ramai-ramai.	Semua
6	Siapakah yang boleh menggunakan bahasa kita selain orang Melayu?	Solo
	Orang Cina	Beramai-ramai perempuan
	Awak apa khabar?	Beramai-ramai lelaki
	Orang India	Beramai-ramai perempuan
	Saya khabar baik.	Beramai-ramai lelaki
	Syabas Malaysia! Kini gemilang pasti digenggam.	Semua
7	Bahasa kita tanggungjawab	Solo
	Kita	Semua
	Dengar sini!	Solo
	Mengapa?	Semua
	Ayuh, pertahankan bahasa. Sila jaga tutur kata kita.	Solo
	Pengikat rumpun Malaysia.	Semua





Cekap Minda

AKTIVITI



1. Selesaikan Cekap Minda.
2. Bina ayat dengan menggunakan perkataan daripada Cekap Minda.



Menegak

1. Kagum
2. Untuk menanyakan jumlah
3. Suram, tidak ceria
4. Pembuka kata untuk sesuatu kisah
6. Kata untuk menanyakan sesuatu
9. Tidak salah, betul
11. Suka, girang, besar hati
14. Silam, gelap, telah lampau

Melintang

5. Keadaan tayar terkena paku
7. Lalu
8. Perasaan sayang
10. Warna
12. Tidak cepat
13. Bunyi kecap di pohon janggus,
Tahan paha terkena daik;
Apa diucap nyatakan bagus,
Tanda usaha hasil yang baik?

Tema

16

KERJAYA

Habis Kapak
Berganti Beliong

Usaha yang gigih pasti akan
menghasilkan kejayaan



Fokus

Murid dapat memupuk minat dan impian dalam kerjaya, memberikan pendapat, mencari maklumat, menulis ringkasan, dan mengesan kata ganda daripada bahan ilustrasi dan teks.

Unit 31 Kerjaya Impian



Mendengar dan Bertutur

AKTIVITI



Nyanyikan boria tersebut dan berbincang dengan rakan tentang kerjaya berdasarkan bahan.

Boria Mari Bekerja

Salam sejahtera kami ucapkan,
Kepada guru rakan dan taulan,
Boria Sri Siantan buat persembahan,
Petah bicara tentang pekerjaan.

Pemimpin negara berjati diri,
Sedia berkhidmat serata negeri,
Jasa dan budi tiada terperi,
Rela berbakti setiap hari.

Ilmu diberi insan dididik,
Agar semua menjadi cerdik,
Sabar selalu tiada herdik,
Guru cemerlang generasi terdidik.

Setiap masa sedia berkhidmat,
Sakit dan demam diubati cepat,
Pesakit sembuh bertambah sihat,
Wajah berseri sihat walafiat.

Penjenayah diburu dengan segera,
Bergadai nyawa demi negara,
Disiplin diri sentiasa terpelihara,
Rakyat selamat negara sejahtera.

Merafak sembah bermohon diri,
Karangan boria kami akhiri,
Kerjaya hebat mesti dicari,
Boria Sri Siantan mengundur diri.

(Ummi Solehah, 2016)



TEROKA MINDA

Jelaskan kerjaya impian anda.





Hobi Menjadi Suatu Kerjaya

AKTIVITI



Berikan maksud perkataan yang **berwarna merah** dengan merujuk kamus dan glosari, kemudian bina ayat bagi menjelaskan maksudnya.

Fakrul membaca iklan kekosongan jawatan sebagai cef di sebuah hotel terkenal di Selangor. Dia ingin memohon jawatan tersebut.

Compose To: azlan75@gmail.com

Inbox (4)
Drafts (2)
Sent
Spam (3)
Trash
Folders
Smart views
Recent

Memohon Jawatan Cef

Fakrul bin Osman,
No. 74 Jln. 7A/6,
Bandar Tasik Puteri,
08000 Sungai Petani,
Kedah Darul Aman.

Pengurus,
Hotel Sri Kenanga,
Jalan Bunga Raya,
40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

16 JULAI 20□□.

Tuan,

Permohonan Mengisi Kekosongan Jawatan Cef

Saya dengan hormatnya merujuk perkara yang tersebut di atas.

- Berhubung dengan iklan kekosongan jawatan **cef** yang disiarkan dalam laman **sesawang** pihak tuan pada 12 Julai 20□□, saya berminat untuk memohon jawatan tersebut. Untuk makluman tuan, saya mempunyai kelayakan Diploma Seni **Kulinari** daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM), pengkhususan dalam bidang penyediaan **pastri**, kek, dan roti.
- Selain itu, saya mempunyai pengalaman bekerja sebagai cef di Restoran Eagle, Langkawi selama lapan tahun. Saya dipertanggungjawabkan untuk urusan dapur, merancang **menu**, menjaga **kualiti** makanan, dan mengenal pasti **cita rasa** pelanggan. Sekiranya saya ditawarkan jawatan ini, saya bersedia untuk bekerja mengikut **syif** dan bekerja lebih masa. Bersama-sama ini saya sertakan salinan **resume** untuk rujukan tuan.
- Saya berharap agar pihak tuan dapat mempertimbangkan permohonan ini. Kerjasama dan perhatian tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,
Fakrul
.....
(FAKRUL BIN OSMAN)

Send



Berbual dengan rakan anda tentang hobi yang boleh dijadikan kerjaya.





Menulis

Jururawat Lelaki Kerjaya Istimewa

AKTIVITI



Tulis ringkasan berdasarkan bahan.



Hari Jururawat Sedunia disambut pada 12 Mei setiap tahun. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat sentiasa menghargai jasa jururawat dalam dunia perubatan. Kerjaya jururawat ialah pekerjaan yang mulia dan profesional. Dahulunya, kerjaya jururawat lebih sinonim dengan kaum wanita. Kini, perubahan zaman telah membuktikan bahawa kaum lelaki juga diperlukan dalam bidang ini.

Tugas seseorang jururawat adalah untuk membantu para doktor merawat dan menguruskan pesakit. Mereka juga perlu merancang keperluan pesakit mengikut keadaannya dengan pemantauan para doktor. Jururawat lelaki amat diperlukan untuk bekerja dalam situasi yang berisiko. Selain itu, di beberapa buah hospital, jururawat lelaki banyak ditempatkan di unit kecemasan dan trauma. Hal ini disebabkan mereka cenderung mengambil tindakan yang praktikal serta tidak mudah mengalami gangguan emosi atau berputus asa semasa menjalankan tugas.

Selain itu, jururawat lelaki juga lebih sesuai mengendalikan pesakit yang agresif dan sukar dikawal. Kadangkala, pesakit ini boleh mencederakan orang lain. Dalam sesetengah kes, masalah berat badan atau obesiti dalam kalangan pesakit menyebabkan jururawat lelaki diperlukan untuk membantu pesakit sedemikian.

Kehadiran jururawat lelaki memberikan pilihan kepada pesakit untuk menerima bantuan. Terdapat pesakit lelaki yang lebih selesa diuruskan oleh jururawat lelaki. Hal ini dinyatakan demikian kerana bagi sesetengah pesakit, mereka berasa malu sekiranya diuruskan oleh jururawat wanita.

Jururawat lelaki mempunyai keupayaan untuk mengendalikan peralatan yang lebih canggih dan memerlukan tenaga yang lebih berbanding dengan jururawat wanita. Lebih-lebih lagi, pada era ini, teknologi perubatan banyak menggunakan peralatan yang pelbagai fungsi. Sesetengah peralatan ini bersaiz besar dan berat.

Kesimpulannya, kaum lelaki tidak perlu lagi berasa malu untuk menceburi bidang ini. Minat yang mendalam pasti akan membantu mereka menjadi jururawat yang hebat dan berdedikasi.



PERKASA ILMU

Syarat-syarat untuk menjadi jururawat:

- Calon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang daripada 17 tahun tetapi tidak melebihi 25 tahun pada tarikh tutup permohonan.
- Kelayakan:
 - Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan
 - Kepujian dalam mata pelajaran Matematik, Sains dan tiga mata pelajaran lain
 - Lulus Bahasa Melayu dan Ujian Lisan Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan Malaysia





Pengertian

AKTIVITI



1. Senaraikan aspek pengulangan kata dan singkatan kata berdasarkan bahan.
2. Hasilkan sajak yang bertemakan kerjaya pilihan menggunakan kata-kata tersebut.

Pentas II

(Di ruang tamu, seorang ibu menghampiri anak perempuannya yang sedang asyik melukis)

Ibu: Liza, mak lihat kamu ini asyik melukis sahaja. Bukankah mak dah kata jangan leka dengan melukis sahaja? Minggu depan Liza akan menghadapi peperiksaan.

Haliza: Tapi mak, Liza nak siapkan lukisan ini dahulu. Pertandingan melukis ini akan tamat esok. Kalau Liza menang, Liza nak sambung belajar di Sekolah Seni. Liza nak jadi pelukis seperti Leonardo da Vinci. Boleh, mak? Bolehlah, mak. (Merayu kepada ibunya)

Ibu: Sudahlah, Liza. (Terdiam sejenak) Sejak dulu lagi mak nak Liza menjadi doktor seperti ayah Liza. (Ibu bertegas)

Haliza: Liza tak nak! Liza tak nak, mak! Liza takut melihat darah. Lagipun Liza nak jadi pelukis. (Ibu mengerutkan dahi sambil mengusap-usap kepala anak perempuannya itu)

Ibu: Pekerjaan itu sangat mulia, Liza. Doktor mengurangkan penderitaan orang lain. Tidakkah tindakan itu mulia, Liza? (Liza termenung seketika)

Haliza: Ya, mak. Liza sedar perkara itu. Liza berjanji akan belajar bersungguh-sungguh. Kalau dah berjaya nanti, bolehlah Liza pilih sama ada nak jadi doktor atau pelukis. (Haliza terus memeluk ibunya)

Ibu: Pandai anak mak! Lagipun, arwah ayah Liza pernah berpesan, ilmu itu pelita hidup. Jangan sampai abaikan pelajaran pula. Siapkan kerja sekolah tu. (Perintah ibu)

Haliza: Baiklah, mak. (Haliza akur)

(Umami Solehah, 2016)



Pada pendapat anda, mengapakah aspek pengulangan kata dan singkatan kata digunakan dalam penulisan sajak?





Ariana Seorang Pereka Hiasan Dalaman

AKTIVITI



Kenal pasti kata kerja tak transitif dan bina ayat dalam perenggan.

Ariana bekerja sebagai seorang pereka hiasan dalaman. Dia sentiasa bekerja dengan tekun untuk memuaskan hati pelanggannya. Ariana telah mendapat tempahan untuk membuat pengubahsuaian hiasan dalaman ruang tamu rumah Encik Zaidi. Encik Zaidi telah datang ke pejabat Ariana untuk berbincang tentang kos bagi membuat pengubahsuaian hiasan dalaman ruang tamunya itu. Dia perlu memberikan nasihat tentang pilihan reka bentuk dalaman yang sesuai kepada pelanggannya.

Setelah meneliti reka bentuk pilihan ruang tamu rumah Encik Zaidi, Ariana telah pergi ke rumah pelanggannya itu untuk melihat keadaan ruang tamu yang ingin diubah suai. Dia tiba di rumah Encik Zaidi bersama-sama dengan rakan setugasnya. Mereka berbincang tentang kerja-kerja pengubahsuaian. Terdapat banyak kerja pengubahsuaian yang perlu dilakukan untuk mencantikkan ruang tamu itu. Dia juga telah mengenal pasti barangan yang diperlukan untuk kerja pengubahsuaian itu. Contohnya, cat, perabot, lampu hiasan, kertas dinding, langsir, dan lain-lain lagi.

Seterusnya, kerja pengubahsuaian bermula dan Ariana sentiasa memastikan ruang tamu pelanggannya itu dapat dihias indah. Kerja pengubahsuaian berjalan lancar mengikut pelan yang telah dirancang. Pekerja Ariana juga sentiasa bekerjasama dan mereka saling membantu.

Akhirnya Ariana dan pekerjaanya berjaya menyiapkan tugas itu mengikut masa yang telah ditetapkan. Encik Zaidi tersenyum kerana berpuas hati dan kagum akan hasil kerja Ariana. Anggota keluarganya juga gembira melihat perubahan itu. Ruang tamu Encik Zaidi menjadi sangat cantik dan kemas.



TEROKA MINDA



Lakar satu reka bentuk hiasan dalaman kelas anda yang menarik. Buat pembentangan tentang cadangan tersebut.

PERKASA ILMU



Sila layari laman sesawang berikut untuk mengetahui tentang hiasan dalaman.

https://www.youtube.com/watch?v=gnaHcHBi_Bs



Unit 32 Rentak Kejayaan



Mendengar dan Bertutur

AKTIVITI



Berunding dengan rakan anda untuk membuat pilihan berdasarkan bahan dengan menggunakan borang pengurusan grafik membanding beza.

Seronoknya Bercuti

Mohan dan Ai Lin pergi ke Agensi Pelancongan Helang Merah untuk berunding tentang pakej yang disediakan.

Agensi Pelancongan Helang Merah



Pakej A (Tiga Hari dan Dua Malam) Lawatan ke Pulau Perhentian, Terengganu

- RM500.00 seorang.
- Penginapan di resort lima (5) bintang.
- Aktiviti bersnorkel di empat lokasi.
- Pakej memancing.
- Pakej mencandai sotong.
- Barbeku istimewa pada malam terakhir.
- Pengangkutan bot laju percuma pergi dan balik ke jeti.



Promosi Cuti Sekolah

Pakej B (Tiga Hari dan Dua Malam) Lawatan ke Taman Negara, Pahang

- RM450.00 seorang.
- Penginapan di resort empat (4) bintang.
- Aktiviti berperahu di Sungai Tembeling.
- Melawat perkampungan orang asli.
- Meredah hutan di Bukit Warisan.
- Makan malam di restoran terapung.
- Kemeja-T dan cenderamata istimewa.

Sila Hubungi:

Adli (03) 1234 5678

Tingkat 8, Menara Merah, Kuala Lumpur.

E-mel: adli_merah@gmail.com



TEROKA MINDA



Cari maklumat tentang kerjaya sebagai pemandu pelancong.



Buat catatan tentang ciri-ciri pemandu pelancong yang baik dengan menggunakan peta pemikiran.



1.7.2



Si Manja Bertemu Doktor

AKTIVITI



Fahami arahan dan buat catatan tentang penjagaan kucing yang baik berdasarkan bahan.

Haliza telah berjumpa dengan Doktor Ruzian untuk mendapatkan khidmat nasihat tentang kucingnya.

Tip Penjagaan Kucing

- Mandikan kucing dua minggu sekali.
- Gunakan sabun atau syampu yang sesuai.
- Sediakan tempat pembuangan najis.
- Pilih makanan yang sesuai menurut nasihat doktor.
- Jumpa doktor haiwan dengan segera jika kucing sakit.



SELAMAT DATANG

**KLINIK HAIWAN
DR. RUZIAN**

(DR. VETERINAR)



- Perubatan haiwan
- Perapian haiwan
- Hotel haiwan
- Alat-alat penjagaan haiwan
- Makanan haiwan
- Aksesori haiwan



PERKASA ILMU

Tugas doktor veterinar:

Doktor veterinar ialah mereka yang menceburi bidang perubatan haiwan secara khusus. Doktor veterinar juga dikenali sebagai doktor haiwan. Doktor veterinar bertanggungjawab mengawal dan merawat penyakit haiwan, memastikan makanan yang sesuai untuk haiwan ternakan, merancang dan menjalankan kerja pemeliharaan dan pembaikan mutu haiwan ternakan, menguatkuasakan undang-undang mengimport haiwan, dan mengawasi pusat-pusat kuarantin haiwan.



Penjagaan rapi haiwan peliharaan sangat penting. Huraikan kepentingan penjagaan haiwan peliharaan.



Kerjaya Berisiko Hasil Lumayan

AKTIVITI



Tulis ulasan berdasarkan bahan. Panjang ulasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan.

Saiful membaca keratan akhbar tentang kerjaya berisiko di Malaysia.

Operator Kren dan Bangunan Pencakar Langit

Pembinaan bangunan tinggi memerlukan perkhidmatan operator kren. Tidak ramai yang tahu bahawa kerjaya sebagai operator kren yang mempunyai Sijil Teknologi Automotif (Penyelenggaraan Jentera Berat) memperoleh pendapatan lumayan. Terdapat beberapa jenis kren yang dikendalikan oleh operator kren seperti kren menara, kren bergerak, dan kren berantai.



Operator kren bekerja dalam keadaan yang berisiko tinggi. Mereka perlu mengendalikan kren yang beratnya antara 7 – 800 tan. Saiz kren yang berbeza dan berat ini perlu dikendalikan dengan baik. Risiko kren tumbang dan kemalangan di tempat kerja boleh berlaku jika mereka tidak berhati-hati. Kren tersebut perlu dikawal dengan baik, terutamanya ketika mengangkut bahan pembinaan yang berat seperti besi, konkrit, dan bongkah batu ke atas bangunan.

Selain itu, operator kren juga bekerja di tempat yang tinggi, terutamanya semasa pembinaan bangunan tinggi. Operator kren tidak boleh berasa takut atau gayat ketika berada di tempat yang tinggi. Ketinggian kabin kren sehingga 24 meter atau menyamai ketinggian bangunan empat tingkat. Mereka juga perlu berhati-hati ketika memanjat atau menuruni tiang kren bagi mengelakkan diri daripada terjatuh.

Operator kren perlu bekerja dalam keadaan cuaca yang panas dan berangin. Tiang kren akan bergoyang ketika angin kuat. Sekiranya hujan pula, panahan petir boleh menyebabkan sistem komputer dalam kabin kren terbakar akibat litar pintas. Oleh itu, mereka mestilah mempunyai kekuatan dari segi mental dan fizikal.

Kesimpulannya, kerjaya sebagai operator kren amat diperlukan pada masa ini. Projek pembinaan bangunan pencakar langit yang pesat tidak dapat berjalan dengan lancar tanpa bantuan operator kren yang cekap, mahir, dan berpengalaman.



TEROKA MINDA



Berbincanglah dengan rakan sekelas anda tentang kerjaya lain yang berisiko. Nyatakan persamaan dan perbezaannya.





Sempurnakan Majlismu

AKTIVITI



Tulis dialog tentang kerjaya dengan menggunakan perbandingan semacam berdasarkan bahan.



Setiap kali tiba musim cuti persekolahan, Sarina sibuk macam lebah menguruskan majlis perkahwinan. Pelanggannya sentiasa berpuas hati dengan hasil kerja Sarina yang berkualiti dan sempurna. Senyumannya yang manis macam gula itu sentiasa memikat hati pelanggannya. Mereka mudah berurusan dengan Sarina kerana kepakaran dan pengalamannya menguruskan majlis perkahwinan.

Perniagaan Sarina semakin maju kerana dia bijak menawarkan pakej majlis perkahwinan yang menarik. Semua keperluan majlis perkahwinan ditawarkan dengan harga yang berpatutan, tidaklah mahal seperti emas. Terdapat banyak keistimewaan pakej yang ditawarkan seperti tempat majlis, pakaian pengantin, solekan, pelamin, tempahan makanan, dan kad jemputan. Sarina bijak merancang tugasnya agar kemas dan teratur. Dia bijak seperti kancil.

Selain itu, Sarina juga bersedia untuk memberikan khidmat nasihat kepada pelanggannya tentang menu yang ingin dipilih. Mereka boleh memilih pelbagai jenis hidangan yang enak seperti nasi minyak, rendang tok, acar buah, dan ayam masak merah. Sarina juga suka melihat pengantin yang telah disolek cantik seperti bidadari. Pasangan pengantin boleh memilih berbagai-bagai jenis pakaian pengantin di butiknya.

Sarina sangat mencintai kerjayanya sebagai perancang majlis perkahwinan dan ingin meningkatkan pengetahuan dan pengalamannya dalam bidang ini lagi. Dia yakin akan menjadi perancang perkahwinan yang hebat suatu hari nanti. Sarina tersenyum gembira.



PERKASA ILMU

BUNGA RAMPAI

Harga pakej termasuk:

- Dewan berhawa dingin yang dilengkapi peralatan jamuan, kerusi dan meja tetamu, meja orang kenamaan, dan meja makan beradab pengantin.
- Set nasi dengan pilihan lauk-pauk untuk meja pengantin.
- Pelamin dan dua set pakaian pengantin.
- Kek perkahwinan tiga tingkat.
- Peralatan sistem audio dan pengacara majlis.
- Kumpulan kumpang.
- Perkhidmatan jurufoto profesional dan rakaman video pengantin.

Sila hubungi:

Puan Sarina binti Ahmad,
Pengurus Syarikat Bunga Rampai Sdn. Bhd.,
Jalan Kekwa, Seri Kembangan, 43300,
Selangor Darul Ehsan.

Nombor telefon: 03-1234567/012-1234567

E-mel: sarina@gmail.com





AKTIVITI



Berdasarkan bahan, senaraikan kata ganda penuh, kata ganda berimbuhan, dan kata ganda majmuk. Kemudian, bina ayat dengan menggunakan kata ganda tersebut.

Sukan Kerja Profesional

Mohan dan Thaveekul pergi ke Stadium Shah Alam, Selangor untuk menyaksikan perlawanan bola sepak. Ketika sampai di sana, mereka melihat orang ramai berbaris-baris untuk membeli tiket. Suasana ketika itu riuh-rendah. Penyokong yang terdiri daripada anak-anak muda memakai pakaian yang

berwarna-warni. Mereka berpusu-pusu ketika memasuki stadium.

Kelihatan para penonton begitu bersemangat untuk menyaksikan perlawanan bola sepak tersebut. Para penyokong kedua-dua pasukan mengibarkan bendera sambil bersorak-sorai dan bertepuk-tepuk tangan. Berbagai-bagai sepanduk dan kain rentang turut dibawa oleh mereka. Semua petugas perlawanan seperti pengadil, jurulatih pasukan, unit rawatan dan kecemasan, pihak keselamatan dan pengulas sukan telah bersiap siaga sebelum perlawanan bermula. Pemain-pemain juga telah berada di stadium dengan memakai jersi pasukan masing-masing.



PERKASA ILMU

KATA GANDA

Jenis Kata Ganda

penggandaan penuh

penggandaan separa

penggandaan berentak

seperti

seperti

Contoh Kata Ganda

rumah-rumah

jejari

hiruk-pikuk



Apakah yang anda faham tentang kerjaya dalam bidang sukan? Berikan tiga contoh kerjaya tersebut dan nyatakan keistimewaannya.





Sambutan Hari Pekerja

Sambutan Hari Pekerja diadakan pada 1 Mei setiap tahun. Tujuan utama sambutan Hari Pekerja adalah untuk mengiktiraf dan menghargai sumbangan pekerja kepada negara dan mengeratkan semangat bekerjasama serta permuafakatan antara kerajaan, majikan, dan pekerja. Seluruh negara akan bercuti pada tarikh tersebut.

Beberapa pihak yang terlibat dalam sambutan ini ialah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kongres Kesatuan Sekerja (MTUC), Kongres Kesatuan Sekerja dalam Perkhidmatan Awam (CEUPACS) dan Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF). Setiap tahun sambutan Hari Pekerja mempunyai tema yang berbeza. Contohnya, Tema Hari Pekerja pada tahun 2016 ialah “Pekerja Sihat, Produktiviti Meningkatkan”.

Terdapat banyak anugerah dalam pelbagai kategori diberikan kepada individu, majikan, industri, dan kesatuan yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam pembangunan negara. Contohnya, Anugerah Perdana Menteri, Anugerah Tokoh Pekerja Kategori Eksekutif dan Bukan Eksekutif, Anugerah Tokoh Pekerja Kategori Orang Kurang Upaya, Anugerah Majikan 1Malaysia, dan Anugerah Kesatuan Sekerja.

Semasa Majlis Sambutan Hari Pekerja, pelbagai aktiviti seperti Seminar Kesedaran dan Kesihatan Pekerjaan, Konvensyen Kesatuan Sekerja, program gotong-royong, dan Forum Perdana Hal Ehwal Islam dijalankan. Pekerja yang turut serta dalam aktiviti yang dianjurkan ini akan memperoleh banyak manfaat. Mereka didedahkan kepada pengetahuan tentang kebajikan dan kesihatan pekerja. Jabatan kerajaan dan agensi swasta sama-sama terlibat dalam menjayakan aktiviti ini.



Kesimpulannya, Hari Pekerja merupakan hari yang penting dan istimewa buat semua pekerja di Malaysia. Oleh itu, marilah kita menyambut Hari Pekerja dengan gembira dan penuh penghayatan.



PERKASA ILMU

ANTARA PENERIMA ANUGERAH HARI PEKERJA 2015

- **Anugerah Perdana Menteri untuk Kecemerlangan Sumber Manusia**
X-Fab Sarawak Sdn. Bhd.
- **Anugerah Tokoh Pekerja Negara (Kumpulan Eksekutif)**
Yap Fui Fook,
Sampling Housing Product Sdn. Bhd.
- **Anugerah Tokoh Pekerja Negara (Kumpulan Bukan Eksekutif)**
Abdul Halim bin Ghani @Yaacob,
Tenaga Nasional Berhad
- **Anugerah Tokoh Pekerja Negara (Orang Kurang Upaya)**
Anuar bin Mansor,
Sek. Men. Keb. Temerloh Jaya

(Sumber: <http://e-anugerahharipekerja2016.com.my>)

Tema 17

INTEGRITI

Integriti Pemangkin Sahsiah Unggul

Pembudayaan integriti membentuk masyarakat dan negara yang cemerlang



A magnifying glass with a black handle and silver rim is positioned over a list of five integrity traits. The traits are: Amanah (pink), Keikhlasan (purple), Kejujuran (red), Kesempurnaan (blue), and Keutuhan (green). The background of the magnifying glass is a light grey circle. The traits are written in a bold, sans-serif font. The magnifying glass is held by a hand, and the handle is visible on the right side.

Amanah
Keikhlasan
Kejujuran
Kesempurnaan
Keutuhan

Fokus



Murid mempelajari kepentingan mengamalkan sifat integriti dalam kehidupan. Aktiviti yang disediakan merangkumi aspek bercerita tentang gambar, memberikan maksud perkataan daripada pantun dan cogan kata, menulis biodata tokoh, menulis karya fiksiyen, menulis isi penting daripada brosur, mengenal pasti frasa nama daripada cerpen, dan permainan kata bersilang.

Unit 33 Sempurnakan Diri



Mendengar dan Bertutur

AKTIVITI




Sambung cerita ini berdasarkan ilustrasi.

Keikhlasan Budi

Lima belas tahun yang lalu, kehidupan Hadi dan keluarganya serba kekurangan. Pada ketika itu, ayah Hadi tidak bekerja kerana sering jatuh sakit. Hadi selalu dimarahi oleh pemilik sebuah kedai ubat di pekan yang berdekatan dengan rumahnya kerana tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk membayar harga ubat yang ingin dibelinya.

Sewaktu pulang dari pasar, Pak Seman, pekedai runcit di pekan itu telah terlihat Hadi yang sedang menangis teresak-esak di hadapan kedai ubat tersebut kerana dia sudah tidak mampu untuk membelikan ayahnya ubat. Pak Seman yang berasa simpati terhadap Hadi telah membayar harga ubat itu.

Kini, Hadi telah bertugas sebagai doktor pakar. Pada suatu hari, Pak Seman dimasukkan ke hospital tempat Hadi bertugas kerana menghidap penyakit kronik. Hadi berasa ...



TEROKA MINDA



Rujuk pelbagai bahan media dan senaraikan nilai murni yang patut diterapkan dalam kehidupan kita sehari-hari. Huraikan kewajarannya.

Perihal bayaran	kos (RM)
Caj rawatan	200.00
Pembedahan	8000.00
Kos sebenar	8200.00
Amaan perlu dibayar	0.00





Akhlaq Terpuji

AKTIVITI



1. Berikan makna perkataan yang **berwarna biru** dengan merujuk kamus dan glosari, kemudian bina ayat.
2. Jelaskan maksud setiap rangkap pantun.

Kesempurnaan diri asas
keunggulan peribadi

Keutuhan peribadi membentuk
jati diri berintegriti

Kejujuran **pencetus** budaya
kerja cemerlang

Keikhlasan bekerja **pemacu**
negara gemilang

Amanah **pemangkin**
kecemerlangan hidup

Ilmu **tunjang**
tamadun bangsa

TEROKA MINDA



Tulis satu perenggan teks dengan menggunakan ungkapan menarik di atas.

Pantun Utuh Peribadi

Pohon rambutan si pohon sena,
Di atas tunggul hinggap sang helang;
Warisan **watan** insan sempurna,
Peribadi unggul **sahsiah** cemerlang.

Indah kembang bunga dahlia,
Letak jerami di atas palang;
Insan cemerlang **pekerti** mulia,
Kelak bersemi bangsa **terbilang**.

Daun melati jangan disayat,
Daun kemboja di atas peti;
Amalkan **integriti** selagi hayat,
Tekun bekerja seikhlas hati.

Baja ditabur suburkan tanah ,
Tanam halia di perdu keranji;
Jangan **takbur** pupuk amanah,
Akhlaq mulia lagi **terpuji**.

Tanam pegaga di tepi anjung,
Duduk terlena di pohon redup;
Amanat dijaga dasar dijunjung,
Tanda sempurna tujuan hidup.

Bersinar kilauan cincin di jari,
Pakai sedondon cincin suasa;
Pupuk keilmuan di sanubari,
Bentuk tamadun negara sentosa.

(ALE.2016)





Menulis

AKTIVITI



Tulis maklumat diri tokoh dalam bentuk borang maklumat diri.

Setulus Khidmat Guru



Tan Sri Dr. Haili bin Dolhan merupakan anak kelahiran Sibu, Sarawak. Beliau dilahirkan pada 16 September 1952. Beliau mendapat pendidikan awal di SK Merpati Jepang dan pendidikan menengah di SMK Green Road, Kuching, Sarawak. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Geografi, Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Bimbingan Kaunseling, Universiti Durham, dan Doktor Falsafah (Pendidikan) Perancangan Sumber Manusia, Universiti Birmingham, United Kingdom.

Perkhidmatan beliau dalam dunia pendidikan bermula pada 23 Jun 1970. Beliau pernah menabur bakti di 10 buah sekolah di Sarawak sebagai tenaga pengajar, guru penolong kanan, dan pengetua.

Sebelum dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia, beliau telah memegang beberapa jawatan di Jabatan Pelajaran Negeri. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Ketua Nazir Negeri.

Tan Sri Dr. Haili juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian, Pengarah Pusat Pembangunan Kurikulum, Pengarah Lembaga Peperiksaan Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan), dan Rektor Institut Pendidikan Malaysia. Tan Sri Dr. Haili bertanggungjawab dalam perancangan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025).

Tan Sri Dr. Haili pernah menyertai banyak persidangan, seminar, kursus, konvensyen, dan kumpulan kerja teknikal di dalam dan di luar negara. Ketokohan beliau dalam dunia pendidikan amat terserlah sehingga beliau diiktiraf sebagai Tokoh Guru Kebangsaan 2015.

Kecemerlangan perkhidmatan dan sumbangan beliau dalam bidang ini juga melayakkan Tan Sri Dr. Haili dianugerahi Pingat Perkhidmatan Setia (PPS) 2001 dan Pingat Perkhidmatan Bakti (PPB) 2003 oleh Kerajaan Negeri Sarawak, Ahli Mangku Negara (AMN) 1997, Darjah Kebesaran Panglima Mahkota Wilayah (PMW) 2010, dan Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota (2016) yang membawa gelaran Tan Sri oleh Kerajaan Persekutuan.

(Sumber: Tan Sri Dr. Haili bin Dolhan)



PERKASA ILMU

Adab berguru:

1. Memberikan salam dan menegur dengan bahasa yang sopan apabila bertemu dengan guru.
2. Menerima teguran dan nasihat guru dengan hati terbuka.
3. Membuat kerja yang diberikan oleh guru dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh.

TEROKA MINDA



1. Hasilkan biografi pengetua di sekolah anda.
2. Rancang satu aktiviti untuk mengenang jasa guru anda.





AKTIVITI



Tulis karya fiksiyen dengan mengaplikasikan kerangka penulisan.

- Qila masuk ke dalam lubang itu, badan Qila seperti direntap dan berpusar-pusar lalu sampai di Antartika.
- Bertemu dengan Guin yang pintar dan pandai berkata-kata.
- Dibawa melihat kejadian glasier dengan menaiki kenderaan merentas masa.
- Guin membawa Qila menyaksikan keadaan glasier pada masa ini.
- Guin menunjukkan pentas air.
- Guin sedih kerana keluarganya diancam kepupusan.
- Guin menunjukkan keadaan glasier pada masa depan melalui skrin masa depan kepada Qila.
- Dunia akan parah jika manusia tidak amanah terhadap alam.

Guin meminta bantuan Qila untuk menyampaikan mesej tersebut kepada manusia agar menjaga alam sekitar – Guin menghantar Qila ke pintu merentas masa untuk pulang.

Amanah Alam

Di bumi, manusia mengalami fenomena pemanasan global – cuaca sangat panas – Qila mengutip sampah dan dedaun di bawah pokok – terjumpa lubang misteri pada permukaan tanah.



PERKASA ILMU

Kesan rumah hijau ialah pemanasan yang berlaku apabila kepekatan gas rumah hijau seperti karbon dioksida, karbon monoksida, dan nitrogen dioksida dalam sesuatu ruang tertutup meningkat dan menyekat haba daripada terbebas. **Pulau haba** pula ditakrifkan sebagai peningkatan suhu sesebuah bandar berbanding dengan suhu di kawasan sekitarnya.





AKTIVITI



Analisis dan betulkan kesalahan ayat dalam teks.

Keluarga Harmoni

Keluarga ialah agen sosial yang terkecil dalam masyarakat. Namun, kerukunan dan keharmonian sesebuah keluarga memainkan peranan penting dalam pembentukan sesebuah masyarakat penyayang. Keluarga harmoni ialah idaman semua pihak-pihak. Terdapat pelbagai faktor yang

mewujudkan keluarga harmoni.

Keutuhan teras keluarga harmoni. Kasih sayang yang sangat utuh sekali antara anggota keluarga mewujudkan ikatan yang kukuh antara ibu, bapa dan anak-anak. Ibu bapa sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan setiap anak-anak. Keadaan ini menyebabkan anak-anak berasa dihargai oleh ibu bapa. Anak-anak hormat ibu bapa. Mereka juga tidak melukai ibu bapa.

Selain daripada itu, kesempurnaan didikan agama juga mampu mewujudkan keluarga harmoni. Agama ialah panduan hidup. Pegangan agama yang sempurna menjadi benteng yang kuat untuk menangkis perkara yang buruk dalam keluarga. Anak-anak sentiasa mentaati ibu bapa. Anak-anak juga saling hormat-menghormati hak masing-masing. Keharmonian keluarga terpelihara.

Selanjutnya, komunikasi yang berkesan antara anak-anak dan ibu bapa melahirkan keluarga harmoni. Ibu bapa sepatutnya menjadi pendengar setia terhadap permasalahan anak-anak. Perbincangan ibu bapa dan anak-anak perlu selalu dijalankan. Perbincangan merangkumi lain-lain hal. Anak-anak perlu bersikap jujur. Sikap suka berbohong merugikan diri sendiri. Masalah akan sukar untuk diselesaikan jika kedua pihak tidak berterus terang.

Secara keseluruhannya, terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan sesebuah keluarga yang harmoni terbentuk. Setiap individu mestilah memainkan peranan masing-masing untuk mewujudkan keluarga yang harmoni. Hal ini demikian kerana keluarga harmoni tonggak masyarakat penyayang. Masyarakat penyayang negara tenteram.



(Sumber: Puan Fauziah Abdul Rashid)

TEROKA MINDA



Pada pendapat anda, mengapakah komunikasi berkesan antara anak-anak dengan ibu bapa sangat penting?



Secara berpasangan, senaraikan ciri keluarga harmoni berdasarkan peta pemikiran yang sesuai.



Unit 34 Tonggak Sejahtera



Mendengar dan Bertutur

Dilema Zuki

AKTIVITI



Berikan ulasan anda berdasarkan bahan.

Zuki ialah petugas koperasi di sekolahnya. Pada suatu hari, dia diminta mengira wang jualan koperasi kerana guru koperasi sedang berurusan dengan pembekal. Zuki mendapati ada lebihan wang sebanyak RM20.00.

Akaun Kira-kira Koperasi

Bil.	Barang	Harga Seunit	Kuantiti	Jumlah (RM)
1	Roti	0.80	280	224.00
2	Minuman berkotak	1.00	305	305.00
3	Pen	1.20	41	49.20
4	Pensel	0.80	25	20.00
5	Buku tulis	1.10	85	93.50
6	Pemadam	0.60	38	22.80
7	Kalkulator	45.00	6	270.00
8	?	?	?	20.00
JUMLAH				1004.50



TEROKA MINDA



Pada pendapat anda, bagaimanakah Zuki menyelesaikan masalah lebihan wang itu?



Petugas koperasi perlu mempunyai nilai-nilai moral dalam menjalankan tanggungjawab. Bincangkan.





AKTIVITI



Baca dan kenal pasti idea utama dan idea sampingan dalam teks.

Semarakkan Integritimu

Remaja Berkualiti Negara Gemilang

Oleh: Dayang Azmiran binti Awang Saiman

Negara gemilang lahir daripada remaja berkualiti. Remaja yang ada pada hari ini akan menggantikan tempat para pemimpin, cendekiawan, ilmuwan, pakar ekonomi, dan lain-lain pada suatu hari nanti. Oleh itu, terdapat beberapa kualiti diri yang perlu ada pada golongan remaja.

Kesempurnaan peribadi ialah asas pembentukan remaja berkualiti. Peribadi yang sempurna dapat mengelakkan remaja daripada terjerumus ke lembah yang hina. Hal ini dinyatakan demikian kerana remaja yang berperibadi mulia senantiasa berpegang teguh pada ajaran agama dan mengamalkan nilai moral yang tinggi.

Selain itu, seseorang remaja perlu mempunyai keutuhan jati diri. Keutuhan jati diri mampu menyemarakkan rasa cinta seseorang remaja terhadap negara. Keadaan ini meningkatkan kesanggupan beliau untuk mempertahankan bahasa, adat, dan warisan bangsa dengan penuh kebanggaan.



Seterusnya, remaja berkualiti berpegang pada amanah. Amanah yang ada pada diri seseorang remaja dapat meningkatkan kepercayaan orang lain kepadanya. Dengan adanya kepercayaan daripada pelbagai pihak, seseorang remaja itu mampu mengurus atau mentadbir organisasi dengan cemerlang. Selanjutnya, seseorang remaja yang berkualiti mesti mengamalkan keikhlasan hati dan kejujuran. Kedua-dua nilai ini mendorong remaja agar berusaha untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran dengan penuh amanah. Remaja seperti ini tidak akan sekali-kali menggunakan

cara yang negatif untuk berjaya. Dengan cara ini, akan lahirlah insan berkualiti yang akan menggemilangkan negara.



Kesimpulannya, remaja ialah aset utama bagi sesebuah negara. Remaja yang berkualiti dan berintegriti menjadi pemangkin kegemilangan sesebuah negara. Oleh hal yang demikian, agenda pembentukan sahsiah, jati diri, dan pengisian rohani serta ilmu pengetahuan dalam kalangan remaja perlu dijadikan keutamaan oleh semua pihak.



Sebagai remaja, jelaskan langkah-langkah yang perlu anda lakukan untuk membina keutuhan jati diri.





AKTIVITI



Senaraikan isi penting dan bina kerangka mengikut peta pemikiran yang sesuai.



Falsafah kami

Bantu diri supaya dapat membantu orang lain.

Prinsip kami

Sentiasa bersedia dan rela membantu rakan yang memerlukan bantuan tanpa mengira agama, bangsa, jantina, kedudukan, perlakuan, dan fizikal.

Jom sertai kami

AKTIVITI KELAB PRS SMKSS:

- Minggu Tautan Kasih
- Minggu Kerjaya
- Mentor Menti
- Karnival Pendidikan
- Pertandingan Melukis Poster

Sila kunjungi:
Bilik Sekretariat Kelab
Pembimbing Rakan Sebaya
Sekolah Menengah Kebangsaan
Sri Siantan

Rakan Bantu Rakan

Zuki mendapat brosur tentang Pembimbing Rakan Sebaya di bilik Unit Bimbingan dan Kaunseling di sekolahnya.

Peranan anggota PRS

Konsep asas Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) ialah rakan bantu rakan. Dalam usaha membantu rakan-rakan, terdapat pelbagai peranan yang dilaksanakan oleh anggota PRS.

Anggota PRS memainkan peranan sebagai suri teladan kepada murid-murid lain. Mereka akan sentiasa menjaga tingkah laku dan mematuhi peraturan sekolah. Hal ini selaras dengan etika PRS, iaitu sentiasa mematuhi peraturan sekolah dan norma masyarakat serta agama.

Selain itu, PRS juga berperanan sebagai salah satu sumber rakan untuk mendapat bantuan. Peranan ini bertepatan dengan konsep asas PRS, iaitu rakan bantu rakan. Anggota PRS sentiasa bersedia untuk menghulurkan bantuan yang diperlukan oleh murid lain seperti menyelesaikan masalah pembelajaran.

Seterusnya, anggota PRS turut memberikan galakan dan sokongan kepada rakan-rakan supaya mengambil langkah yang positif ketika menghadapi masalah. Sebagai remaja, galakan dan sokongan moral amat penting untuk meningkatkan motivasi murid. Selain itu, tindakan positif bakal mendatangkan kesan yang baik kepada diri sendiri.

Selanjutnya, anggota PRS berperanan sebagai penghubung kepada Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK). Pihak UBK menawarkan pelbagai perkhidmatan yang berguna kepada remaja seperti program kerjaya. Melalui PRS, maklumat tentang program dan perkhidmatan UBK dapat disebarkan kepada murid.



PERKASA ILMU

Peranan Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah adalah untuk membantu murid menyelesaikan masalah secara sistematik dan berterusan bagi melahirkan murid yang amanah, berintegriti, kreatif, dan berinovasi.





Semi Kasih Citra Tanggungjawab

Kehidupan keluarga Azama umpama kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Ayah Azama meninggal dunia semasa dia berusia 10 tahun kerana serangan penyakit asma. Pada ketika itu, ibu Azama bekerja sebagai penjual surat khabar lama. Wang itulah yang digunakan untuk menyara kehidupan mereka berlima.

Azama kasihan akan adiknya yang berkaki ayam ke sekolah. Dia mendapat idea. Kasutnya akan dipakai secara bergilir-gilir dengan adiknya. Anis akan memakai kasut itu pada sesi persekolahan waktu pagi, Azama pula pada sesi petang. Seusai Anis tiba di rumah, Azama akan berlari sekuat hatinya ke sekolah kerana bimbang ditahan oleh guru disiplin.

Azama ialah abang yang bertanggungjawab. Dia mahu Anis memiliki kasut sendiri. Satu acara larian akan diadakan di sekolah dengan hadiah utamanya ialah sepasang kasut.

Pada hari pertandingan Azama berlari dengan bersungguh-sungguh. Dia mahu mendapat hadiah utama. Azama nekad untuk memperoleh kasut itu supaya Anis gembira.

Azama berjaya memenangi acara larian. Ketika majlis penyampaian hadiah, Azama menangis. Susah payah Azama telah berbaloi.



Andaikan anda ialah Anis, nyatakan perasaan anda berhubung dengan pengorbanan Azama dan berikan sebab-sebab anda berperasaan sedemikian.

AKTIVITI



Hasilkan syair yang berkaitan dengan bahan.

Tersebut kisah keluarga Azama,
Tiada berayah diserang asma,
Ibu menjual surat khabar lama,
Buat menampung hidup berlima.





AKTIVITI



1. Kenal pasti frasa nama.
2. Hasilkan satu perenggan karangan berdasarkan frasa nama tersebut.

Kasih Atas Kejujuran

Teksi yang dipandu oleh Pak Daus meluncur laju di atas jalan raya. Dia ingin menghantar seorang pelancong asing ke Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sebelum pulang ke rumah. Pelancong ini bernama Albart. Albart berasal dari Belanda. Albart

peramah. Ketika berbual, Albart memuji keindahan Malaysia.

“Cantik sungguh negara ini,” kata Albart kepadanya.

Pak Daus mengukir senyuman. Dia berbangga menjadi rakyat Malaysia, pemilik bumi bertuah ini.

“Terima kasih, tuan,” jawab Pak Daus.

Mereka berdua terus berbual ketika teksi Pak Daus semakin menghampiri PWTC. Namun, Pak Daus kecewa sedikit kerana kesesakan lalu lintas menyebabkan perjalanannya ke PWTC tergendala. Kereta bergerak perlahan di jalan raya. Albart menggeleng-geleng kepalanya melihat keadaan ini kerana bimbang akan terlambat.

Tidak lama kemudian, mereka tiba di pekarangan hotel. Albart bergegas keluar dari teksi. Pak Daus membantu Albart mengeluarkan bagasi dari dalam but teksinya. Selepas Albart membayar tambang teksi, Pak Daus memandu teksi untuk pulang ke rumah.

Malam itu, ketika membawa anak-anaknya ke pasar raya, salah seorang anaknya menyerahkan dompet kepadanya.

“Dari mana datangnya dompet ini?” soal Pak Daus kepada anaknya.

“Di sini,” jawab anaknya sambil menepuk-nepuk tempat duduk belakang teksinya.

“Banyak sungguh duit di dalam dompet itu,” kata anaknya.

Pak Daus terkejut mendengar kata-kata itu. Dia menegur tindakan anaknya membuka dompet itu. Pak Daus sedar pemilik dompet itu ialah Albart, penumpang terakhirnya hari ini.

Keesokan hari, awal-awal pagi lagi Pak Daus sudah tiba di lobi hotel. Pak Daus bertanya pekerja hotel tentang Albart. Mujurlah Albart masih menginap di hotel itu. Pekerja hotel menghubungi Albart. Albart turun ke lobi dengan segera.

“Saya tidak dapat tidur semalaman kerana asyik memikirkan dompet saya,” kata Albart sambil berkali-kali mengucapkan terima kasih kepada Pak Daus.

Pak Daus berlalu pergi selepas itu. Masih terngiang-ngiang di telinganya, pujian Albart terhadap sikap jujur dan amanah yang diamalkannya itu. Pak Daus tersenyum puas.



Jika kejadian seperti di atas berlaku terhadap anda, nyatakan tindakan yang akan anda lakukan.






Kata Bersilang

AKTIVITI



1. Cari enam perkataan yang berkaitan dengan integriti secara melintang dan menegak.
2. Beri makna perkataan tersebut, kemudian bina pelbagai jenis ayat.



Tema

18

PENTADBIRAN DAN POLITIK

Teguh Bersamamu Malaysia

Ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya



Fokus

Murid dapat mempelajari tentang sistem pentadbiran dan kepemimpinan negara, peranan Parlimen sebagai lambang demokrasi serta ciri-ciri, nilai, dan peranan pemimpin yang berwibawa. Murid turut mendapat maklumat tentang proses mengundi.

Unit 35 Dataran Merdeka



Mendengar dan Bertutur

Di Sinilah Bermula

AKTIVITI



Dengar dan sebut perkataan dan rangkai kata yang **berhuruf tebal** dengan sebutan yang betul. Contoh: patriotisme

I
Dataran ini
menjadi saksi
warga bangsa
wira perkasa
negarawan bijaksana
bersatu padu
hidup muhibah
menelusuri sejarah
turunnya bendera
penjajah durjana.

II
Dataran ini
merekayasa azam
memperkukuh **iltizam**
mempersubur patriotisme
rakyat jelata
desa kota
alaf **pramerdeka.**

III
Dataran ini
saksi kibarnya
bendera negara
di persada tanah air tercinta
gah megah Negaraku
penuh semangat
penuh amanat
penuh daulat
membangunkan bangsa
memakmurkan nusa
Merdeka, tanah airku
Merdeka, nusa bangsaku.

ADICHONAN
Kuala Lumpur.





Parlimen Lambang Demokrasi

AKTIVITI



1. Baca petikan dan nyatakan maksud ungkapan yang **berwarna merah**.
2. Bincangkan sistem pentadbiran negara berdasarkan carta.

Parlimen Malaysia merupakan lambang struktur demokrasi kerajaan yang mencerminkan aspirasi rakyat. **Pemimpin umpama pohon, rakyat ibarat akar, kuat lilit kerana simpulnya**. Parlimen Malaysia merupakan badan penggubal undang-undang tertinggi negara yang terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Rentetan daripada pilihan raya umum yang pertama selepas negara mencapai kemerdekaan ialah Mesyuarat Penggal Pertama Parlimen Pertama Persekutuan Tanah Melayu yang diadakan pada 11 September 1959 di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Pada tarikh tersebut, Dewan Negara dan Dewan Rakyat buat **julung-julung kalinya** bersidang serentak di Dewan Tunku Abdul Rahman.

Aturan urusan mesyuarat yang pertama ialah pemilihan Yang Dipertua bagi kedua-dua dewan tersebut. Pemilihan ini diikuti oleh majlis mengangkat sumpah oleh kesemua 38 orang Ahli Dewan Negara dan 104 orang Ahli Dewan Rakyat. Pada 16 September 1963, Malaysia telah terbentuk. Berikutan daripada itu, nama Parlimen Persekutuan Tanah Melayu telah bertukar kepada Parlimen Malaysia. Tarikh tersebut juga **mengukir sejarah** penting apabila persidangan Parlimen diadakan di bangunan Parlimen yang **tersergam indah**.

(Sumber: Diubah suai daripada www.parlimen.gov.my)



Fungsi Utama Kerajaan





Suara Pemimpin

AKTIVITI



Tulis laporan yang lengkap tentang lawatan ke Parlimen Malaysia.



PERKASA ILMU

Format Karangan Laporan:

1. **Tajuk laporan** ditulis dengan huruf besar pada setiap awal kata, kecuali kata hubung dan kata sendi nama, dan digaris. Tajuk hendaklah ditulis di tengah-tengah.
2. **Isi laporan** bermula dengan pendahuluan dan diakhiri dengan penutup.
3. **Pengakuan pelapor** ditulis pada bahagian kiri selepas perenggan terakhir.
4. **Tarikh** ditulis pada bahagian kanan laporan, sebaris dengan pengakuan pelapor.
5. **Tandatangan pelapor** ditulis pada bahagian kiri, selepas pengakuan pelapor.
6. **Nama pelapor** ditulis dengan huruf besar di dalam kurungan, selepas tandatangan pelapor.
7. **Jawatan pelapor** ditulis pada bahagian bawah nama pelapor, berserta dengan nama persatuan yang diwakili, dan dibubuh tanda koma di hujungnya. Nama sekolah, daerah, dan negeri ditulis pada baris yang berikutnya, diakhiri dengan noktah (.).

Harith bersama-sama dengan rombongan sekolahnya telah pergi melawat ke Parlimen Malaysia dan berkesempatan melihat Dewan Rakyat bersidang. Harith telah menulis catatan dalam diari peribadinya.

Lawatan ke Parlimen Malaysia

4 Oktober 20□□

7:00 pagi

- Lapor diri kepada guru pengiring
- Taklimat ringkas sebelum bertolak
- Mengagihkan makanan dan minuman
- Bas bertolak ke Parlimen Malaysia

8:30 pagi

- Tiba di destinasi
- Mendengar taklimat ringkas daripada pegawai bertugas
- Melawat sekitar Parlimen
- Membaca sejarah penubuhan Parlimen

10:00 pagi

- Melihat Dewan Rakyat bersidang
- Perarakan membawa masuk cokmar
- Ucapan Speaker Dewan
- Perbahasan bermula
- Ahli dewan silih berganti berhujah
- Pelbagai isu dibangkitkan
- Ada yang menepuk-nepuk meja
- Ada yang ketawa
- Bermacam-macam gelagat

12:30 tengah hari

- Dewan Rakyat sidang pagi berhenti rehat
- Sesi berjumpa dengan pemimpin
- Dapat mengenali pemimpin negara
- Pemimpin berjiwa rakyat

1:00 tengah hari

- Bertolak balik ke sekolah
- Seronok walaupun berasa letih
- Pengalaman berharga





Umarak Rakyat

AKTIVITI



Berdasarkan teks yang disediakan, betulkan teks pengacaraan di bawah. Kemudian, persembahkan pengacaraan anda.

Jawatankuasa Kecil Kampung Setia Bersatu telah berganding bahu untuk menganjurkan majlis sambutan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi kawasan Kampung Setia Bersatu yang menang dalam pilihan raya kecil baru-baru ini.

Yang Berhormat Dato' Hazim bin Sulaiman, ADUN Kawasan Lempias, Yang Berbahagia Tuan Haji Razan bin Wan Long, Ketua Kampung Setia Bersatu, tuan-tuan, puan-puan serta hadirin yang saya kasihi sekalian. Salam sejahtera dan salam hormat. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dapat kita berhimpun bersama-sama pada petang ini untuk meraikan kemenangan Yang Berhormat Dato' dalam pilihan raya kecil baru-baru ini. Bagi memberkati majlis, izinkan saya menjemput Yang Berbahagia Tuan Haji Khairul Zakuan bin Zawil untuk mengetuai bacaan doa. Dipersilakan. Terima kasih Tuan Haji atas bacaan doa tersebut. Hadirin yang saya hormati, sekarang tibalah masa yang dinanti-nanti, iaitu ucapan mutiara kata seulas bicara oleh Yang Berhormat Dato' Hazim bin Sulaiman, ADUN kesayangan kita. Terima kasih Yang Berhormat Dato' atas ucapan dan amanat yang penuh bersemangat sebentar tadi. Hadirin, majlis diteruskan lagi dengan penyampaian sumbangan kepada penduduk Kampung Setia Bersatu. Seterusnya, majlis menjemput Yang Berhormat Dato' dengan diiringi oleh Tuan Haji Razan selaku ketua kampung untuk menyampaikan sumbangan tersebut. Dipersilakan. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Dato'. Akhir kata, sejarah yang terukir pada hari ini menjadi kebanggaan penduduk Kampung Setia Bersatu. Semoga pucuk pimpinan ini menjadikan kita lebih bersatu hati dan lebih produktif.



Daun selasih mari dimakan,
Terima kasih saya ucapkan.



PERKASA ILMU

Umarak ialah perkataan bahasa Arab yang bermaksud para pemimpin atau golongan pemerintah.





Condong yang akan Menongkat, Rebah yang akan Menegak

AKTIVITI



1. Bina lapan ayat dasar berdasarkan teks dan ilustrasi di bawah (rujuk muka surat 47 tentang ayat dasar).
2. Jelaskan ciri-ciri pemimpin pilihan anda.

Presiden atau Yang Dipertua merupakan ketua dalam sesebuah organisasi kepimpinan. Organisasi kepimpinan ada jentera pentadbirannya sendiri. Organisasi tersebut merangkumi Timbalan Presiden, Setiausaha, Bendahari dan Anggota Jawatankuasa atau Exco.

Presiden sebagai pemimpin mestilah kreatif. Pemimpin mesti menggerakkan organisasinya.

Pemimpin yang berwibawa dan kreatif dapat menjadikan kepimpinan tersebut lebih maju dan berjaya. Terdapat beberapa ciri pemimpin yang disukai dan menjadi harapan masyarakat.

Pemimpin hendaklah menjalankan tugas dengan jujur. Pemimpin mestilah amanah. Pemimpin perlu menjalankan tanggungjawab. Amanah dan tanggungjawab ini tidak akan terlaksana tanpa pemimpin yang berwibawa. Sebagai pemimpin rakyat, beliau haruslah bersama-sama dengan rakyat menyelesaikan permasalahan mereka. Pemimpin seperti inilah yang menjadi harapan rakyat.

Kesimpulannya, pemimpin mestilah menjadi tempat rakyat meletakkan harapan mereka. Nasib rakyat akan terbelah. Pemimpin pula akan disanjung dan dihormati. Jadi, kedua-duanya perlulah saling melengkapi.



PERKASA ILMU

María Estela Martínez Cartas (1931–) atau lebih dikenali sebagai Isabel Martínez de Perón ialah isteri ketiga mantan Presiden Argentina, Juan Perón. Setelah suaminya meninggal dunia pada 1 Julai 1974, beliau dilantik sebagai Presiden Argentina dan memerintah negara tersebut sehingga 24 Mac 1976. Beliau dianggap sebagai presiden wanita pertama di dunia dan dalam sejarah Amerika Latin.

(Sumber: <http://biography.yourdictionary.com/isabel-martinez-de-peron>)



Unit 36 Nilai Demokrasi



IMBAS SAYA



Mendengar dan Bertutur

Hari Mengundi

AKTIVITI



Dengar lagu dan teliti liriknya, kemudian ceritakan proses pengundian yang dijalankan bagi sesuatu pilihan raya tersebut.

Mari Mengundi

Marilah mari
Pergi mengundi
Jangan lupa kewajipan pada negara.

Hari undi akan tiba
kekalkan demokrasi
gunakan hak kita yang asasi.

Fikir terlebih dulu
Dengan akal bestari
Sebelum membuang undi
Yang dihargai.

Marilah mari
Pergi mengundi
Jangan lupa kewajipan pada negara.

Jangan lupa kad pengenalan
Serta nombor daftar undi
Masa tidak kerugian
Membuang mengundi.

Bila memangkah kertas undi
harus kita berhati-hati
kalau salah tak berganti sesal sendiri.

Marilah mari
Pergi mengundi
Jangan lupa kewajipan pada negara.



PERKASA ILMU

Ciri-ciri negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen:

1. Berperlembagaan
2. Raja berperlembagaan
3. Parlimen
4. Pilihan raya
5. Kuasa pemerintahan
6. Parti-parti politik
7. Kebebasan asasi

(Sumber: <http://demokrasiberparlimen.weebly.com/ciri-ciri-demokrasi-berparlimen.html>)



1.2.1

211



Tunaikan Hak Anda

AKTIVITI



Baca pengumuman tentang pilihan raya kecil.

Semasa Harith dan ayahnya sedang menonton televisyen, pengumuman pilihan raya disiarkan.

PENGUMUMAN

Pilihan raya kecil Kawasan N869 bagi pemilihan Ahli Dewan Undangan Negeri akan diadakan seperti butiran berikut:

A. Hari Penamaan Calon

Tarikh: 4 Mac 20□□
 Hari: Sabtu
 Masa: 9:00 pagi – 3:00 petang
 Lokasi: Dewan Kampung Sentosa

B. Hari Mengundi

Pengundi Awal: 18 Mac 20□□ (Sabtu)
 Pengundi Biasa: 25 Mac 20□□ (Sabtu)
 Masa: 8:00 pagi – 5:00 petang

Pengundi dinasihati berpakaian sopan dan membawa kad pengenalan. Para pengundi digalakkan datang awal dan mendaftar di meja pendaftaran terlebih dahulu sebelum membuang undi. Pengundi diminta senyap semasa proses pengundian dijalankan.

Pastikan anda hadir pada hari mengundi dan jalankan tanggungjawab anda sebagai rakyat negara ini. Tunaikan hak memilih anda. Selamat Mengundi.

“Hak Anda ialah Tanggungjawab Anda”



TEROKA MINDA



Jelaskan pendapat anda tentang kebaikan pilihan raya yang diadakan.





Disiplin Dijunjung Sekolah Disanjung

AKTIVITI



Tulis perenggan isi dan kesimpulan berdasarkan bahan.

Pengawas sekolah dilantik oleh pihak sekolah secara rasmi. Pengawas bertugas mengawasi dan memastikan setiap peraturan sekolah dipatuhi oleh semua murid. Pengawas membantu pihak sekolah menjaga disiplin murid. Terdapat beberapa ciri pengawas sekolah yang berkualiti yang dijadikan kriteria bagi pemilihan pengawas.



Bertanggungjawab



Ciri-ciri pengawas sekolah yang berkualiti



- Pemimpin dihormati
- Pemimpin disanjung





Kepentingan Nilai Budi

AKTIVITI



1. Berikan maksud rangkai kata **nilai toleransi dalam masyarakat**.
2. Jelaskan tiga ciri pemimpin masa hadapan berdasarkan teks yang diberikan.
3. Sebagai remaja, berikan pendapat anda tentang kepentingan nilai budi bagi seseorang pemimpin.

Remaja hari ini merupakan generasi pemimpin masa hadapan. Untuk memilih pemimpin masa hadapan bukanlah mudah dan perlu dilakukan dengan teliti, bak kata pepatah, “jikalau mengangin jangan tumpah padinya”. Bakal pemimpin masa hadapan perlu mempunyai nilai etika dan integriti yang tinggi. Dalam hal ini, aspek budaya seperti sikap saling menghormati sememangnya tidak boleh diketepikan. Persoalannya, apakah ciri-ciri yang perlu ada pada pemimpin masa hadapan? Terdapat tiga ciri yang perlu ada pada pemimpin masa hadapan, iaitu budi bahasa, budi pekerti, dan budi bicara.

Pertamanya, budi bahasa yang tinggi dapat menggambarkan perihal seseorang pemimpin yang tahu menjaga tutur katanya. Kata-kata yang dilafazkan dapat menggambarkan pemikiran seseorang pemimpin. Pemimpin yang berbudi bahasa sentiasa dipandang tinggi oleh anggota masyarakat.

Keduanya, budi pekerti, iaitu perihal pekerti seseorang, sifat, dan perwatakan yang ditunjukkan melalui tingkah laku yang sopan ataupun sebaliknya. Pemimpin yang disanjung ialah pemimpin yang mempunyai sifat atau pekerti yang dikagumi. Pemimpin seperti ini sangat dihormati dan senang didampingi oleh orang ramai.

Ketiganya, budi bicara pula merupakan pertimbangan yang berasaskan akal fikiran dengan mengambil kira **nilai toleransi dalam masyarakat**. Nilai budi bicara ini penting untuk mengikis sikap mementingkan diri sendiri dalam diri individu. Pemimpin yang memiliki nilai budi bicara senang menerima pandangan masyarakat dan bersikap terbuka.

Kesimpulannya, pemimpin masa hadapan merupakan pemimpin harapan negara. Mereka perlu mengamalkan ketiga-tiga nilai budi ini agar kepemimpinan mereka dapat mencapai aspirasi dan wawasan negara.





AKTIVITI



1. Berdasarkan bahan, analisis kesalahan bahasa.
2. Nyatakan kepentingan ucapan manifesto kepada seseorang bakal pemimpin.



PERKASA ILMU

Manifesto ialah pengisytiharan atau pengumuman kepada orang ramai tentang dasar (polisi, tujuan) sesuatu parti politik, persatuan, dan lain-lain.



Huraikan pendapat anda tentang usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh seseorang pemimpin bagi menambat hati rakyat.

Janji Dikota

Nor Musliha diminta menyampaikan ucapan manifestonya. Beliau merupakan calon ketua pengawas di sekolahnya.

Terima kasih saudari pengerusi majlis. Salam sejahtera dan selamat pagi saya ucapkan kepada puan natipah binti mohd. hussin, selaku pengetua sekolah, puan cindy yong, selaku guru kanan penolong, guru-guru dan warga murid sekalian yang saya kasihi.

Berdirinya saya pada pagi yang ceria ini adalah untuk menyampaikan ucapan manifesto saya sebagai calon ketua pengawas pada sesi kali ini. Warga Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Lakaran Ilmu, izinkan saya merungkaikan manifesto yang menjadi gagasan dan pegangan saya sebagai pemimpin di sekolah ini.

Ya! Sesungguhnya saya akan memikul tanggungjawab dengan penuh amanah dan adil. Saya juga akan memastikan kebajikan rakan-rakan murid terbela. Tetapi saya memerlukan sokongan padu daripada rakan semua. Mengapa kita perlu bersatu hati? Kita perlu bersatu hati demi naikkan nama sekolah kita. Suasana aman dan harmoni kita akan wujudkan.

Saya akan mengadakan tabung amal kepada murid yang memerlukan. Saya akan pastikan pihak sekolah membenarkan murid-murid meminjam lebih dari lima buah buku sehari. Semasa waktu rehat murid-murid dibenarkan berada di dalam kelas untuk mengulang kaji. Para murid-murid dibenarkan memakai kemeja-T sekolah pada hari Isnin.

Nah! Apa yang ditunggu lagi. Kerjasama dan sokongan rakan semua perlu bermula dari saat ini. Kerana sokongan padu daripada rakan semua mampu merealisasikan gagasan saya ini.

Akhir kata, jangan pilih saya kalau tidak mahu manifesto ini menjadi realiti. Sekian, terima kasih.





Pengukuhan dan Pengayaan

Harapan Kami

AKTIVITI



Tulis sepucuk surat kepada pemimpin yang anda sanjungi. Dalam surat tersebut, nyatakan cadangan yang boleh dilakukan oleh pemimpin untuk membangunkan daerah tempat tinggal anda.

Zarul dan Rafiq bercadang untuk menyertai Pertandingan Menulis Surat kepada Pemimpin. Ketika membelek-belek surat khabar, mereka terlihat beberapa fakta menarik yang dapat dijadikan sumber ilham untuk menulis surat tersebut.

Alamat Pengirim:
Ditulis di sebelah kiri di bahagian atas surat.

Garis Panjang Melintang:
Dibuat di bawah alamat pengirim.

Tarikh:
Ditulis di sebelah kanan surat, sebaris dengan baris akhir alamat penerima.

Nama dan Alamat Penerima:
Ditulis di bawah garis melintang; baris akhir alamat dibubuh garis.

Panggilan Hormat Penerima:
Ditulis di bawah alamat penerima dan dibubuh koma (,) di hujungnya.

Perkara:
Ditulis selepas panggilan hormat penerima dan digaris. Huruf besar digunakan pada setiap awal kata, kecuali kata hubung dan kata sendiri nama, dan tiada noktah (.)

Penomoran:
Perenggan pertama dan akhir tidak dibubuh nombor dan ditulis dari tepi surat. Hanya perenggan kedua dan seterusnya dibubuh nombor dan ditulis jarak sedikit daripada nombor.

Isi Surat:
Menyatakan tujuan surat ditulis.

Harapan:
Menyatakan harapan penulis agar hasrat dan permohonan diterima.

Nama dan Jawatan Pengirim:
Nama dan jawatan pengirim ditulis selepas tandatangan dengan huruf besar sepenuhnya dan dibubuh kurungan.

Persatuan Bulan Sabit Merah,
Sekolah Menengah Seri Cemerlang,
Jalan Maharajalela,
50460 Kuala Lumpur.

Pengetua,
Sekolah Menengah Seri Cemerlang,
Jalan Maharajalela,
50460 Kuala Lumpur.

Tuan,

Memohon Kebenaran Mengadakan Pameran Keselamatan Jalan Raya

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Persatuan Bulan Sabit Merah Sekolah Menengah Seri Cemerlang (SMSC), berhasrat mengadakan Pameran Keselamatan Jalan Raya yang dirancang akan diadakan pada hari Sabtu, 23 Disember 20□□.

2. Pameran Keselamatan Jalan Raya ini diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan dan meningkatkan kesedaran warga SMSC tentang kepentingan menjaga keselamatan diri ketika melintas jalan atau semasa berada di jalan raya.
3. Sehubungan dengan itu, saya memohon kebenaran tuan untuk menggunakan Dewan Utama SMSC sebagai tempat pameran tersebut, yang akan bermula pada pukul 8:00 pagi dan berakhir pada pukul 2:00 petang tarikh berkenaan. Selain itu, saya juga berbesar hati mengundang tuan untuk merasmikan pameran tersebut.

Saya berharap agar tuan tidak menghampakan permohonan ini. Kesudian tuan merasmikan pameran ini juga amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih. Sekian.

Yang menjalankan tugas,

Razarul Razid

(RAZARUL RAZID BIN ZAINUL)
Setiausaha,
Persatuan Bulan Sabit Merah SMSC.

5 DISEMBER 20□□.

Contoh format surat rasmi

Jawapan/Lampiran Pilihan

TEMA 1: AMALAN GAYA HIDUP SIHAT

Tatabahasa: Senaraikan kata nama am, kata nama khas dan kata nama yang mengalami pemajmukan berdasarkan bahan – muka surat 6

Contoh jawapan:

Kata Nama Am	Kata Nama Khas	Kata Nama Majmuk
penyakit	Kementerian Kesihatan Malaysia	darah tinggi
barah	Jabatan Kesihatan Negeri	kencing manis
roti	Kelab Nutrisi Malaysia	batu karang
buah		angin ahmar
osteoporosis		rumah tangga
susu		

TEMA 4: SENI BERSEDIKAN BUDAYA

Teroka Minda: Jelaskan faedah-faedah yang ditawarkan dalam pengajian bidang kesenian – muka surat 44

Contoh jawapan:

- (i) Dapat mendalami keunikan budaya di negara kita.
- (ii) Menerima unsur perbezaan sosiobudaya yang wujud antara kaum di Malaysia.
- (iii) Mendalami keunikan budaya bangsa.
- (iv) Memperkukuh jati diri masyarakat.

TEMA 5: JATI DIRI DAN KEWARGANEGARAAN

Teroka Minda: Huraikan pendapat anda tentang warga Malaysia yang telah mencipta nama pada peringkat antarabangsa – muka surat 51

Contoh jawapan:

Datuk Nicol Ann David ialah pemain skuasy tersohor yang telah mencipta nama pada peringkat antarabangsa. Beliau telah banyak memenangi pertandingan skuasy pada peringkat dunia. Sehingga bulan Februari 2015, beliau berjaya mempertahankan gelaran pemain nombor satu dunia dalam sukan skuasy wanita selama 106 bulan, sekali gus dianggap sebagai pemain skuasy paling unggul sepanjang zaman. Rakyat Malaysia sangat berbangga atas kejayaan beliau.

TEMA 5: JATI DIRI DAN KEWARGANEGARAAN

Membaca: Cari maksud perkataan – muka surat 56

1. **berbudaya** – mempunyai budaya; mempunyai fikiran dan akal budi yg sudah maju
2. **tokoh** – bersinonim dengan orang kenamaan (dalam apa-apa bidang seperti politik, kebudayaan, agama, dan lain-lain); orang yang terkemuka, terkenal, pakar, ahli
3. **kraf tangan** – perusahaan (kerja, seni, dan sebagainya) yang memerlukan daya cipta dan kemahiran menggunakan tangan
4. **tempatan** – sesuatu yang berkaitan dengan tempat tertentu, di tempat itu sendiri
5. **tradisional** – berkaitan dengan, bersifat, atau mengikut tradisi (diamalkan turun-temurun)
6. **warisan** – harta peninggalan; harta pusaka; sesuatu yang diwarisi
7. **aneka** – berbagai-bagai, berjenis-jenis
8. **renyah** – leceh, rumit, susah
9. **keunikan** – sesuatu yang eksklusif: karya reka yang lebih halus, indah, dan mempunyai keistimewaan tersendiri
10. **destinasi** – tempat yang dituju dalam perjalanan atau tempat penerimaan sesuatu (surat, barang, dan lain-lain yang dikirim)

TEMA 5: JATI DIRI DAN KEWARGANEGARAAN

Aktiviti: Edit kesalahan ejaan dan tanda bacaan dalam bahan – muka surat 57

Kesalahan Ejaan dan Tanda Baca

	Salah	Betul
1.	kabarnya	khabarnya
2.	pehak	pihak
3.	digengam	digenggam
4.	mengangukkan	menganggukkan
5.	ibubapa	ibu bapa
6.	pasokan	pasukan
7.	melody	melodi
8.	pra kelayakan	prakelayakan
9.	dwi tahunan	dwitahunan
10.	terngiang giang	terngiang-ngiang
11.	“Tahniah, Burhan, kamu memang juara	“Tahniah Burhan, kamu memang juara!
12.	“Baiklah cikgu”	“Baiklah cikgu,”

TEMA 9: EKONOMI DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Aktiviti: Kenal pasti pola ayat dasar – muka surat 102

Pola	Subjek	Predikat
Frasa Nama + Frasa Nama	Nazran	ialah Pengerusi Kelab Pengguna sekolahnya.
Frasa Nama + Frasa Nama	Faris	pula Bendahari kelab itu.
Frasa Nama + Frasa Kerja	Mereka	sedang merancang untuk menyewa ruuai bersempena dengan Hari Jualan Amal di Putrajaya.
Frasa Nama + Frasa Adjektif	Idea awak	amat menarik.
Frasa Nama + Frasa Sendi Nama	Mereka	ke Laman Ilmu untuk berbincang tentang perkara itu.

TEMA 9: EKONOMI DAN PENGURUSAN KEWANGAN

Aktiviti: Betulkan kesalahan ayat – muka surat 107

Bil	Salah	Betul
1.	Benar, saya bersetuju untuk membeli kedua majalah tersebut.	Ya, saya bersetuju untuk membeli kedua-dua buah majalah tersebut.
2.	Minta saudara boleh membuat pembayaran di bank simpanan nasional.	Mohon saudara membuat pembayaran di Bank Simpanan Nasional.
3.	Oh! begitu, Saya akan memaklumkan tentang pembayaran tersebut kepada encik setelah membuat transaksi di bank.	Oh, begitu! Saya akan memaklumkan pembayaran kepada encik setelah membuat transaksi di bank.
4.	Bolehkah saudara memberikan alamat bere-mel yang lengkap?	Bolehkah saudara memberikan alamat e-mel yang lengkap?
5.	Saya akan berikan bersama-sama pembayaran bukti.	Saya akan berikannya bersama-sama dengan bukti pembayaran.

TEMA 10: PELANCONGAN

Aktiviti: Analisis tatabahasa dan betulkan kesalahan yang terdapat dalam petikan – muka surat 117

BINTULU – Festival Layang-layang Antarabangsa Borneo Bintulu, Sarawak, berlangsung **daripada** 23 – 27 September. Festival ini **adalah** festival yang kesebelas. Festival ini telah diberi penambahbaikan **supaya** menjadikannya satu upacara yang **paling berprestij sekali**.

“Festival layang-layang kali ini kita jangkakan tercatat dalam *The Malaysia Book of Records* bagi *The Longest Arch Kite Tunnel*. Program ini dijangka dapat menarik perhatian pengunjung dari dalam dan luar negara,” katanya pada sidang media di sini petang semalam.

Beliau percaya bahawa festival layang-layang dalam kalendar pelancongan ini dapat membantu mempromosikannya **pada** mata dunia. Festival ini dapat menggalakkan lebih ramai orang **daripada** luar Bintulu datang berkunjung ke sini.

“Festival ini mendapat pengiktirafan serta sokongan peserta antarabangsa. Pada setiap tahun terdapat penambahan peserta. Hal ini memberikan harapan **untuk** penganjur bagi menjadikannya sebagai sukan layang-layang **amat terbesar** di rantau Pasifik,” ujar beliau lagi.

Perasmian dijangka disempurnakan oleh Ketua Menteri Sarawak pada 27 September, **jam** 9.30 pagi. Tujuan perasmian ini **ialah** untuk menarik perhatian ramai tentang festival ini. Majlis yang diadakan di lapangan terbang lama Bintulu ini akan dihadiri oleh orang kenamaan negeri Sarawak.

Jawapan:

- | | |
|---|-------------------------------------|
| 1. daripada - dari | 6. daripada – dari |
| 2. adalah – ialah | 7. untuk – kepada |
| 3. supaya – untuk | 8. amat terbesar – terbesar |
| 4. paling berprestij sekali – paling berprestij | 9. ialah – adalah |
| 5. pada – di | 10. jam 9:30 pagi – pukul 9:30 pagi |

TEMA 11: SEJARAH DAN WARISAN

Aktiviti: Jelaskan maksud kosa kata dan ungkapan menarik dalam teks – muka surat 124

- | | |
|---|---|
| 1. diisytiharkan | – memberitahukan; mengumumkan; memaklumkan kepada orang ramai |
| 2. seni bina | – hal yang berkaitan dengan pembinaan sesebuah bangunan (penyediaan reka bentuk, penyeliaan pembinaan bangunan, dan sebagainya) |
| 3. busana | – pakaian yang lengkap lagi indah buatannya |
| 4. tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas | – adat yang tidak berubah-ubah; kekal |
| 5. adat istiadat | – berbagai-bagai adat dan kebiasaan; majlis rasmi untuk menyambut sesuatu peristiwa (seperti pertabalan, perkahwinan, dan sebagainya) |
| 6. rambang mata | – tidak tahu yang mana satu yang hendak dipilih (kerana banyak pilihan) |
| 7. aneka makanan | – berbagai-bagai jenis makanan atau juadah |
| 8. keaslian rasa | – rasa yang tulen dan semula jadi tanpa menggunakan bahan tiruan |
| 9. menambat selera | – memikat atau menarik atau menawan keinginan untuk makan |
| 10. sarat | – terlalu banyak berisi sesuatu sehingga penuh atau berat |
| 11. elemen | – salah satu daripada unsur |
| 12. menelusuri | – menjejaki sesuatu peristiwa, cerita, dan sebagainya |

TEMA 11: SEJARAH DAN WARISAN

Teroka Minda: Bandingkan dan bezakan Istana Seri Menanti dengan istana lain di Malaysia – muka surat 128

Istana Iskandariah Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan mempunyai seni bina yang berbeza dengan Istana Seri Menanti yang terkenal dengan seni ukiran Melayu. Istana Iskandariah yang telah siap dibina pada tahun 1933, memperlihatkan seni bina Islam-India “sarasenic”. Hal ini jelas dapat dilihat pada seni bina pintu gerbang, menara, dan kubah yang berbentuk bawang.

TEMA 11: muka surat 131

Aktiviti: Senaraikan kata kerja tak transitif

- Kata kerja tak transitif berpelengkap:
 1. semakin baik
 2. semakin melaju
 3. menguning
- Kata kerja tak transitif tak berpelengkap:
 1. berpasangan
 2. bercucuk tanam
 3. tersenyum

TEMA 14: WADAH ILMU

Aktiviti: Betulkan kesalahan ayat dalam teks – muka surat 162

1. Ayat salah: Kok Seng, projek PABM yang dibuat oleh kamu bagaimana?
Ayat betul: Kok Seng, bagaimanakah projek PABM yang kamu buat?
2. Ayat salah: Nampaknya masalah pencemaran air paling kritikal sekali.
Ayat betul: Nampaknya masalah pencemaran air paling kritikal.
3. Ayat salah: Sisa air yang berasid kulit kerang netralkan.
Ayat betul: Kulit kerang meneutralkan air sisa yang berasid.
4. Ayat salah: Saya sedang menguji lagi keberkesanan alat ini.
Ayat betul: Saya sedang menguji keberkesanan alat ini lagi.

TEMA 14: WADAH ILMU

Aktiviti: – muka surat 164

1. Terangkan maksud kosa kata dan ungkapan menarik yang terdapat dalam cerpen

tersentak	–	terjaga atau tersedar dengan tiba-tiba
senior	–	lebih tua dari segi usia
teruja	–	timbul minat atau keinginan yang kuat terhadap sesuatu; naik semangat
kekok	–	berasa canggung atau kaku melakukan sesuatu (kerana belum biasa)
tersenyum kelat	–	senyum yang dibuat-buat (bukan gembira)
lubuk hati	–	dalam hati, batin
berbelah bahagi	–	tidak tetap atau teguh (pendirian, perasaan, dan sebagainya)
pembakar semangat	–	menyemarakkan sesuatu perasaan
berbunga mekar	–	perasaan yakin akan sesuatu (impian atau hasrat menjadi kenyataan)
segulung kejayaan	–	mencapai cita-cita
bisik hati	–	berkata-kata di dalam hati (monolog dalaman) yang tidak dapat didengari oleh orang lain

2. Maksud frasa “Di sini pemimpin dilahirkan” ialah tempat untuk belajar atau menuntut ilmu atau menerima pelajaran yang menjadi asas kepada kejayaan hidup seseorang (menjadi ketua negara, organisasi, dan sebagainya).

3. Ibu mahu Sanom belajar di sekolah berasrama supaya Sanom dapat menuntut ilmu dalam suasana yang selesa, dengan kemudahan prasarana yang lengkap

TEMA 15: BAHASA DAN SASTERA

Aktiviti: Analisis dan edit kesalahan ejaan, tanda baca, dan kesalahan nahu yang terdapat dalam bahan – muka surat 178

Bil.	Salah	Betul
1.	prodak	produk
2.	disalah gunakan	disalahgunakan
3.	tehadap	terhadap
4.	Perabut Maju Jaya	Perabot Maju Jaya
5.	Pak Kalil Nasi Kandar	Nasi Kandar Pak Kalil
6.	Azura Restoran	Restoran Azura
7.	lain-lain bahasa	bahasa-bahasa lain
8.	penutor	penutur
9.	tata bahasa	tatabahasa
10.	Siapa yang perlu dipersalahkan?	Siapakah yang perlu dipersalahkan?
11.	ayat susunan	susunan ayat
12.	tanggung jawab	tanggungjawab

TEMA 16: KERJAYA

Aktiviti: Senaraikan aspek pengulangan kata dan singkatan kata berdasarkan bahan – muka surat 185

Pengulangan kata

1. melukis sahaja
2. boleh
3. tak nak
4. Liza
5. mulia

Singkatan kata

1. tak
2. nak
3. tapi
4. mak
5. dah
6. tu

TEMA 16: KERJAYA

Aktiviti: Kenal pasti kata kerja tak transitif – muka surat 186

Kata kerja tak transitif tanpa pelengkap:

1. bekerja
2. datang
3. berbincang
4. tersenyum
5. saling membantu
6. tiba
7. bekerjasama

TEMA 16: KERJAYA

Aktiviti: Berdasarkan bahan, senaraikan kata ganda penuh, kata ganda berimbuhan, dan kata ganda majmuk – muka surat 191

1. pemain-pemain
2. berlari-lari
3. berbaris-baris
4. bersorak-sorai
5. bertepuk-tepuk
6. riuh-rendah
7. anak-anak
8. berpusu-pusu
9. kedua-dua
10. masing-masing
11. berbagai-bagai
12. masing-masing
13. hiruk-pikuk
14. berwarna-warni
15. mengurut-urut
16. berjalan-jalan
17. beramai-ramai

Tema 17: INTEGRITI

Aktiviti: Analisis dan betulkan kesalahan ayat dalam teks – muka surat 198

	Salah	Betul
1.	Keluarga harmoni ialah idaman semua pihak-pihak.	Keluarga harmoni ialah idaman semua pihak.
2.	Kasih sayang yang sangat utuh sekali antara anggota keluarga mewujudkan ikatan yang kukuh antara ibu, bapa, dan anak-anak.	Kasih sayang yang sangat utuh / utuh sekali antara anggota keluarga mewujudkan ikatan yang kukuh antara ibu bapa dengan anak-anak.
3.	Ibu bapa sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan setiap anak-anak.	Ibu bapa sentiasa berusaha memenuhi keperluan setiap anak.
4.	Anak-anak hormat ibu bapa.	Anak-anak menghormati ibu bapa.
5.	Selain daripada itu, kesempurnaan didikan agama juga mampu mewujudkan keluarga harmoni.	Selain itu, kesempurnaan didikan agama juga mampu mewujudkan keluarga harmoni.
6.	Anak-anak juga saling hormat-menghormati hak masing-masing.	Anak-anak juga saling menghormati/ hormat-menghormati hak masing-masing.
7.	Selanjutnya, komunikasi yang berkesan antara anak-anak dan ibu bapa melahirkan keluarga harmoni.	Selanjutnya, komunikasi yang berkesan antara anak dengan ibu bapa melahirkan keluarga harmoni.
8.	Perbincangan merangkumi lain-lain hal.	Perbincangan merangkumi hal-hal lain.
9.	Masalah akan sukar untuk diselesaikan jika kedua pihak tidak berterus terang.	Masalah akan sukar untuk diselesaikan jika kedua-dua pihak tidak berterus terang.
10.	Setiap individu mestilah memainkan peranan masing-masing untuk mewujudkan keluarga yang harmoni.	Setiap individu mestilah memainkan peranan untuk mewujudkan keluarga yang harmoni.

Tema 18: PENTADBIRAN DAN POLITIK

Aktiviti: Nyatakan maksud ungkapan – muka surat 207

Bil.	Soalan	Jawapan
1.	Pemimpin umpama pohon	Pemimpin ibarat tempat rakyat berteduh dan dapat memberikan kebaikan kepada rakyat.
2.	Rakyat ibarat akar	Rakyat ialah penyokong atau tonggak kepada kejayaan sesebuah kepimpinan atau sesebuah organisasi.
3.	Kuat lilit kerana simpulnya	Kekuatan sesebuah organisasi terletak pada perpaduan para anggotanya.
4.	Julung-julung kalinya	Buat pertama kalinya.
5.	Mengukir sejarah	Membentuk sesuatu sejarah yang berkaitan dengan sesuatu perkara.
6.	Tersergam indah	Kelihatan tinggi dan besar serta cantik dipandang mata.

Glosari

aerodinamik ilmu sains yang mengkaji cara sesuatu benda bergerak melalui udara seperti kereta, kapal terbang, dan sebagainya

aerosol ampaian cecair atau butiran pepejal yang terdapat di udara

akhiran penambahan atau imbuhan pada bahagian akhir sesuatu kata

akses proses atau cara untuk mencapai (memperoleh, menggunakan) sesuatu data, atau maklumat, capaian

alaf masa yang lamanya 1000 tahun, seribu tahun

alpa lalai

altitud ketinggian sesuatu tempat yang biasanya diukur dari aras laut

alternatif pilihan

amalan perbuatan yang biasa dilakukan

antasid (ubat) bahan beralkali yang dapat melegakan keadaan asid yang berlebihan di dalam perut

antibiotik bahan kimia yang dihasilkan oleh mikroorganisma, yang boleh mencegah pembiakan atau memusnahkan mikroorganisma lain, seperti bakteria (digunakan untuk merawat penyakit berjangkit)

arakan (sastera lama) sesudah itu, maka

aspirasi keinginan yang kuat, cita-cita

astigmatisme kekaburan penglihatan akibat ketakseragaman lengkungan pada kanta mata atau kornea

atmosfera lapisan udara yang melingkungi bumi yang terdiri daripada bahan-bahan gas

awalan penambahan atau imbuhan pada bahagian hadapan sesuatu kata

balet tarian

belunggu halangan

beliung sejenis kapak yang matanya melintang (perkakas tukang kayu)

berasak berhimpit-himpit dan bertolak-tolakan

berintegriti mempunyai kejujuran

biografi riwayat atau kisah hidup seseorang

bioteknologi kegiatan atau kajian yang menggunakan mikroorganisma, sistem biologi, atau proses biologi dalam industri pengeluaran dan perkhidmatan untuk menghasilkan produk seperti antibiotik, vaksin, dan keju

brosur risalah yang memberikan maklumat atau keterangan ringkas tentang sesuatu

bumbu bahan-bahan perencah

busana pakaian yang lengkap dan indah-indah

cendekiawan orang yang cerdik pandai, orang atau golongan terpelajar, intelektual

cita rasa kegemaran dan kecenderungan

curiga syak wasangka, sangsi

darurat keadaan yang mencemaskan atau menyusahkan, kesukaran yang timbul dengan tidak disangka-sangka

degradasi proses penguraian sebatian yang kompleks kepada bentuk yang lebih ringkas

demokrasi pemerintahan negara oleh rakyat atau wakil yang dipilih dalam pilihan raya

diabetes keadaan yang dicirikan oleh perembesan dan perkumuhan air kencing yang berlebihan; kencing manis

dialog percakapan atau perbualan

drama lakonan berpandukan skrip

elit golongan yang dianggap berpengaruh, intelek
eksklusif sesuatu yang bertaraf tinggi, istimewa
eksotik berasal dari luar negeri, asing, luar biasa keistimewaannya seperti buah-buahan, masakan, haiwan
ekspo pameran
ekstrak pati atau jus yang dikeluarkan daripada sesuatu seperti tumbuhan, buah-buahan, atau haiwan
elaun bayaran yang diberikan kepada seseorang (oleh sesebuah organisasi) secara tetap (untuk melaksanakan sesuatu tugas)
etnobotani berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan dan kegunaannya

falsafah pengetahuan tentang pengertian yang dianggap sebagai ilmu yang tertinggi, yang menjadi dasar ilmu-ilmu lain, orang yang ahli dalam falsafah, ahli fikir
fauna keseluruhan haiwan yang hidup di sesuatu daerah atau habitat
frasa terbentuk daripada satu kata yang berpotensi menjadi unit yang lebih besar

galas memikul bungkusan di atas bahu
gamit isyarat dengan jari biasanya dengan menggerak-gerakkan empat jari ke atas dan ke bawah untuk memanggil seseorang
genetik kajian tentang keturunan atau baka, dan cara individu mewarisi sesuatu ciri atau sifat serta memindahkan ciri tersebut daripada satu generasi kepada generasi lain melalui gen
gentian serat, serabut
glasier timbunan besar ais yang bergerak perlahan-lahan menuruni cerun atau merebak ke permukaan bumi
gubal menyusun undang-undang

hab pusat bagi sesuatu
halal dibolehkan oleh undang-undang Islam
hatta (sastera lama) sesudah itu; selepas itu; kemudian dari itu
hormon bahan kimia yang dikeluarkan dalam kelenjar endoktrin dan mempunyai kesan atas kegiatan organ-organ lain

ikal berombak-rombak
imbuan penambahan yang digabungkan kepada sesuatu kata sama ada sebagai awalan, akhiran, atau apitan
insurans perjanjian tanggungan yang dibuat oleh sesebuah syarikat untuk menggantikan kerugian dan bayaran premium tertentu
integrasi gabungan dua atau beberapa kaum
integriti kejujuran, keadaan sempurna dan utuh, keutuhan
intensif dengan giat dan bersungguh-sungguh

julung pertama kali

kata ganda kata yang terbentuk melalui proses perulangan seperti rama-rama, gunung-ganang, jejari
kata nama am kata nama yang merujuk sesuatu secara umum, misalnya: buku, jalan, dan pulau
kata nama khas kata nama yang khusus merujuk orang, tempat, atau benda
kekek bahagian ketiak baju kurung
kekuda kuda-kuda, kayu penyangga pada alat bunyi-bunyian untuk meregangkan tali
kelubung sesuatu seperti kain sebagai pembungkus atau penutup, selubung
khazanah harta benda
kimpalan cantuman dua bahagian logam
komited mempunyai atau menunjukkan komitmen terhadap sesuatu
komoditi barangan yang diperdagangkan
kornea selaput hening di hadapan biji mata yang menutup mata hitam dan anak mata
kosmetik alat solek atau bahan yang digunakan untuk mencantikkan rupa seseorang

laser alat untuk menerbitkan dan memperkuat gelombang-gelombang cahaya menjadi pancaran cahaya yang amat kuat dan tertumpu pada satu hala

layur mendiang di atas api supaya kering, layu, dan lain-lain; memanggang

lestari kekal, tetap

lombol salah satu acara dalam gimnastik, acara yang menggabungkan larian dan lompatan melepasi palang dengan menggunakan galah

malim gunung pemimpin atau petunjuk jalan di kawasan pergunungan

mayang mengurai rambut yang mengurai serta ikal

memuai menjadi kembang (bahan yang direbus, direndam, dimasak, dan lain-lain), bangun atau bangkit (kuih, adunan, dan lain-lain)

menerajui mengetuai

mengetam melicinkan kayu dengan ketam (sejenis alat untuk melicinkan kayu, papan)

metropolitan bandar raya utama

mistik keadaan ghaib yang tidak dapat diselami oleh pemikiran manusia, keanehan, keajaiban

netizen pengguna Internet yang mengambil bahagian dalam masyarakat politik seperti bertukar-tukar pendapat, membekalkan maklumat, dan memberikan sumbangan untuk mengembangkan dan menggalakkan pertumbuhan Internet

obesiti kegemukan yang berlebihan

oftalmologi kajian tentang mata dan penyakitnya

osteoporosis kerapuhan tulang yang biasa dialami oleh orang tua

pancaroba keadaan yang tidak menentu

pantun karangan berangkap yang biasanya terdiri daripada dua baris, empat baris, enam baris, lapan baris, dan seterusnya

pasak sejenis baji atau paku yang dibuat daripada kayu untuk mengetatkan sesuatu

pemangkin faktor yang mempercepat sesuatu

penampilan perihal (tindakan, usaha) menampilkan (mengemukakan) seseorang atau sesuatu

pendeta orang yang mempunyai ilmu dan pengetahuan yang sangat luas

perintis pelopor

persada taman tempat bersuka-suka atau berehat-rehat

pesak kain yang dijahit pada kelengkang atau depan seluar, iaitu pada tempat kancing atau di bawah ketiak baju

persona menjadikan seseorang berasa terpicik (tergoda, kagum, dan sebagainya)

pokok hibrid tumbuhan yang dihasilkan daripada percantuman dua jenis benih yang berlainan, kacukan

polo permainan bola yang melibatkan dua pasukan pemain yang menunggang kuda atau menggunakan kuda dan menggunakan kayu panjang sebagai pemukul bola untuk memasukkan bola ke dalam gol

radar alat untuk mengesan arah dan jarak jauh kapal dengan gelombang radio

rasisme perihal berpuak

rekayasa penerapan unsur-unsur ilmu

relevan ada kaitan atau hubungannya dengan apa-apa yang dibicarakan, apa-apa yang berlaku dan sebagainya

reruai kawasan terbuka dan terhad, tempat mempamerkan atau mempromosikan produk atau perkhidmatan tertentu

sajak sejenis puisi moden yang bebas bentuknya

saluang sejenis alat muzik tradisional masyarakat Minangkabau yang dibuat daripada buluh seperti seruling

samudera lautan

sedak rotan yang dipasang berkeliling gendang dan lain-lain untuk menegangkan kulit gendang dan lain-lain

selenggara mengelolakan

semarak mulai bercahaya atau berseri

sembat sejenis jahitan untuk menetapkan tepi berlipat yang menyerong

skim rancangan

slip kepingan kertas yang kecil dan panjang

sosioekonomi faktor kemasyarakatan dan ekonomi

talempong sejenis alat muzik tradisional masyarakat Minangkabau, seakan-akan bonang dalam perangkat gamelan

tampuk perhiasan sebagai penutup di atas, di pangkal, di hujung sesuatu

teknologi ilmu tentang cara-cara mencipta

telusur mengikut sepanjang tepi jalan, sungai, dan lain-lain

tenggek duduk secara bertinggung

tonggeng membongkok dengan kepala ke bawah dan punggung ke atas

transaksi penyelesaian pembayaran dalam perniagaan (perdagangan), persetujuan jual beli, urusan jual beli (perdagangan), urus niaga

umarak pemimpin

UNESCO akronim bagi *United Nations Educational Scientific and Cultural Organisational* (Pertubuhan Pelajaran, Sains, dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu)

vektor haiwan yang mengandungi parasit berbahaya yang memindahkan parasit tersebut kepada organisma lain

warta risalah atau surat khabar

wasap wap yang bebas daripada cecair mudah meruap yang kelihatan seperti asap, biasanya beracun dan kuat baunya

Senarai Rujukan

- A.Samad Ahmad, 2015. *Edisi Pelajar Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hussain, 2016. *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Ali, 2006. *Mendekati Puisi Melayu Tradisional*. Bandar Baru Bangi: Elpos Print Sdn. Bhd.
- Alias Derais, 2014. *Zizan atau Zidane: Pasukan Paling Top*. Kuala Lumpur: KarnaDya Solutions Sdn. Bhd.
- Ahmad Marzuki Ismail, 2007. *Pengurusan dan Perniagaan Koperasi Sekolah*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Asmah Hj Omar, 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asiah Abdul Rahman, 2015. *Peribahasa Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asiah Abdul Rahman, 2015. *Bahasa Melayu Tingkatan Satu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chua Yee-Yen dan Noor Aini Khalifah, 1990. *Pertukaran Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ensiklopedia kraf Malaysia*, 2012. Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009. *Harga Remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia, 1993. *Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah Menengah*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015. *Pedagogi Bahasa Melayu Abad 21*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013. *Pentaksiran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi*. Lembaga Peperiksaan Malaysia.
- Majlis Pengetua Cemerlang Kebangsaan (MPCK) dan Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Negeri Selangor (MPSM), 2013. *Konsep dan Panduan Pelaksanaan Program i-THINK*. Majlis Pengetua Cemerlang Kebangsaan.
- Mohd Bakri Jaafar & Azmi Morsidi, 2007. *25000 km Menjejak Warisan Kita*. Shah Alam: Ultimate Print Sdn. Bhd.
- Mohd Said Sulaiman, 2008. *Pakai Patut Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammed Salehuddin Aman, 2007. *Mari Kita Berbahasa Jilid 2*. Seri Kembangan: Citra Kurnia Enterprise.
- Nazim Mohd Subari, 2015. *Gurindam Warisan Ibunda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, dan Abdul Hamid Mahmood, 2015. *Binaan Ayat: Tatabahasa Dewan Edisi Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, dan Abdul Hamid Mahmood, 2015. *Golongan Kata: Tatabahasa Dewan Edisi Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, dan Abdul Hamid Mahmood, 2008. *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhayati Mokhtar, 2010. *100 Perkara Kamu Patut Tahu tentang Sains*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Othman Puteh dan Aripin Said, 1995. *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Siti Zainon Ismail, 2009. *Pakaian Cara Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Vishalache Balakrishnan *et.al.*, 2014. *Aplikasi i-Think dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Portal Rasmi:

<https://harisukannegara.my>

<http://biography.yourdictionary.com/isabel-martinez-de-peron>

<http://devastatingdisasters.com>

malaysianpharma.com

professionalimage.wordpress.com

www.aerodspace.wordpress.com

www.bankinginfo.com.my

www.bukudbp.com

www.duitsaku.com.my

www.dbp.gov.my

www.heritage.gov.my

www.ikn.gov.my

www.insuranceinfo.com.my

www.jmm.gov.my/ms

www.met.gov.my

www.utusan.com

www.beritaharian.com

www.myhealth.gov.my

www.cowaywaterfilter.com.my

www.jobshub.info

www.asza.com/CD-store

www.portal.doa.gov.my/ppppm

www.doe.gov.my

www.mosti.gov.my

www.bankinfo.com.my

www.motac.gov.my

Indeks

- akhiran 90, 138, 144
- alam sekitar 73, 75, 82, 84
- amalan 2, 4, 6–8, 35–36, 73, 75–76, 82, 84, 149–150
- aspirasi 4
- awalan 90, 138, 144
- ayat inti 47
- ayat mudah 162

- baca iklan 44
- bacaan luas 60, 96, 168, 192
- banding beza 128
- bangsa 10, 206
- barah 6, 9
- bentuk sajak 53
- berbual 134, 139
- berseri 4, 5
- bina ayat 47, 48, 72
- bumi 74, 79–80, 84

- cegah 2
- cergas 1, 2, 5, 6
- cerita 64, 194
- cuti 110, 114, 119

- deklamasi 53
- demokrasi 207, 211
- dialog 95
- dokumentari 14
- drama 185

- edit kesalahan
 - ejaan 178
 - nahu 178
 - tanda baca 178

- frasa nama 54, 95, 203

- gurindam 94

- halal 146, 147, 149, 150, 151
- hasilkan syair 202
- hijau 73, 74, 75, 76
- industri 146, 147, 148, 149, 151, 152, 155, 156
- kajian 124

- karya fiksiyen 62, 197
- kata adjektif
 - bentuk 66, 174
 - perasaan 66, 174
 - waktu 66, 174
 - warna 66, 174
- kata ganda 143, 191
- kata kerja tak transitif
 - berpelengkap 23, 131, 186
 - tanpa pelengkap 23, 131, 186
- kata nama
 - am majmuk 59
 - am tunggal 59, 167
 - khas majmuk 59
 - khas tunggal 59
- kata pangkal ayat 71, 179
- kata pembenar 71, 179
- kata seru 18, 179
- kata tanya 18, 179
- kebersihan 3,4,7,10
- kejayaan 5
- kelestarian 75
- kemajuan 27
- kerangka karangan 20, 132, 136, 201
- kerja lapangan 57
- kesalahan ayat 107, 198
- kesihatan 1, 2, 3, 6, 7, 8, 9
- kosa kata 123, 164

- lafaz syair 137

- main peranan 176
- makna kata 125
- masyarakat 32, 33, 35, 36, 210, 214, 215
- membaca iklan 44, 171
- memulihara 75
- mendengar lagu 170
- mendidik 29
- menghormati 29, 30
- mengundi 211, 212
- menulis
 - cerita 52
 - dialog 21
 - laporan 129
- maklumat diri 141, 196

pendahuluan 88
ringkasan 45, 105, 108, 165, 184
sinopsis 173
surat kiriman tidak rasmi 41
ulasan 189
merdeka 27, 29
mulia 2
pantun 51, 92, 135
parlimen 207–208
pelancong 111, 112, 114, 115, 116, 117, 118, 120
pemimpin 207, 208, 209, 210, 213, 214, 215, 216
penampilan 3, 4
pengacaraan 42, 126
pengulangan kata 17, 58, 142, 185
pengumuman 175
perbandingan semacam 21, 65, 106
perenggan isi 93
perenggan kesimpulan 93
permainan bahasa 180, 204
perpaduan 25, 26, 27, 32, 33, 36
persoalan 89, 130
pilihan raya 207, 209, 212, 215
produk 4, 146, 148, 149, 150, 153, 156
rakyat 27, 32, 33, 206, 207, 208, 209, 210, 212, 213, 215
remaja 4, 29, 32, 214
rencana 200
sajak 17, 53, 58
sakit 11
segar 77, 79
seimbang 1, 6
seloka 101
singkatan kata 17, 58, 185
situasi 86
surat rasmi 183
syair 161
syarahan 136
tanda bacaan 57
teknologi 73, 75, 84
teks 93, 126, 202
tema 46, 130
temu bual 38, 62
toleransi 27
ujar perkataan 103
uji kaji 63
ulas 98, 199
ungkapan menarik 124, 164
usahawan 153, 154

Skrip Pendengaran

Tema 1 Unit 2

1.2.1 – MENDENGAR DAN BERTUTUR

Video – Proses Merawat Air – muka surat 7

www.youtube.com/watch?v=tdn3tUORm00&feature=youtu.be

Tema 1 Unit 2

3.2.1 – MENULIS

Video – Kanser Paru-paru – muka surat 9

www.youtube.com/watch?v=EIKqk7RYCJ4

Tema 2 Unit 3

1.2.1 – MENDENGAR DAN BERTUTUR

Audio – Panduan Keselamatan Semasa Banjir – muka surat 14

<http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=91>

Tema 2 Unit 4

1.3.1 – MENDENGAR DAN BERTUTUR

Video – Taklimat Keselamatan – muka surat 19

www.youtube.com/watch?v=KYu756jYbuY

Tema 3 Unit 5

1.3.2 – MENDENGAR DAN BERTUTUR

Audio – Ucapan – muka surat 26

<http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=129>

Tema 3 Unit 6

4.3.2 – SENI BAHASA

Video – Syair Bidasari – muka surat 34

www.youtube.com/watch?v=n3SF_9SbY70&feature=youtu.be

Tema 4 Unit 7

3.4.4 – MENULIS

Teks – Kembara Budaya – muka surat 41
<http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=115> -

Tema 4 Unit 8

PENGUKUHAN DAN PENGAYAAN

Laman Sesawang – Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia – muka surat 48
www.kraftangan.gov.my

Tema 5 Unit 9

1.5.1 – MENDENGAR DAN BERTUTUR

Video – Persembahan Sapelele – muka surat 50
<http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=117>

Tema 5 Unit 9

5.4.1 – TATABAHASA

Laman Sesawang – Profil Tokoh – muka surat 54
profile.upm.edu.my/kyusoff

Tema 6 Unit 11

1.5.3 – MENDENGAR DAN BERTUTUR

Video – Pembenhian Awan – muka surat 62
www.youtube.com/watch?v=8EmWa2YyMZw&feature=youtu.be

Tema 6 Unit 12

3.1.1 – MENULIS

Video – Tip Penjagaan Mata – muka surat 69
www.youtube.com/watch?v=4cXsbkz46AA

Tema 7 Unit 13

4.3.2 – SENI BAHASA

Video – Syair – muka surat 77
www.youtube.com/watch?v=bvri1WiVaSY

Tema 8 Unit 16

4.1.2 – SENI BAHASA

Audio – Gurindam Dua Belas – muka surat 94
<http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=120>

Tema 9 Unit 17

4.1.3 – SENI BAHASA

Audio –Seloka Pak Kaduk– muka surat 101
<http://bukuteks.dbp.gov.my/media.php?id=123>

Tema 12 Unit 23

2.1.2 – MEMBACA

Video – Berbalas Pantun – muka surat 135
www.youtube.com/watch?v=JyZygW3HgaU

Tema 12 Unit 24

1.4.2 – MENDENGAR DAN BERTUTUR

Video – Senamrobik – muka surat 139
www.youtube.com/watch?v=4vUPdsougr8

Tema 15 Unit 30

2.2.2 – MEMBACA

Laman Sesawang – Dongeng Warisan Melayu – muka surat 176
techconsult.typepad.com/kids/2010/01/dongeng-warisan-melayu---singapura-dilanggar-todak.html

Tema 18 Unit 36

1.2.1 – MENDENGAR DAN BERTUTUR

Video – Mari Mengundi – muka surat 211
www.youtube.com/watch?v=ohVVBvxMWeY

Tema 2 Unit 3

1.2.1 – Mendengar dan Bertutur

Panduan Keselamatan Semasa Banjir – muka surat 14

Belakangan ini bencana banjir atau bah semakin kerap berlaku. Bencana banjir telah menenggelamkan kawasan tempat tinggal, merosakkan harta benda, merosakkan tanaman dan juga kehilangan nyawa. Aspek keselamatan penting diamalkan semasa banjir. Terdapat beberapa panduan keselamatan semasa banjir. Orang ramai hendaklah sentiasa mendengar pengumuman banjir melalui berita radio dan televisyen dari semasa ke semasa. Sila patuhi arahan pihak keselamatan. Sebagai contohnya, jika anda diminta berpindah ke pusat pemindahan, pastikan anda mematikan semua suis elektrik dan mengunci pintu rumah sebelum berpindah. Selain itu, orang ramai perlu menyimpan semua barangan berharga seperti dokumen peribadi dan barang kemas di tempat yang selamat. Hal ini perlu dilakukan bagi mengelakkan barangan penting ini basah dan rosak. Orang ramai juga dinasihati agar tidak meredah air banjir ataupun menggunakan kenderaan semasa banjir. Perbuatan demikian mungkin akan menyebabkan kejadian tergelincir, hanyut atau disengat binatang berbisu. Pakai jaket keselamatan sekiranya anda perlu meredah banjir. Seterusnya, orang ramai juga dinasihati agar tidak memakan makanan yang tercemar akibat banjir bagi mengelakkan penularan penyakit. Para ibu bapa juga hendaklah sentiasa mengawasi anak-anak agar tidak bermain di kawasan air bah. Pastikan anda dan keluarga selamat semasa banjir.

Tema 3 Unit 5

1.3.2 – Mendengar dan Bertutur

Peranan Sekolah dalam Memupuk Perpaduan – muka surat 26

Assalamualaikum dan salam sejahtera, serta salam sehati sejiwa saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Puan Rozainum binti Ahmad, Pengarah Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia, Yang Berusaha Encik Lim Leong Fat, Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar, guru-guru yang dihormati, tuan-tuan dan puan-puan serta murid-murid yang saya kasihi.

Hadirin yang dimuliakan,

Alhamdulillah, bersyukur kita kerana dapat berhimpun bersama-sama pada pagi yang penuh harmoni ini untuk menyambut Sambutan Hari Perpaduan Peringkat Sekolah Menengah Kebangsaan Semarak Harmoni dengan tema “Satukan Jiwa”. Ucapan penghargaan saya berikan kepada Puan Rozainum binti Ahmad kerana sudi hadir dan menyerikan majlis pada hari ini lagi. Sekolah perlu berperanan memperkukuh perpaduan dalam kalangan murid. Perpaduan perlu menjadi tonggak kepada kekuatan negara. Hal ini perlu disemai dalam jiwa dan minda anak-anak kita. Oleh itu, pendidikan merupakan asas yang penting untuk menyemai, dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan generasi muda, seterusnya menjadi pemangkin bagi melahirkan warganegara yang beridentiti dan berdisiplin.

Hadirin yang dikasihi,

Perpaduan boleh diterapkan melalui aktiviti kokurikulum. Aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan seperti sukan, kelab dan persatuan haruslah dipergiat dan dipertingkatkan. Para pelajar harus dilibatkan dalam aktiviti di luar sistem akademik seperti penglibatan dalam keluarga angkat, persatuan dan badan beruniform. Sikap bangga menjadi warganegara Malaysia perlu diterapkan dalam jiwa pelajar. Hal ini boleh dilakukan melalui penganjuran pelbagai pertandingan, sambutan bulan kemerdekaan, dan hari patriotik. Akhir kata, saya, sekali lagi, ingin merakamkan ucapan penghargaan saya kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Sekarang, dengan sukacitanya saya merasmikan Sambutan Hari Perpaduan Peringkat Sekolah Menengah Kebangsaan Semarak Harmoni Tahun 2016.

Sekian, terima kasih.

Dengan ini **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks

Sekolah _____

Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: _____

Tarikh Penerimaan: _____

BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL